

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa merupakan alat komunikasi yang terpenting. Oleh itu, kita memerlukan bahasa untuk berkomunikasi dan berhubung antara satu sama lain. Setiap orang mempunyai alat pertuturan yang sama, tetapi di mana-mana pun di dunia ini, setiap manusia dan setiap suku bangsa memiliki bahasa pertuturan mereka tersendiri. Namun keadaan dunia sekarang yang kian maju menuntut semua masyarakat dunia untuk mempelajari lebih daripada satu atau dua bahasa.

Kebergantungan sesebuah negara dari segi kemajuan sains dan teknologi, kerjasama dalam bidang pendidikan, perdagangan luar dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dipengaruhi dasar luar negara. Kewujudan semua bentuk kerjasama tersebut telah melahirkan tuntutan kepada individu untuk mempelajari lebih daripada satu bahasa. Keadaan ini juga telah menggalakkan penyebaran bahasa merentas sempadan sesebuah negara. Kini sudah tiba masanya untuk seseorang mempelajari bahasa asing dengan lebih meluas.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang mengorak maju dan telah menggalakkan rakyatnya mempelajari bahasa asing. Salah satunya ialah bahasa Jerman. Jerman ialah sebuah negara besar yang terletak di tengah-tengah benua Eropah. Negara ini sangat maju dari segi sains dan teknologi. Misalnya dengan kecanggihan dan kemodenan industri automobil, mereka telah berjaya menghasilkan jenama-jenama pacuan empat roda yang gah seperti Mercedes-Benz, BMW, Volkswagen, Porsche dan Audi.

Walaupun begitu, nilai kebudayaan dan kesenian masyarakat negara itu tetap dipelihara malah bergerak seiring dengan kemajuan negaranya. Contohnya jika dilihat dari segi aktiviti dan persembahan muzik, opera dan orkestra banyak diadakan di

Jerman setiap tahun. Begitu juga dengan teater. Terdapat 300 buah teater di negara itu yang mempersembahkan pelbagai pertunjukan termasuk kabaret, komedi, *puppet*, magik dan sebagainya. Selain itu, berdasarkan statistik pada tahun 2006 di laman web <http://reganforrest.com/2011/10/statistical-snapshot-of-european-museums/> didapati sebanyak 6175 buah muzium dari pelbagai jenis muzium menjadi daya tarikan pelancong-pelancong di seluruh dunia. Semua kegiatan kebudayaan dan kesenian ini sangat berkembang maju di negara berteknologi canggih itu. Sikap sebahagian masyarakatnya yang dikatakan rajin, menepati masa, mempunyai semangat nasionalisme yang kuat menjadi aset terpenting ke arah memajukan bahasa itu sendiri. Bahasa mereka mampu berkembang dan menjadi salah sebuah bahasa pertuturan yang luas di Eropah.


Kerajaan Jerman telah terdorong untuk memperkenalkan dan menyebarkan bahasa Jerman ke serata dunia melalui sebuah institusi yang begitu teguh, iaitu Goethe-Institut (GI) disebabkan sikap dan jati diri masyarakatnya yang tinggi. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan mempromosikan bahasa Jerman bersama-sama budaya hidup masyarakatnya kepada penutur-penutur bahasa lain di seluruh dunia. GI sejak penubuhan pertamanya di Munich pada tahun 1951 telah mempunyai sebanyak 13 buah cawangan di negara Jerman dan 136 buah cawangan di luar negara Jerman yang menyediakan informasi tentang budaya, bahasa, masyarakat dan politik Jerman (<http://www.goethe.de/uun/prj/60j/zre/enindex.htm>) (<http://www.goethe.de/uun/adr/deu/deu/enindex.htm>).

Sementara itu, badan lain seperti Perkhidmatan Pertukaran Akademik Negara Jerman (Deutscher Akademischer Austausch Dienst-DAAD) yang ditubuhkan pada tahun 1925 merupakan institusi dana terbesar di dunia yang menguruskan pertukaran pelajar. DAAD telah banyak mengeluarkan biasiswa setiap tahun kepada pelajar-pelajar Jerman atau asing di seluruh negara yang berminat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi di negara Jerman. Pada setiap tahun DAAD menguruskan

lebih daripada 250 program melalui pemberian dana kepada lebih 74,000 rakyat Jerman dan bukan Jerman di seluruh dunia. Selain itu, DAAD juga turut membantu mengantarabangsakan universiti-universiti di Jerman dan mempromosikan pengajian Jerman dan bahasa Jerman di luar negara (<http://www.daad.de/portrait/wer-wir-sind/kurzportrait/08940.en.html>).

Usaha-usaha lain yang telah dijalankan bagi menyebarkan bahasa Jerman antaranya adalah melaksanakan promosi melalui pameran-pameran dan persidangan-persidangan yang bertemakan Jerman. Usaha promosi juga diadakan dengan memanfaatkan bidang penyiaran yang sedia ada. Pelaksanaan promosi menerusi penyiaran ini berjaya dilangsungkan apabila tertubuhnya syarikat penyiaran antarabangsa Jerman, iaitu Deutsche Welle (DW) pada tahun 1953. DW menggunakan TV, radio dan laman web sebagai alat saluran informasinya. DW menggunakan cara yang inovatif dan interaktif dalam menyediakan dan mempromosikan bahasa Jerman di seluruh dunia. Beberapa program yang disediakan untuk tujuan ini ialah Deutsch Kurse (German Courses), Deutsch XXL (German XXL), Community D (Community D) dan Deutsch Unterrichten (Teaching German) (<http://www.dw.de/deutsch-lernen/s-2055>).

Bahasa Jerman merupakan anggota kumpulan bahasa Germanik Barat dari rumpun Germanik dalam keluarga bahasa Proto Indo-Eropah seperti yang tertera pada rajah 1.1. Bersama-sama bahasa Jerman di bawah rumpun Germanik ialah bahasa Inggeris, Sweden, Denmark, Norway, Iceland, Belanda, Afrikaans, Yiddish dan sebagainya (Johnson, 1998: 10-11). Bahasa Jerman merupakan salah satu bahasa utama dunia yang dituturkan oleh lebih daripada 110 juta orang di seluruh dunia sama ada sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua (http://www.hausderdeutschensprache.eu/index.php?option=com_content&task=view&id=13&Itemid=9).



Rajah 1.1: Pokok Susur Galur Bahasa-bahasa Proto Indo-Eropah

(Johnson, 1998: 11)

Sebagaimana bahasa-bahasa lain, di samping bahasa standard, bahasa Jerman juga mempunyai beberapa dialek. Antaranya ialah bahasa Jerman Swiss yang dituturkan di Switzerland, dialek Baseldytsch di Basel, dialek Züritütsch yang diucapkan di Zurich, dialek Berlinerisch digunakan di Berlin dan di Bayern pula penduduknya bukan sahaja menuturkan dialek Bairisch tetapi juga dialek Schwäbisch, Fränkisch atau Hessisch (Kessel & Reimann, 2005: 138).

Selain itu, bahasa Jerman telah menerima banyak pengaruh daripada bahasa Perancis dan bahasa Latin. Kata-kata seperti *Garage* (garaj), *Restaurant* (restoran), *Couch* (sofa untuk dua orang) adalah antara kata yang dipinjam daripada bahasa Perancis. Bentuk pinjaman daripada bahasa Perancis ini bukan hanya pada kata malah termasuk juga bunyi dan sebutannya. Di samping itu, bahasa Jerman juga menggunakan kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Latin. Contohnya adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Bahasa Latin	Bahasa Jerman	Bahasa Inggeris
1. mensa	die Mensa	student cafeteria
2. publicum	das Publikum	audience
3. examine	das Examen	exam, test
4. grammaticus	die Grammatik	grammar
5. gradus	der Grad	degree, level

Walaupun bahasa Jerman sudah mempunyai kata *Sessel* dan *Sofa* tetapi masih meminjam kata *Couch* daripada bahasa Perancis. Peminjaman ini berlaku kerana maksud kata *Sessel* dan *Sofa* tidak seratus peratus sama maknanya dengan *Couch*. *Sessel* membawa maksud sofa yang mempunyai satu tempat duduk (*single sofa*), manakala *Sofa* pula membawa maksud set sofa. Kedua-dua kata *Sessel* dan *Sofa* tidak dapat menjelaskan maksud sofa yang mempunyai dua tempat duduk. Oleh sebab itu, kata *Couch* dipinjam untuk membawa maksud tersebut.

Di samping itu, bahasa Jerman juga menjadi bahasa sumber yang meminjamkan kosa katanya kepada bahasa-bahasa lain. Contohnya kata *Kindergarten* dipinjam oleh bahasa Inggeris yang bermaksud taman kanak-kanak, *Butterbrot* yang dipinjam oleh bahasa Rusia bermaksud roti mentega dan *le waldsterben* juga digunakan oleh bahasa Perancis, iaitu *Waldsterben* yang bermaksud kematian hutan. Kemudian bahasa Inggeris telah meminjam kata *Sauerkraut* daripada bahasa Jerman tanpa mengubah makna asal kata tersebut, iaitu dalam bahasa Melayunya bermaksud kubis jeruk.

Kewujudan dan penggunaan pelbagai item leksikal dalam bahasa Jerman ini termasuk dalam cakupan kajian makna yang turut dikenali sebagai semantik. Bidang kajian ini sememangnya merupakan salah satu ilmu terpenting dalam lapangan linguistik. Hal ini disebabkan kajian bahasa tidak akan sempurna sekiranya tidak disertai atau diabaikan unsur makna. Oleh kerana wujudnya kerencaman jenis kata, bentuk kata, kepelbagaian makna, maka kata-kata dalam setiap bahasa dapat dikategorikan kepada beberapa jenis hubungan antara kata dan makna kata yang akan melahirkan pula beberapa aspek makna daripada hubungan semantik. Contoh aspek-aspek makna tersebut adalah seperti sinonim, antonim, homonim, homofon dan lain-lain.

Pengkaji berpendapat bahawa aspek hubungan makna merupakan satu aspek yang penting. Oleh itu, sinonim dalam lexis bahasa Jerman merupakan topik yang menjadi fokus kajian. Tujuannya adalah untuk melihat dan mengkaji ketepatan penggunaan lexis yang bersinonim tersebut mengikut konteks yang betul. Kata *du* dan *Sie* adalah salah satu contoh kata ganti nama diri yang bersinonim dalam bahasa Jerman. Namun penggunaannya berbeza mengikut tahap keformalan. *Du* bermaksud awak dan kamu digunakan untuk situasi yang tidak formal, untuk orang yang lebih muda dan sudah dikenali. *Sie* pula bermaksud anda yang bersifat lebih formal. Digunakan untuk

orang yang lebih tua, yang baru dikenali atau lebih tinggi taraf kedudukan dan pangkatnya.

Terdapat banyak lagi kata bahasa Jerman yang bersinonim. Pengguna bahasa ini perlulah berhati-hati menggunakannya kerana walaupun kata tersebut bersinonim, persamaan maknanya tidaklah seratus peratus. Perbezaan makna ini berlaku dalam sinonim disebabkan konteks penggunaannya yang berlainan.

1.2 Bahasa Jerman di Malaysia

Kesedaran di kalangan pemimpin dan majikan di Malaysia sama ada dalam sektor swasta mahupun awam terhadap kepentingan menguasai lebih daripada satu bahasa telah mendorong masyarakat di negara ini untuk mempelajari pelbagai bahasa asing seperti bahasa Jerman, Arab, Sepanyol, Perancis, Rusia, Thai dan sebagainya. Semua bahasa asing ini secara umumnya dikenali sebagai bahasa ketiga di negara ini. Setiap kaum di negara ini menuturkan bahasa rasmi negara, iaitu bahasa Malaysia yang juga merupakan bahasa ibunda bagi kaum Melayu di samping bahasa Cina bagi kaum Cina dan bahasa Tamil bagi kaum India. Bahasa Inggeris pula mempunyai status bahasa kedua. Galakan supaya mempelajari bahasa-bahasa asing yang menjadi bahasa kedua dan bahasa ketiga ini adalah kerana semua bahasa ini didapati amat penting dan amat berguna sama ada dari segi ekonomi, politik, agama atau budaya ke arah memajukan negara secara global.

Bahasa Jerman adalah salah satu bahasa yang semakin diminati masyarakat Malaysia kerana kepentingannya. Sebagaimana yang diketahui umum, negara Jerman merupakan salah sebuah negara maju di dunia yang amat terkenal dengan daya cipta dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan, teknologi, dan industri. Melalui institusi-institusi penting, Goethe-Institut (GI) misalnya telah berjaya meningkatkan jumlah

rakyat Malaysia yang boleh menguasai bahasa Jerman. Berdasarkan perangkaan daripada Dr. Guido Schnieders¹, pengarah DAAD Kuala Lumpur, pada tahun 2012 dianggarkan kira-kira seramai 10,000 orang telah mempelajari bahasa Jerman di sekolah, universiti, kolej dan GI. Tenaga pengajar bahasa Jerman pula seramai lebih kurang 90 orang di seluruh Malaysia. Beberapa usaha yang telah dijalankan oleh GI adalah mempromosikan bahasa Jerman di negara ini dan juga mengadakan kursus bahasa Jerman secara intensif dan ekstensif kepada pelajar dan juga pekerja yang terlibat dengan industri-industri dari Jerman seperti Gummi Metall Technik, Faber-Castell, Siemens dan sebagainya.

Bahasa Jerman diajar di hampir semua Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di negara ini. Terdapat dua buah universiti yang menawarkan kursus pengajian major bahasa Jerman di peringkat ijazah, iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Seramai 55 orang pelajar telah mempelajari bahasa Jerman di UM sejak bahasa itu mula diperkenalkan pada tahun 1998 dan seramai 61 orang di UPM bermula pada tahun 2001. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menawarkan Program Kembar Praperkhidmatan Bahasa Jerman kepada calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berkecukupan dan berminat untuk mengajar mata pelajaran bahasa Jerman di sekolah. Program ini bukan sahaja terbuka kepada calon yang mempunyai pengetahuan asas bertutur dan menulis dalam bahasa Jerman malahan kepada mereka yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Jerman. Sebagai prasyarat, calon dikehendaki mengikuti kursus persediaan selama dua tahun di Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA). Calon yang lulus kursus ini dengan jayanya akan ditawarkan mengikuti Program Kembar Praperkhidmatan Bahasa Jerman di UM selama 6 semester (Tahun 1, 2 dan 3) dan di IPGKBA selama 2 semester (Tahun

¹ Perjumpaan/Wawancara bersama Dr. Guido Schneiders pada 1hb November 2012 di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

4) (<http://www.moe.gov.my/jpnpahang/v4/index.php/ms/sekolah/guru/987-bakal-guru/496-laluan-perguruan.html>). Semasa berada di IPGKBA, pelajar program ini berpeluang melanjutkan pengajian ke negara Jerman selama setahun melalui Program Immersion untuk mempelajari bahasa dan budaya Jerman di sana. Walau bagaimanapun, hanya pelajar kohort 1 dan 2 sahaja yang berpeluang mengikuti Program Immersion. Sekembalinya dari Jerman, mereka akan terus ke UM. Pada masa yang sama, mereka juga perlu menghadiri kursus pedagogi di IPGKBA. Pada tahun keempat, mereka akan kembali semula ke IPGKBA untuk menjalani praktikum. Pada akhir pengajian, mereka akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Jerman dengan Pendidikan dari Universiti Malaya.

Di samping itu, bahasa Jerman juga diajar sebagai kursus intensif di beberapa buah kolej dan universiti di negara ini sebagai persediaan untuk melanjutkan pengajian ke negara Jerman. Salah sebuah kolej tersebut ialah International Education College (INTEC) di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam yang turut menawarkan Program Jerman A-Level (ALG) kepada pelajar-pelajar lepasan SPM. Dalam program ini, pelajar-pelajar akan mempelajari bahasa Jerman di samping subjek-subjek lain. Pengajar-pengajar bahasa Jerman terdiri daripada penutur asli. Selepas mengikuti pengajian di INTEC, mereka akan menjalani latihan praktikal di German-Malaysian Institute (GMI) dan seterusnya akan dihantar ke negara Jerman untuk mengikuti kursus bahasa Jerman teknikal selama 3 bulan. Di akhir pengajian selama tiga tahun setengah, mereka akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (<http://intec.uitm.edu.my/programmes/a-level-programme/106-alg-programme-details-.html>).

GMI ialah sebuah institusi pendidikan yang ditubuhkan pada tahun 1991. Institusi ini telah menawarkan Program Persediaan Jerman A-Level (German A-Level

Preparatory Programme) kepada pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM yang ingin mengikuti bidang kejuruteraan. Pelajar program ini akan mengikuti pengajian selama 20 bulan di GMI dan kemudian pelajar-pelajar yang berkecukupan akan diberi peluang untuk melanjutkan pengajian di universiti-universiti atau di sekolah vokasional tinggi di Jerman (<http://www.gmi.edu.my/ourbusiness-gapp.php>).

Di KBU International College, Carl Duisberg Centren (CDC) berkerjasama dengan KBU untuk menawarkan program intensif bahasa Jerman kepada pelajar ijazah kejuruteraan dengan menyediakan pengajar dari kalangan penutur asli bahasa Jerman bagi mengendalikan program ini. Tempoh pengajian adalah selama 6 bulan. Di akhir pengajian, pelajar program ini akan menghabiskan 4 peringkat bahasa Jerman. Kemudian latihan praktikal juga turut diadakan di syarikat-syarikat Jerman (<http://www.kbu.edu.my/schools-centres/language/german-language-carl-duisberg-centren-germany/>).

Selain itu, bahasa Jerman juga turut diajar sebagai kursus elektif di UPM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Multimedia Universiti (MMU), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHO), KBU, Kolej Damansara Utama, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Sebenarnya bahasa Jerman telah diajarkan di negara ini di beberapa buah sekolah menengah bermula pada tahun 1995. Daripada kesemuanya, sebanyak 53 buah sekolah yang menawarkan subjek bahasa asing, 13 daripadanya menawarkan subjek bahasa Jerman (Arni Abdul Razak, 2005, April 17). Namun berdasarkan perangkaan daripada Dr. Guido Schnieders, pada tahun 2012, jumlah ini telah meningkat kepada 25 buah sekolah dengan jumlah pelajar yang mengambil subjek bahasa Jerman adalah

seramai kira-kira 3,500 orang pelajar. Selain di sekolah tempatan, bahasa Jerman juga diajarkan di sekolah-sekolah antarabangsa seperti International School Kuala Lumpur, Alice Smith School dan Lycée Francais de Kuala Lumpur.

Seterusnya, Deutsche Schule Kuala Lumpur (DSKL) yang dikelolakan oleh Persatuan Sekolah Jerman Malaysia (Deutscher Schulverein Malaysia) telah menawarkan pendidikan kepada anak-anak warganegara Jerman yang ibu bapa mereka bekerja di negara ini atau salah seorang ibu atau bapa mereka berwarganegara Jerman tetapi pasangannya warga Malaysia. Perkhidmatan pendidikan yang disediakan bermula pada peringkat *Kindergarten*. *Grundschule* (*primary school*) bermula pada umur 4 tahun dan kemudian *Gymnasium* (*secondary school*) bermula pada umur 8 tahun. Seterusnya mereka akan menduduki peperiksaan Kelayakan Kemasukan Universiti Jerman (Deutschen Internationalen Abiturprüfung) (<http://www.dskl.edu.my/de>).

1.3 Kepentingan Mempelajari Bahasa Jerman

Beberapa faedah dan kepentingan akan diperoleh bagi mereka yang mempelajari dan mampu menggunakan bahasa Jerman yang menjadi salah satu daripada pelbagai jenis bahasa ketiga. Manfaat pertama adalah dari segi keluasan penggunaan bahasa tersebut. Bahasa Jerman adalah salah satu daripada sepuluh bahasa utama dunia dan mempunyai kawasan pertuturan yang sangat luas. Lingkungan wilayah penggunaannya bukan sahaja di Eropah malah juga di Amerika Syarikat, Brazil, Kanada, Argentina, Australia, Afrika Selatan, Chile dan Mexico. Kekuatan ekonomi Jerman dan peningkatan kepentingan negara ini di peringkat global menjadikan bahasa Jerman semakin penting di peringkat dunia (<http://www.goethe.de/ins/my/kua/wis/stu/enindex.htm>). Selepas bahasa Inggeris, bahasa Jerman merupakan bahasa kedua yang digunakan sebagai bahasa asing di Eropah. Seramai 17 juta orang yang mempelajari

bahasa Jerman di institusi pengajian dan di sekolah seluruh dunia (<http://www.tatsachen-ueber-deutschland.de/de/kultur-medien/main-content-09/deutsch-als-fremdsprache.html>). Selain itu, bahasa Jerman juga merupakan bahasa kedua tertinggi digunakan di laman web, iaitu sebanyak 7.7 % selepas bahasa Inggeris. Hal ini dapat dibuktikan dengan berdasarkan dapatan daripada laman web <http://www.netz-tipp.de/languages.html>.

Seterusnya apabila kita dapat memahami bahasa Jerman dengan baik, pelbagai maklumat dan pengetahuan dapat diperoleh terutamanya dalam hal yang berkaitan teknologi. Caranya adalah melalui kebolehan kita untuk membaca bahan bacaan yang asal, iaitu yang ditulis dalam bahasa Jerman itu sendiri. Hal tersebut dapat dibuktikan kerana terdapat sebanyak 60 ribu buah buku diterbitkan di Jerman setiap tahun dengan menggunakan bahasa Jerman. Jumlah ini bersamaan dengan 18% daripada jumlah keseluruhan penerbitan seluruh dunia. Oleh yang demikian, Jerman juga telah menjadi penerbit ketiga terbesar dunia (<http://www.horizonte.com/en-german-courses/why-learn-german>).

Kepentingan yang berikutnya, dengan mempelajari bahasa ketiga termasuklah bahasa Jerman, peluang untuk merebut dan mendapat pekerjaan atau perniagaan juga akan lebih terbuka. Hal ini demikian kerana kebolehan tersebut mampu menjadi nilai tambah (*value added*) atau kelebihan kepada mereka yang terlibat. Menurut bekas pengarah Goethe-Institut Kuala Lumpur, Dr. Volker Wolf, yang telah berkhidmat di institusi tersebut sehingga tahun 2012, peluang tersebut dapat diambil melalui syarikat-syarikat besar Jerman seperti Siemens, BMW, DaimlerChrysler dan DHL yang menjadikan Malaysia sebagai pusat aktiviti perniagaan mereka. Buat masa ini terdapat lebih 300 buah syarikat Jerman yang menjalankan operasinya di Malaysia (Arni Abdul Razak, 2005, April 17). Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti Faber-Castell, Stabilo, Deutsche Bank, Hapag Lyod, BASF, Bosch, Volkswagen, B.Braun dan

banyak lagi (<http://www.goethe.de/mmo/priv/7618032-STANDARD.pdf>). Mereka yang mempelajari bahasa ini khususnya pelajar-pelajar universiti dan kolej boleh menjalani latihan praktikal. Di samping itu, mereka juga mungkin akan terus ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat tersebut.

Selain itu, dengan mempelajari bahasa asing seperti bahasa Jerman, industri pelancongan negara dapat dikembangkan dan akan terus maju. Hal ini demikian kerana pelancong-pelancong dari seluruh dunia yang datang ke Malaysia juga terdiri daripada warganegara Jerman dan Switzerland. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pelancong Jerman yang datang ke Malaysia telah meningkat sebanyak 7.9%, iaitu seramai 92,229 orang pada tahun 2011 kepada 99,515 orang pada September tahun 2012. Oleh itu, pengetahuan berkenaan negara-negara itu dan kebolehan berbahasa Jerman menjadi kelebihan yang amat penting dalam industri ini (http://corporate.tourism.gov.my/images/research/pdf/2012/Tourist_Arrivals_Sept_2012.pdf).

Kemudian dengan mempelajari bahasa Jerman, kemajuan sains di negara ini dapat ditingkatkan kerana kebolehan ini adalah sangat penting bagi para saintis dan bakal-bakal saintis kerana mereka akan dapat mengetahui pelbagai penemuan yang terdapat dalam penyelidikan sains moden. Keadaan ini adalah disebabkan oleh bahasa Jerman merupakan bahasa kedua terbanyak yang menggunakan bahasa saintifik dan juga merupakan negara penyumbang ketiga terbesar dalam penyelidikan dan pembangunan serta menawarkan penyelidikan persahabatan kepada saintis-saintis dari luar negara (<http://www.goethe.de/lrn/prj/zgd/en867247.htm>). Kepentingan ini telah menyuntik minat dan kesungguhan negara-negara lain untuk mempelajari bahasa Jerman. Buktinya sebanyak 40% saintis di United States of America (USA) dan 70% saintis di Poland dan Hungary menggalakkan pelajar-pelajarnya mempelajari bahasa

Jerman bagi tujuan meneroka ilmu sains moden Jerman (<http://www.horizonte.com/en-german-courses/why-learn-german>).

Salah satu lagi kepentingan mempelajari bahasa Jerman adalah membolehkan kita mendalami bahasa dan budaya Jerman. Hal ini demikian kerana bahasa dan budaya sesebuah pengguna bahasa mempunyai perkaitan dan hubungan yang sangat akrab. Di samping dapat meningkatkan mutu bahasa Jerman yang dipelajari, kita juga dapat mengenali cara hidup masyarakat yang menjadi penutur bahasa tersebut. Bahasa adalah budaya sesebuah bangsa. Menerusi pengetahuan bahasa mereka, kita akan dapat meneroka dan mengenali kesenian dan kebudayaan yang mereka miliki. Menurut mantan pengarah Goethe-Institut Kuala Lumpur, Dr. Volker Wolf, apabila seseorang itu memperoleh suatu bahasa baharu maka dengan itu seseorang itu juga boleh mempelajari budaya dan teknologi negara tersebut (Arni Abdul Razak, 2005, April 17).

Sebagaimana yang kita ketahui, Jerman bukan sahaja merupakan sebuah negara yang memiliki teknologi maju dan canggih malah kaya dengan seni dan budaya yang tersendiri. Mereka merupakan masyarakat yang sangat mengagumi dan menghargai kesenian dan kebudayaan. Setiap tahun terdapat jutaan pelancong yang mengunjungi negara Jerman yang terletak di tengah-tengah Eropah. Sambil menikmati keindahan dan kecantikan alam semula jadinya, pelancong-pelancong juga boleh melawat tempat-tempat menarik dan bersejarah seperti muzium, gereja, istana, teater atau mengunjungi festival, pertunjukan, acara atau perayaan yang diadakan pada setiap tahun seperti *Oktoberfest*, *Weihnachten*, *Ostern*, pameran buku terbesar dunia di Frankfurt (Frankfurter Buchmesse) dan kedua terbesar di Jerman, iaitu di Leipzig (Leipziger Buchmesse). Dengan itu, secara tidak langsung, pelancong-pelancong dapat mengenali sejarah dan budaya Jerman serba sedikit dan dengan lebih dekat lagi.

Dengan kebolehan berbahasa Jerman, kita juga dapat mengenali dan membaca serta memahami hasil-hasil karya, penulisan atau ciptaan ahli-ahli intelektual Jerman dalam bidang masing-masing. Misalnya dalam bidang kesusasteraan, tokoh yang terkenal ialah Goethe, Schiller, Thomas Mann dan Kafka. Dalam bidang musik klasik, tokoh yang terkenal ialah Bach, Beethoven dan Mozart manakala Einstein, Kepler, Röntgen, Planck dan Virchow pula terkenal dalam bidang sains.

Oleh yang demikian, kita akan dapat mengetahui betapa pentingnya mempelajari bahasa Jerman di samping bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Segala ilmu pengetahuan dapat kita peroleh melalui pembacaan buku-buku yang ditulis dalam bahasa Jerman. Kemudian, pengalaman yang ditimba melalui pembacaan dan komunikasi dengan orang-orang yang bertutur menggunakan bahasa Jerman dapat dikongsi bersama bagi memajukan diri dan seterusnya negara kita sendiri.

1.4 Penyataan Masalah Kajian

Bahasa Jerman ialah sebuah bahasa yang berada dalam keluarga bahasa Indo-Eropah. Bahasa Jerman seperti kebanyakan bahasa-bahasa lain yang dituturkan oleh masyarakat dunia mempunyai sistem tulisan, sebutan, ejaan dan tatabahasa yang tersendiri. Semua aspek ini mestilah dikuasai dengan sepenuhnya dan sebaik mungkin bagi membolehkan penggunaannya menggunakan bahasa tersebut dengan baik dan berkesan dalam empat aspek pembelajaran bahasa, iaitu membaca, mendengar, menulis dan bertutur.

Demikian juga halnya dari segi hubungan makna sinonim. Bahasa Jerman seperti kebanyakan bahasa lain mempunyai hubungan makna sinonim. Semasa berkomunikasi atau menggunakan bahasa ini, pemahaman dan pemilihan kata yang bersesuaian dan tepat adalah sangat penting bagi menyampaikan maksud yang

dikehendaki. Hal ini demikian kerana terdapat kata yang bersinonimi dengan kata yang lain, bahkan bukan hanya satu sinonim malah lebih dari itu. Pengguna bahasa mungkin tidak menyedari bahawa sebenarnya kata-kata yang bersinonimi ini wujud disebabkan oleh beberapa faktor seperti gaya, konteks, budaya, dialek, eufemisme, konotasi dan kegunaan dalam konteks teknikal (jargon). Keadaan ini telah mewujudkan banyak perbendaharaan kata bahasa Jerman yang mempunyai kepelbagaian makna dan hubungan makna sesamanya. Persamaan serta perbezaan maknanya yang ketara dan sangat halus menyebabkan penggunaannya yang bersesuaian dengan konteks ayat sukar ditentukan dan dibezakan. Oleh itu, kefahaman yang tinggi diperlukan kerana keunikan penggunaan kata bahasa Jerman. Penggunaan kata yang salah juga memberi implikasi negatif. Hal ini harus diberi perhatian terutamanya bagi seseorang yang baru mempelajari bahasa Jerman. Kekurangan pengetahuan mengenai faktor-faktor yang disebutkan di atas akan menimbulkan kesukaran kepada seseorang yang ingin menguasai bahasa Jerman dengan baik. Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini, mereka dapat mengetahui bahawa penggunaan setiap kata-kata yang bersinonimi dipengaruhi oleh faktor-faktor yang dinyatakan di atas.

Selain daripada bahasa Jerman, bahasa Inggeris dan bahasa Belanda juga merupakan bahasa yang terdiri daripada golongan bahasa Germanik. Oleh itu, terdapat banyak persamaan antara bahasa Jerman dengan kedua-dua bahasa tersebut sehinggakan kadangkala apabila menggunakannya terjadi kekeliruan bagi aspek tertentu dalam bahasa-bahasa tersebut. Hal ini berlaku kerana sistem antara bahasa-bahasa tersebut saling mempengaruhi antara satu sama lain misalnya dalam aspek penggunaan kata pinjaman bahasa-bahasa lain yang berasal daripada keluarga bahasa yang sama. Kata pinjaman ini menyebabkan wujudnya sinonim. Keperluan kata pinjaman yang bersinonimi dengan kata asli dalam bahasa Jerman adalah disebabkan oleh kewujudan situasi penggunaan yang berlainan dan konteks makna rujukannya yang berbeza.

Contohnya kata kerja *arbeiten* yang juga terdapat dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman di Lampiran A no. 120 adalah bersinonim dengan kata kerja *jobben*. *Arbeiten* berasal daripada bahasa Jerman manakala *jobben* pula ialah istilah yang diambil daripada bahasa Inggeris yang digunakan sebagai bahasa kolokial dalam bahasa Jerman. Kedua-dua kata kerja ini mendukung maksud yang sama, iaitu bekerja namun konteks penggunaan kedua-duanya adalah berbeza. *Arbeiten* mendukung makna bekerja secara umum termasuk semua jenis perkerjaan sama ada yang melibatkan anggota badan/keringat atau ilmu intelektual. *Jobben* pula digunakan untuk maksud bekerja secara sambilan atau melakukan pekerjaan sementara dengan bayaran yang murah dan tidak memerlukan tenaga yang kuat. Bagi pelajar sekolah atau universiti, *jobben* digunakan untuk maksud bekerja sambil bercuti.

Penggunaan kata kerja berbentuk *Konjunktiv* dalam bahasa Jerman yang bersinonimi dengan kata kerja biasa juga mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Sebagaimana bahasa Inggeris, kata kerja *Konjunktiv* digunakan untuk tujuan kesopanan, menyatakan *indirect (reported) speech* dan jika terdapat keraguan pada pernyataan yang diberikan. Contohnya kata kerja *könnte (could)*, *sollte (should)* dan *möchte (would like)* adalah kata kerja berbentuk *Konjunktiv* kepada kata kerja *können*, *sollen* dan *mögen*.

Terdapat masalah sampingan lain yang mempengaruhi sinonim yang mendorong kajian ini dilakukan. Bahasa Jerman seperti juga bahasa Inggeris mempunyai abjad dan sistem tulisan yang hampir sama. Cuma terdapat beberapa abjad tambahan yang digunakan bagi mengungkapkan bunyi bahasa Jerman, iaitu *ä*, *ü*, *ö* dan *ß*. Penggunaan abjad ini akan mengubah makna sesuatu item leksikal bahasa Jerman. Selain itu, penggunaannya juga adalah untuk tujuan menjamakkan atau menggandakan bilangan sesuatu kata nama. Sebagai contoh *schön* bermaksud cantik manakala *schon* pula

bermaksud sudah (*already*). *Bruder* (abang) dalam bentuk tunggal manakala *Brüder* juga membawa makna yang sama tetapi dalam bentuk jamak.

Penggunaan kata ganti nama diri dalam bahasa Jerman juga perlu diberi perhatian. Hal ini demikian kerana terdapat kata ganti nama diri yang mempunyai sebutan dan ejaan yang sama tetapi berlainan makna. Contohnya *sie* ialah kata ganti nama diri yang mempunyai beberapa makna bergantung kepada tulisan dan konteks penggunaannya. Jika permulaannya ditulis dengan huruf kecil, iaitu *sie* maknanya ialah dia (P) dan mereka namun jika ditulis dengan huruf besar pada abjad pertamanya (awal) *Sie*, maka maknanya ialah anda untuk situasi formal atau sopan bagi bentuk tunggal dan juga jamak bergantung kepada konteks penggunaannya.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan meninjau dan mengenal pasti aspek-aspek hubungan makna sinonim yang wujud dalam leksis bahasa Jerman. Berdasarkan data yang dikumpul, kajian ini juga dijalankan dengan beberapa tujuan utama, iaitu:

- i) Mengetahui pasti golongan kata kerja yang bersinonimi yang terdapat dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman yang dijalankan melalui Projekt Deutscher Wortschatz oleh Universiti Leipzig, Jerman.
- ii) Menghuraikan golongan kata yang bersinonimi tersebut mengikut ketepatan konteks penggunaannya.
- iii) Menghuraikan faktor-faktor yang telah menyebabkan wujudnya sinonim bagi memantapkan lagi kefahaman pengguna bahasa Jerman tentang unsur khas bahasa Jerman ini.

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan jawapan-jawapan bagi beberapa persoalan yang berikut:

- i) Apakah item-item leksikal yang bersinonimi dalam leksis bahasa Jerman yang terdapat dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman yang dijalankan melalui Projekt Deutscher Wortschatz oleh Universiti Leipzig, Jerman?
- ii) Bagaimanakah setiap item leksikal dalam bahasa Jerman yang bersinonimi tersebut digunakan dalam konteks yang bersesuaian?
- iii) Mengapakah wujud hubungan makna sinonim dalam leksis bahasa Jerman?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang memfokuskan kepada hubungan makna sinonim ini memperlihatkan kepada kita bahawa setiap kata mempunyai makna literalnya sendiri dan juga makna-makna lain apabila digunakan dalam konteks, gaya dan laras yang berbeza. Keadaan ini telah menerbitkan beberapa istilah seperti makna konsep, makna konteks dan makna fungsian.

Kajian ini diharapkan dapat memberi peluang kepada semua pembaca termasuk pelajar, pengajar, ahli leksikologi dan ahli bahasa untuk meluaskan pengetahuan mereka mengenai hubungan sinonim di samping menambahkan perbendaharaan kata mereka. Dengan cara menyenaraikan semua kata yang bersinonimi dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu akan membolehkan pengguna (bukan asli) bahasa Jerman memahami sesuatu kata tersebut dengan lebih tepat dan jelas. Penghuraian mendalam tentang penggunaan kata-kata yang bersinonimi mengikut konteks yang bersesuaian dapat membantu mereka memahami dan menggunakan kata sinonim tersebut dengan lebih tepat. Persamaan dan perbezaan sesuatu kata tersebut juga dapat diketahui dengan lebih mudah.

Diharapkan kajian ini dapat menjadi sumber rujukan dan panduan kepada pengguna-pengguna bahasa Jerman dalam mencapai kecekapan dan kemahiran berbahasa khususnya apabila menggunakan kata yang bersinonimi. Seterusnya dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Jerman mereka sama ada dari segi penulisan, pembacaan, pendengaran mahupun pertuturan.

1.8 Skop Kajian

Tumpuan kajian adalah berkenaan bidang leksikologi dengan memfokuskan kepada lexis dalam bahasa Jerman. Lexis atau juga dikenali sebagai item leksikal, kata atau kosa kata menjadi unit dasar kepada kamus, sintaksis dan juga bagi bahasa secara keseluruhan. Fokus kajian lexis ini dilihat dari segi maknanya yang termasuk dalam bidang semantik, iaitu bidang yang melihat pengelompokan kata-kata dengan berdasarkan erti. Walau bagaimanapun, penelitian yang lebih mendalam dilakukan terhadap aspek makna lexis dari segi hubungan semantik, iaitu hubungan sinonim sahaja tanpa mengambil kira aspek hubungan makna yang lain seperti antonim, polisemi, homonim dan hiponim.

Kajian ini dijalankan dengan berdasarkan pengumpulan data daripada senarai frekuensi kata bahasa Jerman yang dijalankan oleh Universiti Leipzig, Jerman di bawah Projek Perbendaharaan Kata Bahasa Jerman yang dilakukan pada 8hb Januari 2001. (Sumber: Projekt Deutscher Wortschatz-Universität Leipzig Stand vom 8. Jan. 2001). Jenis data yang dikumpulkan pula ialah kata-kata yang termasuk dalam golongan kata kerja sahaja.

1.9 Pengertian Konsep

Dengan merujuk kepada kamus, nota-nota pensyarah dan artikel-artikel rujukan lain, pengkaji telah mendefinisi dan menerangkan beberapa istilah penting yang berkaitan dengan kajian. Definisi istilah-istilah tersebut penting bagi memudahkan pembaca memahami konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini.

1.9.1 Bahasa Jerman

Bahasa Jerman diistilahkan sebagai *Deutsch* dalam bahasa Jerman dan mempunyai status bahasa kebangsaan rasmi sama ada secara tersendiri atau bersama-sama bahasa lain di beberapa buah negara seperti Jerman (Deutschland), Austria, Switzerland, Luxembourg dan Liechtenstein. Bersempadankan kawasan bahasa Jerman, terdapat ramai kaum minoriti yang bertutur bahasa Jerman di barat Eropah seperti di Alsace-Lorraine (Perancis), Tirol Selatan (Itali) dan Belgium. Selain itu, terdapat juga penutur bahasa Jerman di timur Eropah yang menggunakan bahasa Jerman sebagai bahasa ibunda, iaitu di Soviet Rusia, Romania, Hungary, Czechslovakia, Poland dan Yugoslavia (Comrie, 1998: 224-237). Semua negara yang menuturkan bahasa Jerman ini dapat diperhatikan dalam peta pada rajah 1.2 dan 1.3 di bawah.



Rajah 1.2: Negara Jerman dan Negara-negara Bersempadan

(Johnson, 1998: 41)




Rajah 1.3: Negara-negara Tengah dan Timur Eropah yang Menuturkan Bahasa

Jerman

(Johnson, 1998: 58)

1.9.2 Sejarah Bahasa Jerman

Bahasa Jerman dalam sejarahnya telah melalui beberapa perubahan dan perkembangan secara berperingkat. Sejarah perkembangannya bermula dengan bahasa Jerman Tinggi Lama (Althochdeutsch, AHD), bahasa Jerman Tinggi Pertengahan (Mittelhochdeutsch, MHD) dan bahasa Jerman Tinggi Baru (Neuhochdeutsch, NHD)(<http://hr-m.userweb.mwn.de/de-history/>). Secara ringkasnya, susur galur perkembangan bahasa Jerman dapat diperlihatkan seperti dalam rajah 1.4 di bawah.



Rajah 1.4: Pokok Susur Galur Bahasa Germanik

(Johnson, 1998: 17)

1.9.2.1 Bahasa Jerman Tinggi Lama (Althochdeutsch, AHD)

Peringkat ini berlaku pada tahun 750-1050 Masihi. Terdapat beberapa ciri perbezaan antara AHD dengan NHD. Antaranya ialah,

- i) bukan semua kata nama mempunyai artikel, hanya pilihan sahaja memiliki artikel.
- ii) konjugasi kata kerja dengan akhiran yang jelas dan hanya bagi kata ganti nama diri yang terpilih sahaja kata kerjanya dikonjugasi.
- iii) tatabahasa AHD menyerupai bahasa Latin.
- iv) terdapat banyak penggunaan vokal *a*, *i*, dan *u*. Vokal *e* lazimnya digunakan dalam MHD dan NHD.

1.9.2.2 Bahasa Jerman Tinggi Pertengahan (Mittelhochdeutsch, MHD)

Bahasa Jerman Tinggi Pertengahan dituturkan pada 1050-1450 Masihi. MHD agak berbeza dengan AHD.

- i) semua kata nama mempunyai artikel.
- ii) akibat ketiadaan konjugasi kecuali untuk sebahagian kecil sahaja, penggunaan kata ganti nama diri diwajibkan.
- iii) kehilangan vokal *i* sebagai imbuhan akhiran telah mengubah vokal *a*, *o* atau *u* dalam kata dasar menjadi *ä*, *ö* atau *ü*. Contohnya,

gibârida - *Gebärde* (isyarat)

guoti - *Güte* (kebaikan)

1.9.2.3 Bahasa Jerman Tinggi Baru (Neuhochdeutsch, NHD).

Bahasa Jerman Tinggi Baru muncul pada akhir pertengahan Masihi. Terdapat beberapa ciri perbezaan antara MHD dan NHD. Antaranya ialah,

- i) perubahan diftong dan vokal panjang terutamanya \hat{I} ->*ai*, *ei*->*ai*, \hat{u} ->*au*, *ou*->*au*, *uo*-> \hat{u} , *ei*-> \hat{I} , *üe*-> \ddot{u} dan *öu*->*oi*.
- ii) ortografi NHD masih mengekalkan ciri MHD, contohnya \hat{I} panjang dieja sebagai *ie*, bunyi *ai* sebagai *ei* dan bunyi *oi* sebagai *eu* atau *äu*.
- iii) terdapat beberapa perubahan pada bunyi. Dalam MHD, *z* dan *zz* telah mengeluarkan bunyi *t* pada perubahan bunyi kedua. Hal ini menjadikan *s* (*s*, *ss* dan β) dan *ts* (*z* atau *tz*) tidak disuarakan.
- iv) huruf *s* dalam gugusan konsonan *sl*, *sm*, *sn* dan *sw* digantikan dengan bunyi *sh* dan dieja dengan ejaan baharu *sch*, kecuali bagi *sp* dan *st* hanya bunyi sahaja berubah, ejaan tidak mengalami perubahan.

1.9.3 Item Leksikal

Item leksikal bermaksud kosa kata, perbendaharaan kata, perkataan ataupun leksem manakala leksikal dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 912) ialah berkenaan perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Makna leksikal pula ialah makna sesuatu perkataan itu sendiri tanpa melihat penggunaannya dalam ayat dan sebagainya.

1.9.4 Hubungan Makna (*sense relations*)

Hubungan makna ialah hubungan (kaitan) semantis antara unsur-unsur leksikal sama ada secara bersendirian mahupun secara berkelompok. Penjelasan makna ini diberikan oleh *Kamus Linguistik* (1997: 93).

1.9.5 Sinonim/Sinonimi

Kamus Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu (2008: 920) dan *Kamus Seerti Bahasa Melayu* (2003: 215) mendefinisikan sinonim sebagai kata seerti.

Kessel dan Reimann (2005: 167) telah mengkaji bidang hubungan makna. Mereka menyatakan bahawa dua kata itu bersinonim apabila kedua-duanya mempunyai sebutan yang berlainan tetapi makna yang sama. Menurut mereka kata sinonim berasal daripada bahasa Greek *synōnymia* yang bermaksud *Namensgleichkeit*.

Ahli bahasa, Palmer (1992: 97) mentakrifkan sinonim sebagai kesamaan makna (*sameness of meaning*) manakala Saeed (2003: 65) pula mendefinisikannya sebagai '*similar meaning*'.

Cann (1993: 217) pula mendefinisikan sinonim dengan menyatakan bahawa: '*The relation of synonymy is defined where two lexemes have the same sense and extention and so may be defined as mutually hyponymous*'.

Asmah (2008: 42-43) menyatakan bahawa jika dilihat secara am, sinonim bermakna seerti atau semakna. Misalnya, kata emak dan ibu sinonim antara satu sama lain. Demikian juga halnya dengan ayah, abah dan bapa; kasih dan sayang; benci dan meluat; kemas dan rapi. Menurut beliau untuk pengajaran di sekolah, hanya pendedahan peringkat ini diberikan kepada para pelajar. Namun penyelidik bahasa tentulah melihat penggunaan anggota dalam sinonim itu dengan teliti dari segi penggunaan tiap-tiap satunya. Mereka akan melihat bahawa penggunaan ibu tidak seratus peratus sama dengan emak, kerana bagi ibu, terdapat juga pengertian yang diterapkan kepada haiwan dan benda-benda, sedangkan emak hanya bagi manusia. Contohnya ibu kambing, ibu roti, ibu negeri, ibu pertiwi, ibu kunyit. Dalam contoh ini, kata ibu tidak mungkin digantikan dengan emak.

Seorang ahli linguistik berbangsa Turki, iaitu Koç (1992: 107) berpendapat bahawa polisemi mempunyai pertentangan makna dengan sinonim. Sinonim ialah kata yang banyak tetapi merujuk kepada satu makna, manakala polisemi pula ialah satu kata yang merujuk kepada banyak makna. Beliau menyatakan makna sinonim dalam bahasa Jerman ialah *bedeutungsgleich*, iaitu kata yang mempunyai makna yang hampir sama.

Contoh di atas merupakan beberapa makna sinonim yang diambil daripada kamus dan juga pendapat-pendapat ahli bahasa mengenai hubungan makna sinonim.

1.10 Kesimpulan

Kajian dan perbincangan tentang hubungan makna sinonim sesuatu kata tercakup dalam bidang semantik. Aspek semantik dan tatabahasa sangat penting dalam bahasa. Setiap kata, frasa atau ayat yang digunakan mestilah jelas dan tepat serta tidak kabur maknanya bagi membolehkan setiap pendengar atau pembaca memahaminya. Hal ini bermakna bahasa yang mempunyai tatabahasa atau nahu yang betul sahaja tidak cukup untuk menjamin komunikasi atau penyampaian maklumat yang berkesan. Setiap kata atau frasa mempunyai makna yang tersendiri dan berbagai-bagai bagi menyampaikan apa yang dimaksudkan oleh penutur atau penulis. Kata kerja *sagen* misalnya mempunyai banyak kata yang bersinonimi seperti *anvertrauen*, *ausrichten*, *äußern*, *bekannt geben/machen*, *Bescheid geben/sagen*, *deutlich machen*, *erklären*, *erzählen*, *informieren*, *mitteilen*, *wissen lassen* dan *zu verstehen geben*. Semua kata ini digunakan dalam konteks tertentu dan tidak sentiasa boleh bertukar ganti dalam semua keadaan. Jelaslah bahawa sebagai manusia yang dilahirkan berakal, kadangkala penggunaan satu kata sahaja tidak mencukupi untuk menggambarkan atau menyatakan apa yang terbuku di hati dan fikiran, apa yang terjadi atau aktiviti yang dilakukan. Kepelbagaian makna ini wujud disebabkan oleh beberapa faktor seperti dialek, gaya, peminjaman dan kolokasi yang juga akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

BAB 2

KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pendahuluan

Setiap item leksikal dalam sesuatu bahasa dapat digolongkan kepada beberapa golongan kata, iaitu kata nama, kata kerja, kata sifat dan sebagainya. Leksikal ini masing-masing mempunyai makna yang tersendiri atau makna literalnya. Walau bagaimanapun, apabila leksikal ini bergabung atau hadir dalam bentuk frasa, makna literalnya boleh berubah membentuk atau menjadi satu makna yang lain.


Makna baharu yang telah berubah itu berkemungkinan masih berkaitan dengan makna literal atau terus menyimpang daripada makna asalnya, iaitu dengan mengikut bentuk penggunaan. Contohnya, kata 'ulat'. Makna literalnya ialah sejenis serangga. Makna yang berbeza akan diperoleh jika kata tersebut digandingkan bersama dengan kata 'buku'. Gabungan kata 'ulat' dan 'buku' (ulat buku) dalam peribahasa akan menghasilkan makna lain, iaitu makna 'orang yang rajin atau suka membaca'.

Selain itu, padi, beras dan antah pula menunjukkan kata yang sememangnya mempunyai makna yang berlainan. Padi ialah sejenis bijirin yang masih berkulit manakala beras pula ialah padi yang telah diasingkan atau dibuang kulitnya. Antah pula ialah butir-butir padi yang terdapat dalam beras atau nasi. Ketiga-tiga kata ini mempunyai hubungan makna jika dilihat dari sudut linguistik.

2.2 Jenis-jenis Makna

Kajian tentang makna dalam bidang linguistik dikenali sebagai semantik. Makna ialah sesuatu yang dimaksudkan oleh penutur atau penulis. Dalam komunikasi harian, kita menggunakan bahasa sebagai sistem penyampaian maklumat. Hal ini demikian

kerana setiap kata yang terkandung dalam bahasa mempunyai makna tertentu yang boleh difahami oleh pengguna dalam sesuatu bahasa yang sama. Mengikut ahli-ahli bahasa, makna terdiri daripada beberapa jenis, iaitu seperti yang dikemukakan di bawah.



Rajah 2.1: Beberapa Kelainan Makna

(Akmajian, 2010: 228)

Berdasarkan rajah 2.1 di atas, secara umumnya, makna dapat dibahagikan kepada dua pecahan. Pecahan pertama terdiri daripada makna yang melibatkan makna linguistik dan pecahan kedua pula merupakan makna penutur. Sementara itu, makna linguistik terbahagi pula kepada dua bahagian yang lain. Daripada dua subbahagian tersebut, yang pertamanya ialah makna bahasa dan yang keduanya makna idiolek. Makna bahasa pula memiliki subbahagiannya, iaitu makna dialek yang terdiri daripada bahasa kedaerahan atau kawasan dan sosial. Seterusnya, makna literal dan tidak literal pula termasuk dalam subbahagian makna penutur. Makna tidak literal terdiri daripada kiasan, sindiran dan metafora.

Menurut Akmajian (1995: 225-226), makna linguistik sesuatu ungkapan hanyalah berupa makna atau makna-makna ungkapan tersebut dalam sesuatu bahasa sebaliknya makna penutur bergantung kepada penutur sama ada bercakap secara harfiah

atau secara tidak harfiah. Secara harfiah bermaksud seseorang yang menyatakan maksud yang sama dengan makna kata yang digunakan manakala secara tidak harfiah pula ialah makna yang terdapat dalam penggunaan kiasan, sindiran atau metafora. Selanjutnya beliau menyatakan bahawa makna kata berbeza mengikut penutur individu dalam dialek yang sama. Bahasa individu dikenali sebagai idiolek yang mengandungi makna yang berbeza antara seorang dengan seorang yang lain walaupun dalam dialek yang sama.

2.3 Hubungan antara Kata dan Makna Kata

Abdullah dan Ainon (1994: 271-274) membincangkan mengenai beberapa perkara yang berhubung kait rapat dengan makna. Bagi mereka, konsep, konteks, keserasian dan pengetahuan alam adalah antara perkara penting bagi menentukan makna sebenar sesuatu kata.

2.3.1 Makna dan Konsep

Menurut mereka, setiap kata mendukung makna yang tersendiri atau khusus. Contohnya meja makan, meja tulis, meja kayu, meja plastik, meja bulat, meja panjang, meja kaki satu dan meja kaki empat. Namun begitu, pada masa yang sama kesemuanya mempunyai konsep yang sama, iaitu sejenis perabot yang mempunyai permukaan yang rata, berkaki dan biasanya digunakan sebagai tempat menulis, makan, meletakkan makanan dan barang-barang. Dengan kata lain, sesuatu kata itu merujuk kepada banyak perkara dan makna dengan mengikut konsep kata itu sendiri dan berdasarkan konteks ayatnya.

2.3.2 Makna dan Konteks

Kedua-dua ahli bahasa ini juga berpendapat bahawa pengetahuan tentang sesuatu makna kata tidak menunjukkan bahawa seseorang itu memahami makna sesuatu pertuturan atau penulisan. Hal ini demikian kerana mereka berpendapat bahawa makna sesuatu kata bukan hanya dapat diperoleh dalam ayat malah dalam hubungan dan kedudukan kata dalam ayat juga menjadi sumber makna. Contohnya:

1. (a) Itu anjing.

(b) Dia anjing.

Pada contoh ayat 1(a), 'anjing' membawa maksud binatang kerana kehadiran makna 'itu' manakala pada ayat 1(b), 'anjing' tersebut membawa maksud manusia yang berperangai seperti anjing. Hal ini demikian kerana dalam bahasa Melayu, kata 'dia' hanya digunakan untuk manusia dan tidak boleh digunakan untuk binatang.

2.3.3 Keserasian Kata

Keserasian kata yang dimaksudkan oleh Abdullah dan Ainon (1994: 272) ialah kehadiran sesuatu kata dengan kata lain adalah ditentukan oleh peraturan dan kebiasaan.

1) Batu ini kental \implies Batu ini keras

2) Bangkai lembu belum dimakamkan \implies Bangkai lembu belum ditanamkan

Penutur bahasa Melayu pastinya berasa janggal dan ada sesuatu yang tidak kena apabila mendengar atau membaca kedua-dua ayat di atas. Hal ini demikian kerana penggunaan kata-kata tertentu dalam ayat tersebut adalah tidak tepat berdasarkan konteks ayatnya. Dengan kata lain, inilah yang dikatakan keserasian kata yang ditentukan oleh kebiasaan dan tidak melibatkan tatabahasa.

2.3.4 Makna dan Pengetahuan Alam

Menurut mereka lagi, pengetahuan alam penting bagi membantu seseorang memahami makna sesuatu kata dan ayat. Contohnya ayat ‘Ketulan ais itu sangat panas.’ adalah salah. Hal ini demikian kerana seperti yang kita ketahui, secara semula jadinya sifat ais sejuk bukan panas.

2.4 Hubungan Makna

Setiap kata sesuatu bahasa mempunyai makna tertentu dan tersendiri. Tiap-tiap kata tersebut berhubungan antara satu sama lain. Keadaan hubungan ini dipengaruhi oleh faktor kebudayaan, konteks, emosi, gaya dan sebagainya. Dari segi linguistik, bentuk hubungan ini dipanggil hubungan semantik. Kemudian hubungan ini dibahagikan pula kepada beberapa jenis, iaitu hubungan makna sinonim, hiponim, polisemi, homonim dan antonim. Pengkaji akan memberikan penghuraian jenis-jenis hubungan makna ini namun tumpuan akan dikhususkan kepada hubungan makna sinonim.

2.4.1 Sinonim

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 1502) mendefinisikan sinonim sebagai kata yang sama atau hampir sama maknanya dengan kata lain atau juga kata seerti. Contohnya cantik dengan indah dan cepat dengan pantas manakala sinonimi pula didefinisikan sebagai hubungan antara sinonim.

2.4.1.1 Definisi Sinonim

Fromkin dan Rodman (1998: 165) mendefinisikan sinonim dengan menyatakan *'there are also words that sound different but have the same or nearly the same meaning'* dan mereka turut menjelaskan bahawa *'no two words ever have exactly the same meaning'*. Finegan (2004: 192) juga mempunyai pendapat yang sama dengan menyatakan bahawa *'there are very few true synonyms in the lexicon'*.

Menurut Saeed (2003: 65) pula *'synonyms are different phonological words which have the same or very similar meanings'*.

Abdullah dan Ainon (1994: 276) mendefinisikan kata-kata seerti atau sinonim terdiri daripada kata-kata yang mempunyai makna yang sama. Maksud 'sama' ini tidaklah perlu seratus peratus sama. Sama ada kata-kata seerti wujud atau tidak, tidak dapat ditentukan dengan pasti. Walau bagaimanapun, memang ada kata-kata yang menunjukkan keserupaan yang cukup untuk dikatakan kata-kata itu mempunyai makna yang sama.

Abdul Hamid (2006: 45-46) pula menyatakan bahawa *'sinonim ialah kata yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama dengan kata lain'*.

Menurut Indirawati Zahid (2003: 31) sinonim merujuk kepada hubungan kesamaan makna antara leksikal dan beliau menambah hubungan kesamaan makna itu tidak bererti bahawa sesuatu leksikal yang dikatakan bersinonim itu akan mempunyai keupayaan menggantikan setiap satu padanan maknanya itu pada semua situasi penggunaannya.

Bagi menjelaskan aspek makna sinonim ini dengan lebih terperinci, beberapa ahli bahasa dan pengkaji terdahulu telah melibatkan diri mereka dalam bidang kajian berkenaan hubungan semantik ini.

2.4.1.2 Kajian-kajian Berkaitan Hubungan Sinonim

Aspek hubungan makna dan struktur makna sukar untuk diberi penjelasan dengan pasti. Kata-kata yang mengandungi makna dan cara makna kata-kata tersebut berhubung bergantung kepada bagaimana cara pengguna sesuatu bahasa menyusun segala pengalamannya ke dalam bentuk ungkapan yang terdiri daripada kata-kata. Lazimnya, proses penyusunan tersebut akan melibatkan aspek atau faktor kebudayaan, konteks dan emosi. Proses penyusunan yang berada di luar dari pengertian tersebut dapat dilihat hubungan maknanya dari segi sinonim, antonim, polisemi dan hiponim.

Terdapat beberapa kajian berkenaan hubungan semantik sinonim ini yang dijalankan oleh ahli-ahli linguistik. Abdullah dan Ainon (1994: 276) merupakan pengkaji-pengkaji bahasa Melayu yang telah mengkaji dan mendalami bidang ini. Daripada hasil kajian yang telah dilakukan, mereka mendapati bahawa terdapat banyak kata dalam bahasa Melayu yang bersinonimi dan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keadaan ini. Antara faktor yang menyumbang kepada terjadinya hubungan makna ini ialah faktor pinjaman. Apabila dibuat penelitian, kata-kata yang sama makna itu lazimnya terdiri daripada kata pinjaman dan kata bahasa asal (bahasa yang meminjam) yang dikekalkan penggunaannya. Tujuan peminjaman tersebut adalah untuk ditambahkan atau diperluaskan konteks makna kata bahasa asal (bahasa yang meminjam) yang tidak dapat memberi makna rujukan konteks selaras dengan pengertian yang terdapat dalam kata pinjaman. Misalnya penggunaan kata 'kereta' dan 'motokar' merupakan dua kata yang masing-masing mengandungi makna yang hampir sama tetapi 'kereta lembu' tidak boleh digantikan dengan 'motokar lembu'. Hal ini demikian kerana penggunaan 'motokar' adalah terhad, iaitu hanya merujuk kepada kenderaan beroda empat yang digerakkan dengan enjin pembakaran dalam manakala kereta pula bermaksud kereta/kenaikan beroda yang ditarik oleh binatang, digerakkan oleh enjin

atau ditolak. Contoh lain yang menggunakan kata ‘kereta’ ialah kereta bomba, kereta kebal, kereta lumba, kereta peronda, kereta sewa dan kereta sorong.

Berhubung dengan peminjaman dan sinonim ini, Brennan (1992: 555) telah memetik kata-kata Weinreich (1967: 58), iaitu:

‘...where synonyms are available from another language, they are gladly accepted; the cause of the lexical aggrandizement can be said to be inherent in the recipient language’.

Lexical aggrandizement dijelaskan dengan contoh kata ‘dahsyat’, iaitu kata yang telah dipinjam daripada bahasa Arab. ‘Dahsyat’ dapat mengungkapkan makna yang lebih kuat berbanding dengan kata ‘buruk’ yang telah sedia ada dalam bahasa Malaysia. Demikian juga halnya dengan kata ‘cakap’ hanya digunakan untuk perbualan biasa tetapi konsep yang lebih berat diungkapkan oleh kata pinjaman daripada bahasa Arab ‘khabar’.

Selain daripada sebab peminjaman kata, Abdullah dan Ainon (1994: 276) juga mendapati sinonim berasal daripada dialek yang berlainan. Di Malaysia, rakyatnya bertutur dalam bahasa standard dan juga dialek masing-masing yang berbeza bagi setiap negeri. Kata ‘batas’ misalnya bermaksud tambunan tanah yang menjadi sempadan dan laluan di petak-petak sawah tetapi digunakan untuk maksud ‘jalan raya’ di Kedah. Gaya juga menjadi faktor wujudnya sinonim. Gaya percakapan seseorang akan berubah mengikut konteks dan situasi. Contoh yang mereka berikan ialah penggunaan kata yang berbeza bagi menyampaikan maksud kematian. Kata ‘wafat’ untuk nabi dan ulama, ‘mangkat’ digunakan untuk raja serta ‘mati’ untuk orang biasa.

Selain itu, Abdullah dan Ainon (1994: 277) juga berpendapat sinonim wujud untuk menyatakan nilai yang berlainan. Penggunaan kata ‘biduan’ dan ‘seniman’ untuk ‘penyanyi’ dan ‘pelakon’ adalah dipandang tinggi dan mempunyai sesuatu nilai tertentu.

Seterusnya kedua-dua ahli kaji bahasa ini ada menyatakan tentang kata sinonim yang terhad kepada konteks tatabahasa dan maknanya. Misalnya, kata ‘banyak’ digunakan untuk semua kata nama, kecuali dalam konteks manusia kata ‘ramai’ digunakan. Begitu juga kata ‘tembelang’ untuk telur dan ‘basi’ untuk nasi serta makanan lain yang rosak.

Antara ahli kaji bahasa lain yang mempunyai pendapat yang hampir sama dengan Abdullah dan Ainon ialah Ernst dan Saeed. Ernst (2004: 200) juga menyentuh tentang dialek dalam hubungan sinonim. Sebagai contoh beliau memberikan pasangan kata *Samstag* dan *Sonnabend* yang bermaksud hari Sabtu. Kedua-dua kata ini dituturkan di dua kawasan geografi yang berlainan. *Samstag* digunakan di bahagian selatan negara Jerman manakala *Sonnabend* pula digunakan di bahagian utara negara Jerman.

Saeed (2003: 65) juga mengaitkan kata yang bersinonim dengan dialek yang berbeza akan menjadi kata sinonim kepada penutur yang memahami kedua-dua dialek tersebut. Tambah beliau lagi, selain daripada dialek, kata-kata tersebut juga mungkin berasal daripada situasi dan gaya bahasa yang berbeza seperti bahasa basahan, formal, sastera dan sebagainya.

Berhubung dengan konteks ini, Finegan (2004: 192) dalam kajiannya terhadap sinonim juga ada menyatakan bahawa:

‘...words that appear synonymous at first glance often refer to slightly different sets of concepts or are used in different situations’.

Bagi menyokong pernyataan di atas, beliau telah mengemukakan satu set kata sifat yang bersinonimi, iaitu *fast*, *quick* dan *rapid*. Ketiga-tiganya digunakan dalam situasi yang berbeza walaupun terdapat dalam suatu keadaan tertentu, kata-kata sifat ini boleh saling bertukar ganti. Misalnya apabila merujuk kepada kelajuan seseorang ketika berlari atau berjalan, ketiga-tiga kata sifat ini mungkin boleh digunakan. Contohnya seperti dalam ayat di bawah:

- a) A *fast runner*. (Pelari yang pantas.)
- b) A *fast car/train*. (Kereta/Kereta api yang laju.)
- c) To *walk with quick steps*. (Berjalan cepat-cepat.)
- d) *Don't walk too fast, I cannot keep pace with you.*

(Jangan berjalan terlalu pantas saya tidak terkejar kamu.)

Namun *fast talker* berbeza maknanya dengan *quick talker*. *Fast talker* merujuk kepada seseorang yang licik, pandai menipu manakala *quick talker* pula bermaksud orang yang bercakap laju. Begitu juga apabila kita ingin menyatakan bahawa seseorang sedang berada di laluan laju. Kata yang digunakan ialah *fast lane* bukan *rapid lane*.

Finegan juga ada menyatakan tentang *vice versa* dalam membincangkan hubungan sinonim. Menurut beliau bagi menyatakan bahawa sesuatu kata itu bersinonimi, kita boleh menyebut bahawa kata A bersinonim dengan kata B jika semua rujukan bagi A juga adalah rujukan untuk B dan *vice versa* (sebaliknya). Contohnya *movie* adalah sebuah *film* dan setiap *film* adalah sebuah *movie*. Bagi beliau, kata *vice versa* ini penting kerana tanpanya kita menganggap sinonim sebagai hiponim.

Selain itu, Finegan mendapati sinonim boleh menyebabkan berlakunya pertindihan leksikon. Beliau juga berpendapat biasanya penentuan dua kata itu bersinonimi dipastikan dengan berdasarkan kepada persamaan makna linguistiknya sahaja walaupun dari segi makna sosial dan efektifnya berbeza.

Johnson (1998: 206-209) juga telah membincangkan dengan teliti tentang hubungan makna sinonim dalam bahasa Jerman. Menurut beliau makna sesuatu kata itu boleh berbeza disebabkan oleh kesesuaian konteks penggunaannya. Misalnya kata *sterben*, *entschlafen* dan *krepieren*. *Sterben* merupakan istilah biasa untuk mati, *entschlafen* pula bermaksud meninggal dunia manakala *krepieren* pula digunakan untuk

haiwan. Tambah beliau lagi, perbezaan kata berdasarkan konteks penggunaannya ini juga berkait rapat dengan perbezaan makna denotasi dan konotasinya.

Selain itu, pinjaman juga mempengaruhi sinonim. Menurut beliau terdapat kata yang bersinonim yang tidak perlu ditukar ganti apabila digunakan. Hal ini demikian kerana bahasa pinjaman tersebut digunakan dalam situasi yang berbeza.

Telefon – *Fernsprecher*

Computer – *Rechner*

Dalam bahasa Jerman, kata pinjaman daripada bahasa Inggeris misalnya *Telefon* dan *Computer*. Kedua-duanya ialah istilah biasa yang digunakan dalam komunikasi harian manakala *Fernsprecher* dan *Rechner* merupakan istilah yang digunakan dalam konteks teknikal mungkin hanya di kalangan orang yang bekerja dengan telefon dan komputer.

Beliau juga menyatakan dialek turut menyebabkan perbezaan makna sinonim.

Contohnya:

i) *Metzger/Schlachter/Fleischer/Fleischhacker* (penyembelih, penjual daging)

ii) *Apfelsine/Orange* (buah oren)

iii) *Stuhl/Sessel* (kerusi)

Keempat-empat kata nama dalam contoh (i) di atas bermakna penyembelih dan penjual daging. Walau bagaimanapun, kata nama *Metzger* merupakan bahasa Jerman standard, manakala *Schlachter* dan *Fleischer* digunakan di selatan Jerman, Switzerland dan Austria, sementara *Fleischhacker* pula digunakan di utara Jerman. Kata pertama bagi pasangan kata nama dalam contoh (ii) dan (iii), iaitu *Apfelsine* dan *Stuhl* digunakan di bahagian utara manakala kata kedua *Orange* dan *Sessel* digunakan di selatan negara Jerman.

Kessel dan Reimann (2005: 167) adalah antara ahli linguistik Jerman yang telah mengkaji dan mendalami bidang semantik hubungan makna sinonim ini. Melalui hasil kajian yang telah dilakukan, mereka berdua mendapati bahawa terdapat sebilangan kecil sahaja kata-kata yang bersinonim dan mempunyai makna yang betul-betul sama. Sinonim yang betul-betul sama ini diistilahkan sebagai *Echte Synonymie* dalam bahasa Jerman dan menurut mereka berdua *Echte Synonymie* ini ialah *Synonymie im engeren Sinne* (*synonym in narrow sense*), iaitu sinonim yang biasanya mempunyai perbezaan makna dari segi makna konotasi dan gaya. Contohnya *Orange/Apfelsine* manakala *Synonymie im weiteren Sinne* (*synonym in wide sense*) pula ialah sinonim yang mempunyai makna yang berbeza dari segi denotasi. Misalnya kata *Auto/Schlitten/KFZ/Wagen*. *Orange* dan *Apfelsine* ialah sejenis buah oren. Namun *Apfelsine* digunakan di bahagian utara Jerman manakala yang selebihnya menggunakan kata *Orange*. *Auto* ialah singkatan daripada kata *Automobile*. *Auto* selalunya merujuk kepada kereta dan juga kenderaan pacuan empat roda yang lain yang mempunyai enjin untuk bergerak dan biasanya merujuk kepada kenderaan milik persendirian. *KFZ* pula merupakan singkatan daripada kata *Kraftfahrzeug* yang bermaksud kenderaan bermotor dan kata ini digunakan dalam keadaan formal. *Wagen* pula bermaksud kenderaan beroda yang digunakan sebagai pengangkutan awam atau barang. Seterusnya ialah *Schlitten* merupakan kereta luncur salji.

Fromkin dan Rodman (1998: 165) pula menjelaskan tentang tahap kesamaan dan perkongsian makna kata-kata yang bersinonim. Menurut mereka,

'the degree of semantic similarity between words depends to a great extent on the number of semantic properties they share. Sofa and couch refer to the same type of object and share most of their semantic properties'.

Seorang lagi ahli linguistik tempatan yang melihat aspek hubungan makna sinonim ialah Asmah (1982: 246). Beliau telah melihat hubungan sinonim itu dalam bentuk frasa nama. Perbincangan yang diutarakannya adalah berkenaan frasa nama yang binaannya hanya terdiri daripada dua kata nama. Salah satu daripada dua kata nama tersebut merupakan kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Arab dan bahasa Sanskrit manakala gandingannya pula terdiri daripada kata bahasa Melayu. Berdasarkan contoh yang dinyatakan oleh beliau, bentuk gandingan frasanya boleh sama ada Melayu-Arab, Arab-Melayu dan Melayu-Sanskrit. Beliau menamakan fenomena ini sebagai frasa nama setara sinonim. Menurutnya frasa nama sinonim mempunyai dua unsur yang bukan sahaja memasuki subgolongan yang sama tetapi juga mempunyai makna yang sama. Beberapa contoh penggunaan bentuk sinonim jenis ini adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

- | | |
|------------------------------------|---|
| a) tubuh badan
(Melayu) (Arab) | c) sahabat handai
(Arab) (Melayu) |
| b) ribut taufan
(Melayu) (Arab) | d) sanak saudara
(Melayu) (Sanskrit) |


Walau bagaimanapun, menurutnya lagi terdapat kecenderungan mendahulukan unsur Melayu asli daripada unsur pinjaman dalam frasa seperti ini. Namun begitu, terdapat kekecualian pada ciri ini seperti yang terdapat dalam contoh (c).

Seterusnya pengkaji juga melihat beberapa hasil kajian ahli-ahli linguistik Turki yang membincangkan hubungan semantik sinonim. Dalam bahasa Turki, sinonim disebut *Eşanlamlılık*. Kiran (2001: 246) mendefinisikan sinonim sebagai:

İki ya da daha çok sayıda gösterenin bir tek gösterilene göndermede bulunmasına eşanlamlılık denir.

[Dua atau lebih signifier (*gösteren*) merujuk kepada satu signified (*gösterilen*).]

Secara ringkasnya, hubungan signifier dan signified ini diperlihatkan dalam rajah 2.2 di bawah.



Rajah 2.2: Signifier dan Signified

(Dipetik dan disesuaikan daripada Kıran, 2001: 246)

Contohnya kata *küsmek*, *alınmak*, *gücenmek* dan *incinmek* merujuk kepada satu makna yang sama, iaitu *darılmak* yang bermaksud marah, tersinggung, berasa hati, tidak suka, memutuskan perhubungan dengan orang yang terlibat. Oleh itu, semua kata ini adalah bersinonim kerana mempunyai makna yang hampir sama.

Aksan (2000: 190-191) juga sependapat dengan ahli-ahli linguistik lain bahawa dalam sesuatu bahasa, jarang terdapat kata-kata yang mempunyai makna yang betul-betul sama. Dalam bahasa Turki, terdapat beberapa kata yang kelihatan sama maknanya tetapi sebenarnya adalah berbeza dari segi penggunaannya. Contohnya *boyunbađı/kravat* dan *deprem/zelzele/yer sarsıntısı*. Satu kata daripada tiap-tiap dua kumpulan sinonim tersebut, iaitu *kravat* dan *zelzele* merupakan kata bahasa pinjaman. *Kravat* berasal daripada bahasa Perancis manakala *boyunbađı* pula asalnya daripada bahasa Turki. Dari segi penggunaannya, *kravat* digunakan dalam percakapan harian berbanding dengan *boyunbađı* yang banyak digunakan sebagai bahasa penulisan. *Deprem*, *zelzele* dan *yer sarsıntısı* pula merujuk kepada gempa bumi. *Deprem* dan *yer sarsıntısı* merupakan kata bahasa Turki manakala *zelzele* pula merupakan kata bahasa pinjaman daripada bahasa Arab. *Deprem* paling kerap digunakan untuk merujuk kepada bencana gempa bumi berbanding dengan *zelzele* yang semakin pupus penggunaannya. Antara contoh lain yang diberikan beliau ialah *bađ* dan *kafa*. *Bađ* ialah kata bahasa Turki manakala *kafa* pula ialah kata pinjaman daripada bahasa Arab. Kedua-dua kata ini membawa maksud 'kepala' tetapi digunakan dalam konteks yang berlainan untuk menyampaikan maksud yang tertentu. Misalnya *kafasız* bermakna bodoh tetapi jika *kafa* digantikan dengan *bađ*, kata ini bukan lagi membawa makna yang sama sebaliknya bermaksud 'tiada kepala'.

2.4.1.3 Faktor-faktor yang Membezakan Kata-kata Sinonim

Palmer (1992: 98-100) telah menyatakan bahawa tidak ada dua kata yang mempunyai makna yang betul-betul sama. Hal ini demikian kerana sesuatu bahasa itu tidak perlu memiliki kata-kata yang sama maksud. Menurut beliau terdapat lima faktor yang menyebabkan kata-kata sinonim berbeza. Pertamanya, dalam sesuatu bahasa, sebahagian kata sinonim merupakan kata daripada dialek-dialek yang berlainan, iaitu

bentuk-bentuk bahasa yang digunakan di daerah geografi yang berlainan. Contoh yang beliau berikan ialah kata *fall* digunakan di Amerika Syarikat dan beberapa daerah di bahagian barat Britain manakala yang selebihnya menggunakan kata *autumn*. Begitu juga dengan istilah yang digunakan dalam bidang pertanian, *cowshed* ialah bangsal lembu, *cowhouse* atau *byre* pula ialah rumah rumput kering dan *haystack*, *hayrick* atau *haymow* bererti timbunan rumput kering. Seterusnya kata *tap* yang bermaksud paip boleh disebut sebagai *faucet* atau *spigot* di kebanyakan tempat di Amerika Syarikat.

Faktor yang kedua ialah sesuatu kata digunakan dalam gaya yang berbeza yang bergantung kepada kesopanan dan kerasmian. Palmer (1992: 70) ada memetik pendapat Crystal dan Davy yang mencadangkan tiga ciri utama gaya, iaitu daerah, taraf dan modaliti. Daerah merujuk kepada laras bahasa seperti bahasa undang-undang, sains dan sebagainya. Taraf pula melibatkan hubungan sosial khususnya kerasmian penggunaan sesuatu bahasa sama ada secara sopan, secara pertuturan atau slanga manakala modaliti pula berkenaan pemilihan kata antara puisi dan prosa, esei dan cerpen, bahasa untuk memorandum, telegram, jenaka dan sebagainya. Contohnya kata *gentlemen* (lelaki budiman lagi sopan), *man* (lelaki) dan *chap* (kawan) dan contoh lain ialah kata *pass away* (meninggal dunia), *die* (mati) dan *pop off* (mampus). Semua kata ini mempunyai makna yang sama tetapi digunakan dalam gaya yang berlainan.

Ketiga, terdapat kata-kata sinonim yang berbeza dalam makna konotasi. Walau bagaimanapun, makna kognitifnya adalah tidak berubah. Namun dalam buku asalnya, Palmer (1981: 90) menggunakan istilah *emotive or evaluative meanings*. Makna konotasi ini digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud itu dengan lebih sopan dan bijak. Bukan hanya menyatakan baik atau buruknya sesuatu itu ataupun sekadar memilih kata yang 'baik' dan 'buruk' sahaja. Oleh sebab itu, kata-kata yang mempunyai nilai konotasi boleh berfungsi untuk mempengaruhi sikap pendengar atau penerima dan kata-kata yang mempunyai makna konotasi ini berbeza dalam setiap masyarakat.

Contohnya kata *liberal* mempunyai makna yang baik di Britain. Bahkan digunakan oleh Winston Churchill untuk dirinya apabila bersikap konservatif dalam politiknya. Namun kata ini mempunyai makna yang buruk di Afrika Selatan dan dalam setengah-setengah lingkungan politik di Amerika Syarikat.

Keempat, terdapat sebahagian leksikal yang penggunaannya terbatas menurut kolokasi. Menurut beliau, penggunaan sesuatu kata bergantung kepada hubungannya dengan kata lain, iaitu makna sesuatu kata itu akan diketahui maknanya apabila melihat kata yang wujud bersamanya. Oleh itu, hal ini bukan sahaja melibatkan makna kata tersebut tetapi lingkungan kehadirannya. Contohnya *rancid* digunakan dengan *bacon* dan *butter*, *addled* dengan *eggs* dan *brains*. Kata *blond* berkolokasi dengan kata *hair*. Oleh itu, kita tidak boleh mengatakan *a blond door* dan *a blond dress* walaupun warnanya tepat seperti warna *blond hair*.

Faktor seterusnya yang menyebabkan kata-kata sinonim berbeza ialah penggunaan kata yang mempunyai makna yang berhampiran atau makna yang bertindih. Keadaan ini sangat banyak berlaku dan kata-kata tersebut ada hubungan sinonim. Misalnya kata sifat *mature* (matang) sinonimnya terdiri daripada *adult* (dewasa), *ripe* (masak), *perfect* (sempurna) dan *due* (tiba). Begitu juga dengan kata *govern* (perintah) sinonimnya ialah *direct* (arah), *control* (kawal), *determine* (tentukan) dan *require* (kehendaki). Semua kata ini mempunyai makna yang hampir sama tetapi digunakan dalam konteks yang berlainan.


2.4.2 Hiponim

‘The relationship of hyponymy is between the more general term such as color and the more specific instances of it such as red, etc’.

Fromkin dan Rodman (1998: 168)

Bagi menjelaskan pernyataan ini, kedua-dua mereka telah memberikan contoh merah, putih, biru dan lain-lain adalah sejenis warna. Setiap kata yang merupakan jenis-jenis warna ini mempunyai ciri-ciri yang menunjukkan kelas penggolongannya. Set kata inilah yang dinamakan hiponim. Oleh itu, merah, putih dan biru ialah hiponim kepada warna.


Finegan (2004: 189) telah mengkaji hubungan makna ini dengan lebih mendalam. Beliau menyatakan bahawa '*hyponym is a subordinate, specific term whose referent is included in the referent of a superordinate term*'. Contoh hiponim adalah seperti dalam rajah 2.3 di bawah:



Rajah 2.3: Hiponim Haiwan Mammal

(Finegan, 2004: 189)

Hubungan antara bahagian atas dan bawah dikenali sebagai hiponim. Menurut beliau lagi, hiponim boleh wujud lebih daripada satu peringkat seperti dalam rajah 2.4 di bawah:



Rajah 2.4: Hiponim Color

(Finegan, 2004: 190)

Turquoise, aquamarine dan *royal blue* ialah hiponim kepada *blue* manakala *blue* pula ialah hiponim kepada *color*.

Menurut Palmer (1976: 76) hubungan hiponim adalah berbeza bagi setiap bahasa. Contohnya dalam bahasa Jerman *Kartoffel* (ubi kentang) tidak tergolong di bawah *superordinate Gemüse* (sayur-sayuran).

Hiponim ialah sejenis hubungan makna yang sangat penting dalam percakapan harian. Dalam komunikasi harian, kita sebenarnya banyak menggunakan hubungan hiponim dalam menjelaskan sesuatu perkara misalnya 'pisang kaki'. Walaupun kata 'pisang' terdapat dalam nama buah ini tetapi buah ini bukan tergolong dalam keluarga pisang. Oleh itu, hubungan makna ini membolehkan pengguna bahasa mengatur dan menyusun leksikon di dalam minda mereka.

2.4.3 Polisemi

Polisemi ialah hubungan semantik yang wujud daripada satu kata yang mempunyai satu set makna yang berlainan atau dengan kata yang mudah sesuatu kata

itu mempunyai banyak makna (Abdullah,1986: 245). Penggunaan polisemi boleh sama ada merupakan kata yang merujuk makna literal dan makna kiasan atau idiomatik. Contoh-contoh kata yang mempunyai banyak makna atau polisemi adalah seperti yang berikut:

- | | | |
|---|---|-----------------|
| <p>1) kaki</p> <ul style="list-style-type: none"> → anggota badan → bahagian bawah bukit → unit ukuran → bahagian bawah perabot | } | makna literal |
| <ul style="list-style-type: none"> → peribahasa/kecenderungan/minat → penjodoh bilangan | } | makna idiomatik |

Berpandukan contoh yang diberikan, didapati terdapat makna yang berbeza bagi kata ‘kaki’. Kata ‘kaki’ makna literalnya ialah anggota badan manusia, binatang dan benda. Namun makna kata ‘kaki’ ini dikiaskan kepada benda lain untuk menghasilkan ungkapan tertentu seperti kaki bukit, kaki langit, kaki ayam, kaki botol dan kaki bangku. Kata yang digunakan sebagai lambang kiasan, tersembunyi makna sebenar yang ingin disampaikan. Oleh itu, bagi memahami erti ungkapan atau kiasan tersebut seseorang itu perlulah juga memahami budaya sesebuah masyarakat itu. Kepelbagaian makna sesuatu kata merupakan suatu ciri umum bahasa sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Palmer (1976: 71).

‘Multiplicity of meaning is a very general characteristic of language’.

Finegan (2004: 195) menyatakan ‘*a word is polysemous (or polysemic) when it has two or more related meanings*’. Kata *plain* dalam bahasa Inggeris misalnya mempunyai beberapa makna yang berkaitan.

- a) *easy, clear* - *plain English*
- b) *undecorated* - *plain white shirt*
- c) *not good-looking* - *plain Jane*

Contoh-contoh polisemi dalam bahasa Jerman adalah seperti,

- a) *Birne*
 - i) *Frucht* (buah)
 - ii) *Glühbirne* (mentol lampu)
- b) *Glocke*
 - i) *Kirchenglocke* (loceng gereja)
 - ii) *Klingel* (loceng)

Menurut Kessel dan Reimann (2005: 164) kebanyakan kata polisemi berkongsi identiti atau ciri-ciri semantik yang sama. Misalnya *Birne* mempunyai dua makna yang mempunyai persamaan ciri semantik dari segi *Gestalt* (bentuk). *Birne* membawa maksud sejenis buah dan mentol lampu. *Kirchenglocke* (loceng gereja) dan *Klingel* (loceng) juga adalah dua kata yang berpolisemi kerana berkongsi ciri semantik yang sama dari segi *Geräusch* (bunyi).

Kebanyakan kata dalam sesuatu bahasa bersifat nekamakna atau polisemi. Kata polisemi ini akan menyampaikan makna yang berlainan apabila digunakan dalam keadaan atau situasi berbeza tetapi makna tersebut mempunyai perkaitan dengan makna asas kata.

2.4.4 Homonim

Menurut Kessel dan Reimann (2005: 166) homonim berasal daripada bahasa Greek *homōnymia* yang bererti *Gleichnamigkeit* (sama nama). Hubungan kata dengan makna bagi kumpulan ini terdiri daripada dua kata atau lebih yang mempunyai sebutan

dan ejaan yang sama tetapi berlainan makna. Berbeza dengan polisemi, homonim tidak mempunyai persamaan sifat semantik yang sama. Mereka membahagikan homonim kepada dua, iaitu *Homophone* (homofon) dan *Homographe* (homograf). Menurut mereka kedua-dua kata ini berasal daripada bahasa Greek. *Homo* bererti *gleich* (sama) dan *phon* bererti *Ton, Lautstärke* (bunyi, bunyi suara) serta *graphein* bermaksud *schreiben* (menulis). Homofon ialah kata yang mempunyai sebutan yang sama namun ejaan dan makna berbeza. Contoh-contohnya adalah seperti yang berikut:

malen [ma:len] : zeichnen (melukis) → *mahlen[ma:len]:zerkleinern* (mengisar)
Lid [li:t] : Augenlid (kelopak mata) → *Lied [li:t] : Gesangstück* (lagu)

Homograf pula ialah kata yang mempunyai ejaan yang sama, berlainan sebutan dan maksudnya. Contohnya adalah seperti beberapa kata di bawah:

Heroin [heroi:n]: Droge (dadah) → *Heroin [herəvɪn]: Heldin* (heroin)
modern [modɛrn]: aktuell (moden) → *modern [mo:dɛn]: verrotten* (menjadi busuk, reput)

Saeed (2003: 63) pula menyatakan bahawa perbezaan antara jenis homonim, iaitu homofon dan homograf boleh dikenali berdasarkan *syntactic behaviour* dan ejaannya, iaitu:

- a) leksem yang sama kategori dari segi susunan kata dan juga sama ejaan misalnya, *lap* ialah *circuit of a course* dan *lap* juga ialah paha.
- b) sama golongan kata tetapi ejaan berbeza contohnya, kata kerja *ring* dan *wring*.
- c) berbeza golongan kata tetapi ejaan sama contohnya kata kerja *keep* dan kata nama *keep*.
- d) golongan kata dan ejaan berbeza misalnya, *not* dan *knot*.

Fromkin dan Rodman (1998: 163) menyatakan '*Homonyms can create ambiguity. A word or a sentence is ambiguous if it can be understood or interpreted in more than one way*'. Walau bagaimanapun, dengan menyertakan konteks ayat, kekaburan dapat dielakkan.

2.4.5 Antonim

Antonim juga merupakan satu cabang daripada aspek makna selain daripada yang telah dibincangkan. Hubungan semantik ini menunjukkan unsur pertentangan atau percanggahan makna antara sesuatu kata. Secara mudahnya, pengertian antonim ialah kata yang berlawanan maknanya dengan makna kata yang lain. Palmer (1976: 78) menyatakan '*the term ANTONYMY is used for 'oppositeness of meaning'; words that are opposite are ANTONYMS*'. Bagi beliau, terdapat perbezaan antara sinonim dan antonim. Dalam membincangkan aspek sinonim, terdapat keraguan (tetapi tidak bagi antonim) sama ada sinonim sebenar betul-betul wujud. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan yang dinyatakan di bawah.

'For language antonymy is a regular and very natural feature of language and can be defined fairly precisely'.

Kata antonim berasal daripada bahasa Yunani, iaitu *anti*, *gegenüber* (lawan) dan *onoma* (nama) yang menerangkan perbezaan makna (Kessel dan Reimann, 2005: 169). Contohnya *tot* (mati) dan *lebendig* (hidup). Antonim juga dikenali sebagai *Komplementarität* dalam bahasa Jerman.

'Relative Gegensätze haben wir dann, wenn nicht nur eine Zweiteilung des Bedeutungsbereichs vorliegt, sondern es eine Skala gibt'.

Berdasarkan petikan ayat di atas, mereka berpendapat makna kata yang berlawanan bukan hanya boleh dibahagikan kepada dua makna yang berbeza tetapi terdapat satu skala yang membezakan makna tersebut. Contohnya kata *heiß* (panas) berlawanan dengan kata *kalt* (sejuk) tetapi sebenarnya antara kedua-dua kata tersebut terdapat kata *warm* (panas, hangat) dan *lauwarm* (suam).

heiß – warm – lauwarm – kalt

2.5 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh beberapa ahli linguistik sama ada dalam atau luar negara ke atas hubungan makna sinonim yang menjadi fokus utama kajian. Mereka telah menjelaskan persamaan dan perbezaan makna antara kata-kata yang bersinonimi berdasarkan faktor-faktor tertentu yang telah dikenal pasti. Sebagaimana yang telah dibincangkan dengan teliti oleh mereka, faktor-faktor peminjaman, dialek, gaya/konteks, nilai, denotasi, konotasi, kolokasi dan pertindihan makna banyak menyumbang kepada wujudnya variasi sinonim yang boleh memperkaya perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Dengan itu, penyelidikan ini disediakan berpandukan kepada pemerhatian dan pemahaman pengkaji terhadap pendapat, konsep-konsep sinonim dan kajian-kajian terhadap hubungan makna sinonim oleh ahli-ahli linguistik tersebut di atas.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Beberapa metodologi digunakan dalam penyelidikan ini. Bab ini membincangkan kaedah-kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini. Kesesuaian perkaedahan dan pendekatan kajian adalah sangat penting bagi mencapai objektif kajian dan menjawab pernyataan masalah. Selain itu, bab ini juga menghuraikan prosedur kajian meliputi pemerolehan data kajian, pengumpulan data dan penganalisan data.

3.2 Data Kajian

Data korpus dalam kajian ini dikumpulkan daripada senarai frekuensi kata bahasa Jerman yang dihasilkan di Universiti Leipzig, Jerman di bawah Projek Perbendaharaan Kata Bahasa Jerman (Sumber: Projekt Deutscher Wortschatz Universität Leipzig Stand vom 8. Jan. 2001) (<http://german.about.com/library/blwfreq01.htm>).

Daripada sumber kajian ini, pengkaji memilih satu golongan kata sahaja, iaitu golongan kata kerja. Hal ini demikian kerana secara umumnya, golongan kata kerja sangat penting dalam pembinaan sesebuah ayat dan komunikasi. Selain itu, pengkaji juga berpendapat bahawa golongan kata kerja sangat menarik dan sesuai bagi menganalisis kata yang bersinonimi. Hal ini demikian kerana sesuatu bahasa itu termasuk bahasa Jerman mempunyai banyak variasi kata kerja. Satu kata kerja sahaja kadang-kadang tidak cukup untuk menggambarkan sesuatu perkara yang ingin disampaikan disebabkan oleh keperluan makna dan konteks.

3.2.1 Frekuensi Kata Bahasa Jerman

Senarai frekuensi kata bahasa Jerman yang dipilih oleh pengkaji ini dihasilkan oleh sebuah projek yang bernama Projekt Deutscher Wortschatz yang dijalankan di Universiti Leipzig, Jerman. Data projek ini diperolehi hasil daripada analisis komputer ke atas beberapa sumber bacaan bahasa Jerman yang terpilih, iaitu buku-buku, majalah, surat khabar dan sebagainya.

Hasilnya, projek ini telah berjaya menyenaraikan sebanyak 1000 kata yang tertinggi frekuensinya dalam bahasa Jerman bagi pembacaan tahap pertengahan. Penyenaian dibuat berdasarkan turutan daripada yang tertinggi jumlah penggunaannya kepada yang terendah. Senarai kata ini terdiri daripada pelbagai golongan kata dalam bahasa Jerman termasuk golongan kata kerja, kata nama, kata sifat, kata adverba, kata hubung, kata sendi, kata ganti nama diri, kata tanya, artikel (*definite article, indefinite article*) dan sebagainya. Perbendaharaan kata tersebut juga wujud dalam berbagai-bagai bentuk seperti bentuk *Präsens* (kala kini), *Präteritum* (kala lampau) dan *Perfekt* (kala lampau *Perfekt*) (*Perfect Tense*). Selain itu, kata kerja *subjunctive* atau dalam bahasa Jermannya disebut sebagai *Konjunktiv* juga terdapat dalam senarai frekuensi ini. Contohnya kata kerja *könnte* (no. 36²), *könne* (no. 54) dan *könnten* (no. 63) ialah bentuk *Konjunktiv* kepada kata kerja *können* manakala *sollte* (no. 39), *sollten* (no. 68) dan *solle* (no. 130) ialah bentuk *Konjunktiv* kepada kata kerja *sollen*.

Semua kata dalam senarai frekuensi ini adalah variasi kata tunggal sahaja dan mengandungi variasi kata yang sama makna, contohnya kata kerja *kommt* (no. 35), *kam* (no. 55), *gekommen* (no. 95) dan *kamen* (no. 133) berasal daripada satu kata kerja yang sama makna, iaitu *kommen*. Kata kerja *verb to be*, iaitu *sein* juga hadir dalam semua bentuk konjugasi seperti *ist*, *sind*, *war*, *sei* dan sebagainya. Begitu juga dengan *definite*

² Semua nombor ini merujuk kedudukan kata kerja tersebut dalam Lampiran A dan Jadual 4.4.

article yang wujud dalam banyak bentuk, iaitu bentuk nominatif (*nominative*), akusatif (*accusative*), datif (*dative*) dan genitif (*genitive*) misalnya *der, die, das, den, dem, dan des*.

3.2.2 Sebab-sebab Pemilihan Sumber Kajian

Projek Perbendaharaan Kata Bahasa Jerman telah dijalankan dengan menggunakan cara analisis komputer terhadap beberapa bahan bacaan yang terpilih seperti buku-buku, majalah, surat khabar dan sebagainya. Oleh itu, pemilihan senarai frekuensi kata bahasa Jerman menjadi salah satu sumber kajian yang dijangka dapat memberikan hasil kajian yang lebih standard dan tepat.

Menurut projek ini, senarai 1000 kata ini dapat membantu pelajar-pelajar mempelajari bahasa Jerman dengan lebih mudah selain membantu mereka memahami bahan-bahan bacaan yang biasa dalam bahasa Jerman. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat kajian berkenaan sinonim ini perlu mengambil data daripada sumber kajian ini. Setiap pelajar baharu perlu mengetahui item-item leksikal bahasa Jerman yang paling kerap digunakan yang menjadi asas pembelajaran sesuatu bahasa. Pengetahuan mereka terhadap variasi kata bahasa Jerman mengikut tahap pembelajaran mereka adalah sangat penting. Memahami dan mendalami hubungan makna sinonim menjadi salah satu cara bagi pelajar untuk mengetahui penggunaan variasi kata bahasa Jerman dengan cara yang betul mengikut konteks yang bersesuaian.

Setiap perbendaharaan kata dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman tersebut telah disusun atur mengikut jumlah penggunaan yang paling tinggi. Oleh itu, secara tidak langsung pelajar khususnya dan juga pembaca amnya dapat mengetahui kata mana yang perlu mereka pelajari terlebih dahulu sebelum ke tahap pembelajaran seterusnya. Jika diperhatikan senarai frekuensi tersebut, artikel dan preposisi adalah antara perkara

pertama yang mereka perlu kuasai. Artikel dalam bahasa Jerman ialah *der*, *die* dan *das*. *Der* digunakan bagi kata nama yang bersifat maskulin. *Die* pula digunakan untuk kata nama yang bersifat feminin dan seterusnya *das* adalah bagi kata nama yang bersifat neuter. Hal ini demikian kerana pengetahuan tentang gender sesuatu kata nama sama ada bersifat maskulin, feminin atau neuter adalah sangat penting kerana perkara ini juga merupakan sebahagian daripada tatabahasa bahasa Jerman. Penggunaan artikel yang salah boleh merumitkan proses pembelajaran dan juga pemahaman kerana unsur gender banyak mempengaruhi tatabahasanya. Unsur gender ini juga dapat mempengaruhi makna sesuatu kata. Contohnya *der See* (tasik) dan *die See* (laut). Kedua-dua kata nama ini mempunyai ejaan dan sebutan yang sama tetapi ditandai dengan artikel yang berlainan untuk makna yang berlainan. Kata preposisi pula ialah seperti *in* (dalam), *zu* (ke), *mit* (dengan), *aus* (dari), *nach* (ke), *seit* (sejak), *für* (untuk) dan sebagainya yang terdapat dalam bentuk datif, akusatif dan dual, iaitu datif atau akusatif.

Senarai frekuensi kata bahasa Jerman ini juga terdiri daripada berbagai-bagai kala seperti yang terdapat dalam bahasa-bahasa lain. Dengan itu, senarai frekuensi ini sangat penting bagi menggalakkan pelajar atau pengguna bahasa memahirkan diri mereka berkenaan bentuk-bentuk kala dalam bahasa Jerman di peringkat awal pembelajaran seperti kala *Präsens*, *Präteritum*, *Perfekt*, *Plusquamperfekt*, *Futur I* dan *Futur II*.

Dalam penyelidikan ini, kebanyakan kata, iaitu kata yang bergaris di bawahnya dalam senarai frekuensi tersebut ada disediakan sambungan ke laman web lain yang berkaitan bagi mendapatkan informasi dan maklumat tatabahasa tentang kata-kata tersebut seperti erti, hasil konjugasi dan contoh-contoh ayat. Oleh itu, keadaan ini dapat membantu dan memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat tersebut seterusnya memudahkan analisis data dilakukan.


3.3 Perkaedahan dan Pendekatan kajian

Kajian ini ialah kajian kualitatif, iaitu satu kajian deskriptif leksikologi ke atas hubungan makna sinonim dalam bahasa Jerman. Bagi menganalisis data, kaedah analisis makna digunakan dengan menghuraikannya dari dua perspektif, iaitu leksikologi dan semantik. Dari perspektif leksikologi, kajian ini melihat hubungan makna item-item leksikal, iaitu *Bedeutungsrelationen* dalam bahasa Jerman. Dari sudut semantik pula, item-item leksikal tersebut dianalisis maknanya mengikut perbezaan konteks penggunaannya. Bagi membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan sinonim pula, pengkaji melihat aspek etimologi, makna dan cara penggunaan setiap kata kerja bersama kata sinonim yang telah dipilih serta menentukan jumlah kata kerja yang dipengaruhi oleh setiap faktor tersebut. Kaedah kajian ini adalah dengan menggabungkan dan menggunakan kaedah dan pendekatan yang dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik ke atas kajian hubungan makna sinonim, iaitu Abdullah dan Ainon (1994), Finegan (2004), Johnson (1998), Kessel dan Reimann (2005), Asmah (1982), Aksan (2000) dan Palmer (1976, 1981, 1992). Dalam kajian mereka, masing-masing telah membincangkan hubungan makna sinonim dengan terperinci iaitu dengan mengambil beberapa kata yang bersinonimi dan menghuraikan makna kata-kata tersebut dari segi persamaan dan perbezaan konteks penggunaannya serta etimologi kata-kata tersebut yang menyebabkan semua kata-kata tersebut berhubungan secara sinonim.

3.4 Prosedur Kajian

Langkah-langkah atau prosedur kajian daripada awal hingga akhir yang dilakukan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini adalah seperti yang berikut:

Carta 3.1: Carta Aliran Prosedur Kajian



3.5 Pengumpulan dan Pemrosesan Data

Pertamanya, dengan merujuk tatabahasa bahasa Jerman, iaitu *Die Grammatik* (1984) dan kamus bahasa Jerman, iaitu *Großwörterbuch Deutsch als Fremdsprache* (1993) pengkaji mengenal pasti dan menyenaraikan semua kata kerja yang terdapat dalam sumber kajian ke dalam satu jadual mengikut urutan asalnya. Daripada jumlah keseluruhan senarai frekuensi, iaitu sebanyak 1000 kata, hanya 188 kata kerja yang dapat dikumpul dan disenaraikan (rujuk Lampiran A).

Seterusnya, daripada jumlah tersebut pengkaji melakukan pemilihan dan penggabungan. Dalam keseluruhan data yang disenaraikan, terdapat banyak kata yang mempunyai variasi yang sama. Misalnya kata kerja *macht* (no. 52) bentuk kala kini dan *gemacht* (no. 57) bentuk kala lampau *Perfekt* berasal daripada satu kata infinitif yang sama, iaitu *machen* (membuat). Oleh itu, kedua-dua kata kerja ini dikira sebagai satu kata kerja sahaja. Begitu juga dengan kata kerja yang telah dikonjugasi seperti kata kerja *gibt* (no. 19) yang digunakan untuk kata ganti nama orang ketiga dan *gebe* (no. 114) untuk kata ganti nama orang pertama juga dikira sebagai satu kata kerja sahaja, iaitu *geben* (memberi). Hal ini demikian kerana bagi melihat kata yang bersinonimi bagi sesuatu kata kerja dalam kamus sinonim, hanya kata infinitif sahaja yang diperlukan, bukan mengikut kala atau variasi konjugasi sesuatu kata kerja tersebut. Begitu juga semasa analisis data, variasi kata kerja mengikut kala dan konjugasi tidak terlibat.

Terdapat juga kata kerja yang tidak diambil sebagai data kajian, iaitu kata kerja *sein* (*to be*), *haben* (*to have*) dan *werden* (*to become*) berserta variasi konjugasinya. Hal ini demikian kerana dalam kajian ini pengkaji ingin membincangkan bahasa Jerman di peringkat tinggi atau standard yang menggunakan istilah atau kata yang khusus, tepat dan bersesuaian dengan konteks penggunaannya. Berikut ialah contoh-contoh ayat yang menggunakan kata kerja *sein*, *haben* dan *werden* bersama sebab-sebab tertentu yang

mendorong pengkaji untuk tidak mengambil ketiga-tiga kata kerja ini sebagai data kajian.

- a) *Ich heiße Angelika.* (Nama saya Angelika, Saya dipanggil Angelika.)
- b) *Mein Name ist Angelika.* (Nama saya Angelika.)
- c) *Ich bin (sein) Angelika.* (Saya ialah Angelika.)

Ketiga-tiga ayat di atas menunjukkan bahawa dalam bahasa Jerman terdapat tiga cara seseorang memperkenalkan nama mereka. Namun yang menunjukkan penggunaan bahasa Jerman yang standard dan banyak digunakan ialah cara yang pertama dan kedua. Cara yang ketiga jarang digunakan dan ayat ini merupakan pilihan terakhir orang Jerman. Bagi contoh ayat (a) kata kerja *heißen* yang bermaksud ‘to be called’ digunakan dan bagi ayat (b) kata nama *Name* bermaksud ‘nama’ digunakan. Kedua-dua kata ini memang digunakan dalam konteks yang betul dan tepat untuk merujuk kepada nama seseorang. Namun ayat (c) pula menggunakan kata kerja *sein*, iaitu tidak menggunakan istilah yang tepat dan khusus untuk merujuk kepada nama seseorang. Dengan demikian, kata kerja *sein* tidak dipilih sebagai data kajian. Berikut pula ialah contoh-contoh ayat yang menggunakan kata kerja *haben* di samping kata kerja lain yang bersinonimi dengannya.

- a) *Ich besitze ein Auto.* (Saya memiliki/mempunyai sebuah kereta.)
- b) *Mir gehört ein Auto.* (Sebuah kereta kepunyaan saya.)
- c) *Ich habe (haben) ein Auto.* (Saya ada sebuah kereta.)

Ketiga-tiga ayat di atas mempunyai maksud yang hampir sama, iaitu ayat (a) menggunakan kata kerja *besitzen* yang bermaksud memiliki/mempunyai dan ayat (b) menggunakan kata kerja *gehören* bagi menyampaikan maksud kepunyaan/milik. Namun

ayat (c) pula menggunakan kata kerja *haben* yang bermaksud ada. Hal ini menunjukkan bahawa ayat (a) dan (b) menggunakan kata kerja yang khusus dan lebih standard berbanding dengan ayat (c). Seterusnya ialah kata kerja *werden*. Di samping berfungsi sebagai kata kerja bantu, iaitu *Hilfsverb* dalam bahasa Jerman, kata kerja *werden* ini juga berfungsi sebagai kata kerja biasa. Salah satunya yang biasa digunakan ialah yang mendukung erti *to become*. Di bawah ialah contoh ayat yang menggunakan kata kerja *werden* bagi maksud di atas dan kata yang bersinonimi dengannya.

a) *Sie wird Köchin.*

(Dia bercita-cita menjadi seorang chef/Dia akan menjadi seorang chef.)

b) *Sie lernt kochen.*

(Dia belajar memasak.)

c) *Sie macht eine Berufsausbildung als Köchin*

(Dia menjalani latihan perantisan profesional sebagai seorang chef.)

Ketiga-tiga ayat di atas mempunyai maksud yang hampir sama, iaitu berkenaan cita-cita atau pekerjaan yang diimpikan oleh seseorang. Kata kerja yang biasa digunakan ialah *werden* (to become). Namun terdapat juga kata kerja atau frasa lain yang boleh digunakan untuk menyatakan maksud yang hampir sama, iaitu kata kerja *lernen* (belajar) atau *eine [Berufs]ausbildung machen* (menjalani latihan perantisan profesional). Oleh kerana kata kerja *werden* ialah kata kerja yang paling biasa digunakan dan semua orang mengetahui penggunaannya, maka pengkaji berpendapat bahawa kata kerja *werden* ini tidak perlu diambil sebagai data kajian. Hal ini demikian kerana penggunaan perkataan yang bervariasi dan pelbagai dapat membantu menambahkan perbendaharaan kata dan memantapkan penggunaan bahasa seseorang.

Walau bagaimanapun, kata kerja modal *können, sollen, wollen* dan *müssen* yang terdapat dalam sumber kajian, iaitu yang berada dalam no. 1-20 yang tertinggi frekuensinya diambil sebagai data kajian. Hal ini demikian kerana di samping berfungsi sebagai kata kerja modal, kata kerja ini juga boleh berfungsi sebagai kata kerja biasa. Oleh itu, daripada 188 jumlah kata kerja, hanya 76 patah kata kerja sahaja yang dapat dikumpul dan disenaraikan (rujuk Lampiran B). Daripada jumlah ini, sebanyak 20 kata kerja yang tertinggi frekuensi penggunaannya diambil sebagai data kajian untuk dianalisis. Jumlah ini diambil mengikut contoh dan bertepatan dengan standard amalan pengkaji-pengkaji bidang linguistik korpus. Kata yang dipilih oleh mereka sebagai korpus kajian ialah yang mempunyai frekuensi penggunaan tertinggi dalam senarai, iaitu kata yang paling kerap didapati atau digunakan dalam sesuatu korpus data (McEnery, Xiao & Tonio, 2006). Maka berbetulan dengan itu, kata-kata yang dijadikan sebagai data korpus kajian ini paling kerap hadir dalam penggunaan bahasa Jerman. Saringan ini juga dilakukan bertujuan mengecilkan bidang kajian bagi membolehkan kajian yang lebih mendalam dan terperinci dijalankan.

Setelah itu, dengan merujuk kamus bahasa Jerman, iaitu *Großwörterbuch Deutsch als Fremdsprache* (1993), pengkaji menyemak dan mengambil satu makna sahaja, iaitu makna pertama bagi setiap 20 kata kerja yang telah dipilih untuk dianalisis.

ge-hen ['geian]; *ging, ist gegangen*; \Vi\ **1** sich aufrecht auf den Füßen mit relativ langsamen Schritten fortbewegen <barfuß, gebückt, langsam, schnell, am Stock, auf Zehenspitzen, geradeaus, auf u. ab g.>: „Willst du im Auto mitfahren?“ - „Nein, ich gehe lieber“ || K-: *geh-, -behindert, -fahig* || NB: | *laufen* **2** *irgendwohin g.*; g. + *Infinitiv* sich irgendwohin begeben (um etw. zu tun): *einkaufen, schlafen, schwimmen g.*; *ins/ zu Bett g.*; *nach Hause g.*; *Ich muß bald zum Arzt g.*; *Gehst du mit mir ins Kino?* **3** e-n Ort verlassen ≈ weggehen: *..Wills! du schon wieder g.? Du bist doch gerade erst gekommen!*" **4** *irgendwohin g.* e-e Schule o. ä. regelmäßig besuchen, e-e Ausbildung machen <in den Kindergarten, zur Schule in die Hauptschule, ins/aufs Gymnasium, auf die Universität g.> **5** *irgendwohin g.* sich irgendwohin begeben, um dort zu leben (u. zu arbeiten): *ins Ausland, nach Afrika, ins Kloster g.* **6** *irgendwohin g.* e-e berufliche Tätigkeit in e-m bestimmten Bereich aufnehmen: *in die Industrie, in den Staatsdienst, zum Film g.* **7** *an etw. (Akk) g.* mit e-r Tätigkeit beginnen <an die Arbeit, ans...

Misalnya kata kerja *gehen* (no. 7) seperti dalam contoh keratan kamus di atas, mempunyai banyak makna namun pengkaji hanya mengambil makna pertama sahaja, iaitu ‘berjalan’. Makna pertama dalam sesebuah kamus dikenali sebagai makna teras. Makna teras merupakan makna yang terpenting bagi sesuatu kata (<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=makna+teras&d=10>). Hishamudin dan Norsimah (2011) memetik pernyataan Dirven dan Verspoor. Menurut mereka terdapat dua kaedah untuk menentukan makna teras bagi sesuatu kata. Kaedah pertama adalah dengan membuat pengiraan secara statistik. Makna yang paling kerap digunakan boleh dikategorikan sebagai makna teras. Kaedah kedua pula adalah dengan meneliti makna manakah yang lebih berkesan atau lebih berupaya untuk menjelaskan makna-makna yang lain. Sekiranya makna tersebut berupaya menerangkan makna-makna yang lain, maka makna tersebut boleh dikategorikan sebagai makna teras. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih makna pertama untuk dianalisis. Seterusnya, berdasarkan Kamus Sinonim Bahasa Jerman Edisi Ketiga, iaitu *Das Synonymwörterbuch. Ein Wörterbuch sinnverwandter Wörter* (2004) pengkaji menyenaraikan pula kata sinonim bagi setiap 20 kata kerja tersebut. Setiap kata kerja mempunyai lebih daripada satu makna, maka kumpulan sinonimnya juga lebih daripada satu kumpulan. Oleh yang demikian, pengkaji memilih kata sinonim daripada kumpulan sinonim yang mempunyai makna yang berkaitan dan makna yang paling hampir sama dengan makna teras kata kerja yang dipilih sebagai data kajian. Hal ini demikian kerana makna yang hampir sama juga mempunyai struktur tatabahasa yang hampir sama. Hal ini dapat memudahkan pengkaji membuat perbandingan makna dan penghuraian cara penggunaan setiap kata kerja dan kata sinonimnya. Contohnya makna teras bagi kata kerja *gehen* (no. 7) yang dipilih oleh pengkaji ialah ‘berjalan’ yang bersinonimi dengan kumpulan kata sinonim nombor 1 dan *machen* (no. 8) bermaksud ‘membuat’, ‘menjadikan sesuatu’ adalah bersinonimi dengan kumpulan kata sinonim nombor 1(a), (b), (c) dan (d) seperti dalam contoh di

bawah. Oleh itu, pengkaji memilih kumpulan yang mempunyai makna yang paling hampir, iaitu kumpulan 1(a).

gehen

1. flanieren, sich fortbewegen, laufen, marschieren, schleichen, schlendern, schlurfen, schwanken, spazieren, stampfen, stapfen, stelzen, stolzieren, tänzeln, tappen, taumeln, trotten, wandern, waten, watscheln; (*geh.*): schreiten, wandeln; (*geh. od. spött.*): wallen; (*ugs.*): bummeln, dackeln, eiern, latschen, pilgern, schlappen, staksen, stiefeln, stöckeln, tapsen, tippeln, torkeln, trödeln, wackeln, zockeln, zotteln, zuckeln; (*salopp*): hatschen; (*abwertend*): trampeln; (*nordd.*): staken; (*landsch., bes. nordd.*): schlurren; (*geh. veraltend*): lustwandeln.

2. a) abfahren, abgehen, ablegen, abreisen, aufbrechen, sich entfernen, sich in Bewegung setzen, losfahren, starten, weggehen; (*ugs.*): sich fortmachen.

b) abdanken, sich abmelden, abtreten, aufhören, ausscheiden, austreten, demissionieren, kündigen, pensioniert werden, sein Amt niederlegen, seine Entlassung einreichen, seine Funktion/Stellung aufgeben, seinen Rücktritt erklären, zurücktreten; (*ugs.*): seinen Hut nehmen; (*südd., österr.*): ausstehen; (*veraltend*): den Dienst/sein Amt quittieren.

3. angeschaltet/angestellt/ingeschaltet sein, arbeiten, funktionieren, funktionstüchtig sein, in Bewegung/Funktion/Tätigkeit sein, in Betrieb/Gang sein, in Ordnung sein, intakt sein, laufen; (*ugs.*): an sein, tun.

4. a) durchführbar sein, funktionieren, gelingen, infrage kommen, klappen, sich machen lassen, machbar/möglich/umsetzbar sein; (*salopp*): hinhaufen.

b) akzeptiert werden können, angehen, annehmbar sein, sich ertragen lassen, erträglich/vertretbar sein, zulässig sein; (*bildungsspr.*): akzeptabel sein, tolerabel sein, toleriert werden können.

5. absetzbar/verkäuflich sein, sich absetzen/verkaufen lassen, gewünscht/nachgefragt/verkauft werden.

6. a) sich fühlen, zumute sein; (*geh.*): sich befinden; (*ugs.*): beieinander sein, drauf sein, zumut sein.

b) betreffen, sich drehen/handeln um, zu tun haben mit.

machen

1. a) anfertigen, erzeugen, fertigen, herstellen, schaffen, verfertigen; (*veraltend*): fabrizieren; (*bes. Wirtsch.*): produzieren.

b) anrichten, bereiten, fertig machen, herrichten, vorbereiten, zubereiten; (*landsch., Fachspr.*): zurichten.

c) auslösen, bewirken, erwecken, erzeugen, heraufbeschwören, hervorrufen, nach sich ziehen, veranlassen, verursachen, zur Folge haben; (*geh.*): entfachen, zeitigen.

d) ausführen, bewältigen, durchführen, erledigen, fertig werden, meistern, schaffen, tun, verrichten; (*schweiz.*): bodigen; (*ugs.*): auf die Reihe bringen/kriegen, deichseln, hinbekommen, hinkriegen, in den Griff kriegen, managen, packen, schmeißen; (*salopp*): schaukeln; (*landsch.*): zwingen; (*Papierdt.*): bewerkstelligen.

2. erlangen, erreichen, erwirtschaften, erzielen, verdienen.

3. sich befassen, sich beschäftigen, beschäftigt sein, sich betätigen, sich widmen, treiben, tun, zu tun haben, unternehmen; (*ugs.*): zugange sein; (*meist abwertend*): sich abgeben.

4. ein Geschäft betreiben, handeln, Handel treiben, tätig sein, verkaufen, vertreiben.

5. a) ausmachen, sich belaufen, betragen, sich beziffern, einen Preis haben, kosten.

b) ergeben, sein, zum Ergebnis haben.

Berdasarkan contoh keratan kamus sinonim di atas, setiap kata kerja mempunyai banyak kata bersinonimi. Perkataan tersebut disusun mengikut abjad. Dengan itu, bagi membuat pemilihan kata bersinonimi yang paling relevan dan tepat, pengkaji menggunakan dua cara. Cara pemilihan yang pertama ialah pengkaji memilih kata sinonim yang terdapat dalam sumber kajian yang sama, iaitu dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman. Hal ini bermakna kata bersinonimi yang dipilih oleh pengkaji juga adalah antara kata yang tertinggi kekerapan dalam senarai itu. Contohnya kata kerja *läuft (laufen)* (berlari, berjalan) yang terdapat dalam senarai frekuensi yang telah disenaraikan dalam lampiran B, nombor 64 merupakan kata kerja yang terdapat dalam kumpulan kata sinonim nombor 1 bagi kata kerja *gehen* (berjalan). Oleh itu, kata kerja *laufen* ini diambil sebagai kata yang bersinonimi dengan kata kerja *gehen*. Bagi memudahkan rujukan,

semua kata bersinonimi yang didapati daripada sumber kajian yang sama ditandai dengan lambang (*) dalam Jadual 4.4. Cara yang kedua adalah dengan membuat pemilihan secara rawak ke atas kata sinonim daripada kumpulan yang sama. Pengkaji menghadkan jumlah kata sinonim tersebut kepada tiga kata sahaja seperti yang ditunjukkan dalam contoh jadual 3.1 di bawah. Pemilihan tiga kata ini dilakukan dengan berpandukan makna yang hampir sama.

Jadual 3.1: Senarai Kata Sinonim bagi Kata Kerja *gehen* dan *machen*

No.	Kata Kerja	Kata Sinonim
1.	<i>gehen</i>	<i>spazieren</i> <i>stolzieren</i> <i>laufen*</i>
2.	<i>machen</i>	<i>herstellen</i> <i>produzieren</i> <i>schaffen*</i>

3.6 Penganalisan Data

Setiap data kajian dihuraikan makna dan cara serta konteks penggunaannya dengan terperinci. Begitu juga dengan kata sinonimnya turut diterjemah dan dihuraikan dengan teliti cara dan konteks penggunaannya bagi menunjukkan bahawa semua kata kerja tersebut adalah berhubungan secara sinonim. Bagi menjelaskan lagi penghuraian dan meningkatkan lagi pemahaman, beberapa contoh ayat bagi setiap kata kerja tersebut termasuk contoh-contoh ayat bagi setiap kata sinonimnya disenaraikan. Selain itu, dengan membekalkan contoh-contoh ayat ini, penjelasan tentang cara penggunaan setiap kata kerja dan kata sinonimnya mengikut konteks ayat yang betul juga dapat dibuat di samping bertujuan memaparkan persamaan dan perbezaan penggunaannya.

Semua contoh ayat dalam kajian ini diperoleh daripada empat sumber, iaitu seperti yang disenaraikan di bawah dan singkatan yang digunakan bagi sumber-sumber rujukan tersebut adalah seperti dalam tanda kurungan di bawah:

- i) Buku teks dan buku kerja bahasa Jerman (CB)
- ii) Kamus (CK)
- iii) Surat Khabar Jerman (CSK)
- iv) Majalah (CM)

Pengambilan contoh-contoh ayat berdasarkan sumber-sumber di atas adalah bagi memastikan erti bagi setiap kata kerja dan kata sinonimnya yang dianalisis adalah tepat dan benar serta konteks pemakaiannya dalam sesuatu ayat atau ujaran juga bersesuaian dan jelas. Penyertaan contoh-contoh ini membolehkan pembaca melihat persamaan dan perbezaan penggunaan kata-kata tersebut kerana lazimnya, persamaan dan perbezaan yang terkandung di dalamnya adalah amat sedikit.

Seterusnya, pengkaji membincangkan pula dengan teliti empat faktor yang menyebabkan wujudnya hubungan sinonim kata kerja bahasa Jerman, iaitu faktor dialek, peminjaman bahasa, kolokasi dan gaya/konteks. Bagi setiap faktor yang dibincangkan tersebut, pengkaji memberikan contoh-contoh kata kerja yang bersesuaian. Contoh-contoh ini diambil daripada senarai data kajian berserta dengan kata sinonimnya bersama-sama perincian huraian yang menunjukkan bahawa semua kata kerja tersebut berhubungan secara sinonim disebabkan oleh faktor-faktor yang berkenaan.

Semua perkataan yang berkolokasi dengan data kajian diambil daripada kamus bahasa Jerman, iaitu *Großwörterbuch Deutsch als Fremdsprache* (1993).

3.7 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan secara terperinci kaedah-kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini bermula daripada cara data dikumpulkan sehinggalah kepada cara data tersebut dianalisis, dihurai dan diberikan penjelasan. Analisis data kajian, dapatan kajian dan rumusannya akan dibincangkan dalam bab yang berikutnya.

BAB 4

ANALISIS DAN PENEMUAN

4.0 Pendahuluan

Berdasarkan metodologi yang telah digunakan, data yang dikumpul dianalisis dalam bab ini. Sebelum memulakannya, pengenalan dan penghuraian terhadap ciri-ciri golongan kata kerja dan kata nama dalam bahasa Jerman diberikan. Hal ini bertujuan memberikan penjelasan dan pemahaman kepada pembaca terhadap hubungan makna sinonim yang dilakukan ke atas kata kerja bahasa Jerman.

4.1 Ciri-ciri Kata Kerja dan Kata Nama Bahasa Jerman

Setiap kata dalam sesuatu bahasa tergolong dalam beberapa golongan tertentu. Bahasa Jerman seperti juga bahasa lain mempunyai beberapa golongan kata seperti golongan kata kerja, kata nama, kata sifat, kata adverba, kata hubung dan sebagainya. Golongan-golongan kata ini mempunyai makna dan fungsi masing-masing dalam setiap ayat atau ujaran. Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan kepada satu golongan kata sahaja, iaitu kata kerja. Walaupun kata nama bukanlah golongan kata yang dikaji, namun pengkaji berpendapat ciri-ciri kata nama juga perlu diterangkan bagi meningkatkan pemahaman pembaca. Hal ini demikian kerana dalam kajian ini banyak kata nama dan kata ganti nama diri terlibat dalam pembentukan frasa kerja.

4.1.1 Kata kerja

Kata kerja ialah kata perbuatan yang merujuk kepada sesuatu yang berlaku atau dilakukan. Golongan kata ini menjadi unsur inti dalam binaan frasa kerja. Contohnya *essen* (makan), *trinken* (minum), *arbeiten* (bekerja), *lernen* (belajar) dan sebagainya.

Kata kerja dalam bahasa Jerman mempunyai konjugasi dan bentuk-bentuk konjugasinya adalah seperti yang berikut:

Jadual 4.1: Bentuk Konjugasi (*Konjugation*) Kata Kerja

Bilangan	Kata Ganti Nama Diri		Kata Kerja		
			<i>wohnen</i> (tinggal)	<i>spielen</i> (bermain)	<i>nehmen</i> (mengambil)
Tunggal	<i>ich</i> (saya)	-e	<i>wohne</i>	<i>spiele</i>	<i>nehme</i>
	<i>du</i> (awak)	-st	<i>wohnst</i>	<i>spielst</i>	<i>nimmst</i>
	<i>Sie</i> (anda-sopan)	-en	<i>wohnen</i>	<i>spielen</i>	<i>nehmen</i>
	<i>er</i> (dia-L)				
	<i>sie</i> (dia-P) <i>es</i> (ia-benda)	-t	<i>wohnt</i>	<i>spielt</i>	<i>nimmt</i>
Jamak	<i>wir</i> (kami)	-en	<i>wohnen</i>	<i>spielen</i>	<i>nehmen</i>
	<i>ihr</i> (awak semua)	-t	<i>wohnt</i>	<i>spielt</i>	<i>nehmt</i>
	<i>Sie</i> (anda semua-sopan)	-en	<i>wohnen</i>	<i>spielen</i>	<i>nehmen</i>
	<i>sie</i> (mereka)	-en	<i>wohnen</i>	<i>spielen</i>	<i>nehmen</i>

Bentuk konjugasi kata kerja dalam bahasa Jerman berubah mengikut penggunaan kata ganti nama diri seperti dalam jadual 4.1 di atas. Namun terdapat kekecualian apabila kata kerja modal (*Modalverben: sollen, wollen, können, mögen, dürfen, müssen*) digunakan bersama-sama dengan kata kerja lain dalam sesuatu ayat misalnya dalam contoh ayat (iii) di bawah, iaitu hanya *Modalverben* sahaja yang perlu dikonjugasi manakala kata kerja lain kekal dalam bentuk infinitif. Terdapat juga kata kerja yang mengalami perubahan ejaan dan sebutan apabila dikonjugasikan contohnya seperti kata kerja *nehmen* dalam jadual di atas. Perubahan ini bergantung kepada jenis kata kerja

sama ada *schwache Verb (regular)* atau *starke Verb (irregular)*. Sebagai panduan, dikemukakan beberapa contoh binaan frasa kerja bahasa Jerman.

- i) kata kerja *kaufen* (beli)

Herr Baumer ist oft in Österreich und in der Schweiz. Dort kauft und verkauft er Autos. (CB)

(Herr Baumer sering berada di Austria dan Switzerland. Di sana dia membeli dan menjual kereta (pl).)

- ii) kata kerja *lesen* (baca)

Nachmittags lese ich Bücher oder schreibe Briefe. (CB)

(Pada waktu petang saya membaca buku (pl) atau menulis surat (pl).)

- iii) kata kerja *möchten* (hendak/mahu) – contoh *Modalverb*

Wer möchte die Flasche aufmachen? (CB)

(Siapakah yang mahu membuka botol ini?)

Kata kerja dalam bahasa Jerman juga mempunyai bentuk *trennbar* dan *untrennbar* atau dalam bahasa Inggerisnya *separable* dan *inseparable verb*. Antara imbuhan awalan yang ditambah pada golongan kata kerja *trennbar* ialah *fern, aus, fort, ab, bei, ein, vor, an, auf, mit* dan *weg*. Beberapa contoh kata kerja *trennbar* ialah *fernsehen* (menonton televisyen), *anfangen* (mula), *ausbreiten* (sebar, mengembangkan) dan *fortsetzen* (sambung). Penggunaannya dalam ayat boleh sama ada dieja bersama seperti contoh (i) atau terpisah seperti contoh (ii) di bawah, iaitu bergantung kepada kehadiran kata kerja modal *sollen, wollen, können, mögen, dürfen* dan *müssen*. Jika terdapat kata kerja modal ini dalam sesuatu ayat maka kata kerja *trennbar* tidak akan dieja secara terpisah. Kata kerja *muss* dalam contoh (i) di bawah ialah *müssen*.

i) *aufstehen* (bangun tidur)

Pünktlich um 6.30 Uhr muss er aufstehen. (CM)

(Tepat pada pukul 6.30 pagi dia mesti bangun.)

ii) *fernsehen* (menonton televisyen)

Frau Sprenger liest gern, aber sie sieht nicht so gern fern. (CB)

(Frau Sprenger suka membaca tetapi dia tidak suka menonton televisyen.)

Antara imbuhan awalan yang ditambah pada golongan kata kerja *untrennbar* pula ialah *be-*, *er-*, *emp-*, *ent-*, *ver-*, *ge-*, *miss-* dan *zer-*. Contoh kata kerja *untrennbar* ialah *begegnen* (jumpa), *empfangen* (terima), *gefallen* (suka, gemar), *missverstehen* (salah faham) dan *versprechen* (janji).

i) *missverstehen* (salah faham)

Ach entschuldigen Sie, da habe ich Sie wohl missverstanden. (CK)

(Ach saya minta maaf, saya betul-betul salah faham.)

ii) *versprechen* (berjanji)

Versprich mir, das du das nicht weitersagst. (CK)

(Janji kepada saya bahawa awak tidak akan beritahu pasal hal itu lagi.)

Perkara yang perlu diingat semasa membentuk ayat dengan menggunakan kata kerja jenis ini ialah semua kata kerja ini juga akan dikonjugasi mengikut penggunaan kata ganti nama diri.

Selain itu, kata kerja bahasa Jerman juga menggunakan pelbagai kala seperti *Präsens*, *Präteritum*, *Perfekt*, *Plusquamperfekt*, *Futur I* dan *Futur II*. Pemakaian semua kala ini dalam membina sesuatu ayat yang menggunakan kata kerja akan menyebabkan kata kerja tersebut mengalami perubahan ejaan dan sebutannya mengikut peraturan

tatabahasa bahasa Jerman. Perubahan kata kerja tersebut berlaku mengikut jenisnya sama ada *schwache Verb (regular)* atau *starke Verb (irregular)*.

4.1.2 Kata Nama

Kata nama berfungsi untuk menamakan seseorang, benda, haiwan, tempat dan konsep. Kata nama menjadi unsur inti dalam setiap binaan frasa nama. Setiap kata nama dalam bahasa Jerman mempunyai gender sama ada maskulin, feminin atau neuter yang ditandai dengan *definite* artikel *der* untuk maskulin, *die* untuk feminin dan neuter ialah *das*. Dalam bahasa Jerman, kata nama akan mengalami deklinasi. Oleh itu, bentuk kata namanya akan berubah bergantung kepada gender, empat kasusnya, iaitu nominatif, akusatif, datif dan genitif serta bilangannya sama ada tunggal atau jamak. Contohnya adalah seperti dalam jadual 4.2 di bawah:

Jadual 4.2: Bentuk Deklinasi (*Deklination*) Kata Nama

Kasus	Maskulin	Feminin	Neuter	Jamak
Nominatif	<i>der Vater</i> (ayah)	<i>die Mutter</i> (ibu)	<i>das Kind</i> (anak/kanak-kanak)	<i>die Kinder</i> (anak-anak/kanak-kanak)
Akusatif	<i>den Vater</i>	<i>die Mutter</i>	<i>das Kind</i>	<i>die Kinder</i>
Datif	<i>dem Vater</i>	<i>der Mutter</i>	<i>dem Kind</i>	<i>den Kindern</i>
Genitif	<i>des Vaters</i>	<i>der Mutter</i>	<i>des Kindes</i>	<i>der Kinder</i>

Tidak seperti kebanyakan bahasa, semua kata nama dalam bahasa Jerman sama ada kata nama am atau khas mesti dimulakan dengan huruf besar.

Seterusnya, kata ganti nama pula ialah kata yang menjadi pengganti kata nama. Golongan kata ini boleh dibahagikan kepada dua golongan kecil, iaitu kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk. Kata ganti nama diri, iaitu *Personalpronomen* dalam

bahasa Jerman terdiri daripada ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga dalam bentuk tunggal dan jamak. Contohnya adalah seperti berikut:

Jadual 4.3: Deklinasi Kata Ganti Nama Diri

Bilangan	Kata Ganti Nama Diri			
	Nominatif	Akusatif	Datif	Genetif (<i>poss</i>) ³
Tunggal	<i>ich</i> (saya)	<i>mich</i>	<i>mir</i>	<i>meiner</i>
	<i>du</i> (awak)	<i>dich</i>	<i>dir</i>	<i>deiner</i>
	<i>er</i> (dia-L)	<i>ihn</i>	<i>ihm</i>	<i>seiner</i>
	<i>sie</i> (dia-P)	<i>sie</i>	<i>ihr</i>	<i>ihrer</i>
	<i>es</i> (ia)	<i>es</i>	<i>ihm</i>	<i>seiner</i>
	<i>Sie</i> (anda)	<i>Sie</i>	<i>Ihnen</i>	<i>Ihrer</i>
Jamak	<i>wir</i> (kami)	<i>uns</i>	<i>uns</i>	<i>unserer</i>
	<i>ihr</i> (awak)	<i>euch</i>	<i>euch</i>	<i>eurer</i>
	<i>sie</i> (mereka)	<i>sie</i>	<i>ihnen</i>	<i>ihrer</i>
	<i>Sie</i> (anda)	<i>Sie</i>	<i>Ihnen</i>	<i>Ihrer</i>

Penggunaan kata ganti nama diri juga berbeza bukan sahaja bergantung kepada tahap kesopanan dan situasi pemakaiannya tetapi juga kepada penggunaan kasusnya.

³ Kata ganti nama diri dalam kolom genetif (*poss*) digunakan untuk merujuk kata nama bersifat feminin dan dalam bentuk jamak sahaja.

4.2 Analisis Data

Setiap kata kerja yang dipilih sebagai data kajian bersama kata sinonimnya disenaraikan dalam jadual 4.4 di bawah. Perkataan dasar diletakkan di dalam kurungan.

Jadual 4.4: Senarai Kata Bersinonim dengan Kata Kerja

No.	No. Rujukan ⁴	Kata Kerja	Kata Sinonim
1.	12, 13, 36, 41, 54, 63,93	<i>kann, können, könnte, konnte, könne, könnten, konnten (können)</i>	1) <i>verstehen</i> 2) <i>beherrschen</i> 3) <i>draufhaben</i>
2.	15,27, 39, 68, 130	<i>soll, sollen, sollte, sollten, solle (sollen)</i>	1) <i>beauftragen</i> 2) <i>verpflichten</i> 3) <i>müssen*</i>
3.	17, 29, 59	<i>will, wollen, wollte (wollen)</i>	1) <i>mögen*</i> 2) <i>wünschen</i> 3) <i>begehren</i>
4.	18,26	<i>sagte,sag (sagen)</i>	1) <i>erklären*</i> 2) <i>erzählen*</i> 3) <i>informieren</i>
5.	19,46, 48	<i>gibt, gab, geben (geben)</i>	1) <i>reichen</i> 2) <i>hergeben</i> 3) <i>in die Hand drücken</i>
6.	20, 23, 62, 73, 101, 151	<i>muss, müssen, müsse, musste, müssten, mussten (müssen)⁵</i>	1) <i>obliegen</i> 2) <i>gehalten sein</i> 3) <i>verpflichten</i>
7.	28,58	<i>geht, gehen (gehen)</i>	1) <i>spazieren</i> 2) <i>laufen*</i> 3) <i>stolzieren</i>
8.	31, 52, 57	<i>machen, macht, gemacht (machen)</i>	1) <i>herstellen</i> 2) <i>produzieren</i> 3) <i>schaffen*</i>

⁴ Merujuk kedudukan sesuatu kata kerja dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman dalam Lampiran A

⁵ Kata kerja *muss, musste, müssten, mussten* dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman menggunakan ejaan lama, iaitu *muß, mußte, müßten, mußten*. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggantikannya dengan sistem ejaan bahasa Jerman baharu.

9.	32, 53	<i>lassen, lässt⁶ (lassen)</i>	1) <i>erlauben</i> 2) <i>gestatten</i> 3) <i>billigen</i>
10.	33, 43	<i>steht, stehen (stehen)</i>	1) <i>lehnen</i> 2) <i>auf den Beinen oder Füßen sein</i> 3) <i>sich aufrecht halten</i>
11.	35, 38, 55,95, 133	<i>kommt, kommen, kam, gekommen, kamen (kommen)</i>	1) <i>ankommen</i> 2) <i>einlangen</i> 3) <i>erscheinen</i>
12.	44,102	<i>heißt, hieß (heißen)</i>	1) <i>nennen*</i> 2) <i>titulieren</i> 3) <i>bezeichnen*</i>
13.	47,86, 140	<i>liegt, liegen, lag (liegen)</i>	1) <i>lagern,</i> 2) <i>ruhen</i> 3) <i>sich aalen</i>
14.	50, 51,146, 185	<i>sieht, sehen, gesehen, sah (sehen)</i>	1) <i>erblicken</i> 2) <i>beobachten</i> 3) <i>erkennen</i>
15.	56, 66,119	<i>bleibt, bleiben, blieb (bleiben)</i>	1) <i>verharren</i> 2) <i>weilen</i> 3) <i>verweilen</i>
16.	60,166	<i>gilt, gelten (gelten)</i>	1) <i>gültig sein</i> 2) <i>zählen</i> 3) <i>in Kraft treten</i>
17.	61,76	<i>erklärte, erklärt (erklären)</i>	1) <i>erläutern</i> 2) <i>zeigen*</i> 3) <i>entwickeln*</i>
18.	64,83,116, 143	<i>finden, findet, gefunden, fand (finden)</i>	1) <i>entdecken</i> 2) <i>aufspüren</i> 3) <i>sehen</i>
19.	65	<i>erhalten (erhalten)</i>	1) <i>bekommen*</i> 2) <i>empfangen</i> 3) <i>kriegen</i>
20.	67,82	<i>weiß, wissen (wissen)</i>	1) <i>kennen</i> 2) <i>können*</i> 3) <i>Bescheid wissen</i>

⁶ Kata kerja *lässt* dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman menggunakan ejaan lama, iaitu *läßt*. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggantikannya dengan sistem ejaan bahasa Jerman baharu.

4.2.1 Kata Kerja *können*

Können ialah kata bahasa Jerman yang termasuk dalam golongan kata kerja yang bermaksud berkebolehan, mengetahui dan berkemahiran dalam melakukan sesuatu perkara setelah seseorang itu mempelajari, menyaksikan atau mengalami perkara-perkara tersebut. Misalnya boleh/tahu menggunakan sesuatu bahasa, bermain sesuatu permainan, membuat matematik dan sebagainya. Kata kerja ini telah digunakan dalam bahasa Jerman Tinggi Pertengahan sebagai *kunnen* dan bahasa Jerman Tinggi Lama sebagai *kunnan*. Berikut ialah beberapa contoh ayat yang menggunakan kata kerja *können*.

a.	<i>Ich <u>kann</u> Deutsch.</i> (CB)		
	<i>Ich</i>	<i><u>kann</u></i>	<i>Deutsch.</i>
	Saya	tahu	bahasa Jerman
	Saya tahu bahasa Jerman/saya boleh menuturkan bahasa Jerman.		

b.	<i><u>Kannst</u> du Karate/Yoga?</i> (CK)		
	<i><u>Kannst</u></i>	<i>du</i>	<i>Karate/Yoga?</i>
	Boleh	awak	Karate/Yoga?
	Awak tahu/boleh berkarate/beryoga (melakukan karate/melakukan yoga)?		

Selain berfungsi sebagai kata kerja biasa seperti yang diterangkan di atas, kata kerja *können* ini juga boleh berfungsi sebagai kata kerja modal dengan makna yang dibawanya adalah hampir sama, iaitu merujuk kepada seseorang yang berkebolehan, mengetahui dan berkemahiran dalam melakukan sesuatu perkara setelah mempelajari, menyaksikan atau mengalami perkara-perkara tersebut. Semasa berfungsi sebagai kata kerja modal, kata kerja *können* akan bergandingan dengan kata kerja lain yang berbentuk infinitif. Oleh itu, makna sesuatu frasa yang menggunakan kata kerja *können*

sebagai kata kerja modal adalah bergantung kepada kata kerja yang bergandingan tersebut. Contohnya adalah seperti dalam ayat di bawah:

c.	<i>Ich bin 6 Jahre alt und <u>kann</u> schon <u>rechnen</u>!</i> (CB)							
	<i>Ich</i>	<i>bin</i> (aux)	<i>6 Jahre</i>	<i>alt</i>	<i>und</i>	<i><u>kann</u></i>	<i>schon</i>	<i><u>rechnen</u>!</i>
	Saya		6 tahun	umur	dan	tahu	sudah	mengira!
	Saya berumur 6 tahun dan sudah tahu/boleh mengira!							

d.	<i><u>Kann</u> er <u>reiten</u>?</i> (CK)		
	<i><u>Kann</u></i>	<i>er</i>	<i><u>reiten</u>?</i>
	Tahu	dia (L)	menunggang?
	Tahukah/bolehkah dia menunggang?		

Kata *rechnen* dan *reiten* yang bergaris dalam contoh (c) dan (d) di atas ialah kata kerja yang berbentuk infinitif. Perbezaan penggunaannya adalah semasa berfungsi sebagai kata kerja biasa dalam sesuatu frasa, kata kerja lain yang berbentuk infinitif tidak hadir. Walau bagaimanapun, makna sesuatu ayat itu akan difahami oleh pembaca atau pendengar berdasarkan konteks ayat. Contohnya seperti ayat (a) dan (b) di atas. Selain itu, perbezaannya adalah semasa berfungsi sebagai kata kerja biasa untuk maksud di atas, kata kerja *können* tersebut digunakan sebagai bahasa percakapan dan bahasa kolokial.

Kata kerja *können* di atas mempunyai beberapa kata sinonim, iaitu *verstehen*, *beherrschen* dan *draufhaben*. *Verstehen* bermaksud tahu, iaitu dengan adanya pengetahuan dan pengalaman, seseorang itu banyak mengetahui sesuatu perkara namun tidaklah pakar atau mahir dalam perkara tersebut. *Verstehen* diterbitkan hasil gabungan imbuhan *ver-* dan kata kerja *stehen*. Etimologi kata kerja ini adalah daripada bahasa Germanik Barat.

e.	<i>Katrin <u>versteht</u> es, mit Kindern umzugehen. (CK)</i>					
	<i>Katrin</i>	<i><u>versteht</u></i>	<i>es,</i>	<i>mit</i>	<i>Kindern</i>	<i>umzugehen.</i>
	Katrin	tahu	ia,	dengan	kanak-kanak	mengurus.
	Katrin tahu menguruskan (selok-belok) kanak-kanak.					

f.	<i>Sie <u>versteht</u> viel von Musik. (CK)</i>				
	<i>Sie</i>	<i><u>versteht</u></i>	<i>viel</i>	<i>von</i>	<i>Musik.</i>
	Dia (P)	tahu	banyak	tentang	Muzik.
	Dia banyak mengetahui tentang Muzik.				

Beherrschen pula ialah kata kerja yang merujuk kepada seseorang yang sangat berkemahiran atau sangat berpengetahuan tentang sesuatu perkara atau dengan kata lain seseorang itu telah dapat menguasai sesuatu perkara sehingga mencapai tahap pakar atau mahir dalam perkara tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan seseorang itu tidak lagi mengalami kesusahan dan tidak lagi cenderung melakukan kesilapan apabila berhadapan dengan perkara tersebut. Jika kata kerja ini digunakan untuk konteks bahasa Inggeris, kata kerja ini membawa maksud ‘*have a good command of*’.

g.	<i>Wie gut <u>beherrschen</u> Sie den deutschen Wortschatz? (CM)</i>					
	<i>Wie</i>	<i>gut</i>	<i><u>beherrschen</u></i>	<i>Sie</i>	<i>den</i> <i>(art)</i>	<i>deutschen</i>
	Bagaimanakah	baik	menguasai	anda		bahasa Jerman
	<i>Wortschatz?</i>					
	perbendaharaan kata?					
	Bagaimanakah kemampuan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Jerman anda?					

h.	<i>Seine Schwester <u>beherrscht</u> drei Fremdsprachen.</i> (CK)				
	<i>Seine (poss)</i>	<i>Schwester</i>	<i><u>beherrscht</u></i>	<i>drei</i>	<i>Fremdsprachen.</i>
	-nya	kakak	tahu/menguasai/(berkemahiran)	tiga	bahasa asing.
	Kakaknya tahu/menguasai (berkemahiran) tiga bahasa asing.				

Draufhaben juga bersinonim dengan kata kerja yang dibincangkan di atas. *Draufhaben* bermaksud tahu, berpengetahuan atau berkebolehan, iaitu merujuk kepada seseorang yang sangat berbakat atau berkebolehan dalam melakukan sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, kata kerja ini digunakan sebagai bahasa kolokial. *Draufhaben* ialah sejenis kata kerja *trennbar (separable)* seperti yang telah diterangkan pada halaman 71-72. Dalam contoh ayat di bawah, kata kerja ini dieja secara terpisah.

i.	<i>Sie <u>hat</u> ganz schön was <u>drauf</u> in Physik!</i> (CK)				
	<i>Sie</i>	<i><u>hat</u></i>	<i>ganz schön</i>	<i>was</i>	<i><u>drauf</u></i>
	Dia (P)		betul-betul/sangat bagus	sesuatu	berkebolehan
	<i>in</i>	<i>Physik!</i>			
	dalam	fizik!			
	Dia betul-betul/sangat berkebolehan dalam bidang fizik!				

4.2.2 Kata Kerja *sollen*

Sollen bermaksud patut, harus. Sebenarnya kata kerja ini merupakan salah satu kata kerja yang tergolong dalam kata kerja modal tetapi pada masa yang sama boleh juga berfungsi sebagai kata kerja biasa. Namun begitu, berdasarkan kepada kamus *Großwörterbuch Deutsch als Fremdsprache* (1993), kata kerja ini lebih banyak digunakan sebagai kata kerja modal berbanding dengan kata kerja biasa. Malahan cara penggunaannya juga berbeza mengikut peraturan tatabahasa bahasa Jerman. Apabila berfungsi sebagai kata kerja biasa, kata kerja *sollen* ini digunakan untuk

mengungkapkan atau mengucapkan arahan atau perintah kepada seseorang tentang apa yang patut atau harus mereka lakukan dan ke mana seseorang itu harus pergi. Semasa berfungsi sebagai kata kerja biasa untuk maksud yang dibincangkan di atas, kata kerja *sollen* ini digunakan dalam bahasa lisan dan bahasa kolokial. Ayat yang dituturkan tersebut juga difahami berdasarkan konteksnya kerana kata kerja infinitif tidak hadir dalam ayat tersebut. Contohnya adalah seperti yang berikut:

a.	<i>Der Brief <u>soll</u> auf die Post.</i> (CK)					
	<i>Der</i> (art)	<i>Brief</i>	<i><u>soll</u></i>	<i>auf</i>	<i>die</i> (art)	<i>Post.</i>
		surat	patut	ke		pejabat pos.
	Surat itu sepatutnya dibawa ke pejabat pos.					

b.	<i>Der Chef rief an und sagte: 'Du <u>sollst</u> sofort in sein Büro'.</i> (CK)						
	<i>Der</i> (art)	<i>Chef</i>	<i>rief an</i> (pt)	<i>und</i>	<i>sagte:</i> (pt)	<i>'Du</i>	<i><u>sollst</u></i>
		bos	telah menelefon	dan	telah berkata:	'awak	harus
	<i>sofort</i>	<i>in</i>	<i>sein</i> (poss)	<i>Büro'.</i>			
	segera	ke	-nya	pejabat'.			
	Bos telah menelefon dan berkata: 'awak harus segera ke pejabatnya'.						

Apabila berfungsi sebagai kata kerja modal, kata kerja biasa akan hadir dalam bentuk infinitif untuk memberi makna sebenar seperti yang dimaksudkan oleh sesebuah ayat sebagaimana dalam contoh ayat (c) *zurückrufen* dan ayat (d) *ausruhen*. Namun makna yang didukung oleh kata kerja *sollen* yang berfungsi sebagai kata kerja modal ini adalah hampir sama, iaitu patut, harus yang digunakan untuk mengungkapkan atau mengucapkan kepada seseorang, sesuatu perintah atau permintaan yang boleh sama ada melibatkan sesuatu perkara seperti undang-undang, peraturan atau perintah. Ungkapan atau ucapan tersebut adalah dalam bentuk suruhan, silaan, cadangan ataupun nasihat. Bagi menjelaskan penerangan di atas, beberapa contoh ayat dikemukakan di bawah:

c.	<i>Dein Vater hat angerufen. Du <u>sollst</u> <u>zurückrufen</u>. (CK)</i>					
	<i>Dein (poss)</i>	<i>Vater</i>	<i>hat (aux)</i>	<i><u>angerufen</u>. hat (aux) + angerufen (Partizip II) = Perfect Tense</i>	<i>Du</i>	<i><u>sollst</u></i>
	-nya	ayah		telah menelefon.	Awak	patut
	<i><u>zurückrufen</u>.</i>					
	menelefon balik.					
	Ayah awak telah menelefon. Awak patut menelefonnya balik.					

d.	<i>Der Arzt sagte, ich <u>solle</u> mich <u>ausruhen</u>. (CK)</i>						
	<i>Der (art)</i>	<i>Arzt</i>	<i>sagte, (pt)</i>	<i>ich</i>	<i><u>solle</u></i>	<i>mich (refl)</i>	<i><u>ausruhen</u>.</i>
		doktor	telah memberitahu	saya	harus	diri saya (sendiri)	berehat.
	Doktor telah memberitahu, saya harus berehat.						

Menurut Schmitz (1967: 39) kata kerja *sollen* merujuk kepada kemahuan, keinginan atau arahan yang ditujukan kepada seseorang oleh pihak ketiga yang bukan merupakan suatu paksaan yang perlu dipatuhi sebaliknya arahan tersebut bergantung kepada pendengar atau pembaca sama ada mahu mematuhi atau tidak. Contoh ayat:

e.	<i>Er sagte, du <u>sollst</u> es sofort tun. (CK)</i>						
	<i>Er</i>	<i>sagte, (pt)</i>	<i>du</i>	<i>sollst</i>	<i>es</i>	<i>sofort</i>	<i>tun.</i>
	Dia (L)	telah berkata,	awak	patut	ia	segera	buat/lakukan.
	Katanya/Dia telah berkata, awak patut melakukannya segera.						

Selain itu, *sollen* juga digunakan dalam bentuk *Konjunktiv (subjunctive)*. Makna yang dibawanya adalah sama, iaitu patut atau harus untuk tujuan memberi nasihat. Dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman ini, terdapat kata kerja *sollen* yang ditemui berbentuk *Konjunktiv*, iaitu *sollte* (no. 39), *sollten* (no. 68) dan *solle* (no. 130). Contoh ayat yang menggunakan kata kerja *sollen* dalam bentuk *Konjunktiv* ialah:

f.	<i>Du solltest dich schämen!</i> (CK)			
	<i>Du</i>	<i>solltest</i> (<i>subjunctive</i>)	<i>dich</i> (<i>refl</i>)	<i>schämen!</i>
	Awak	patut	diri awak (sendiri)	malu!
	Awak sepatutnya malu pada diri awak sendiri!			

Kata kerja *sollen* yang dibincangkan di atas mempunyai kata sinonim, iaitu *beauftragen*, *verpflichten* dan *obliegen*. *Beauftragen* bermakna menyuruh atau mengarahkan, iaitu merujuk kepada perbuatan seseorang yang menyuruh atau mengarahkan seseorang supaya melakukan sesuatu seperti arahan yang dikeluarkan mengikut perancangan sesebuah pengeluaran, penghasilan atau pembuatan. Arahan yang diberikan tersebut merupakan suatu bentuk *Bitte* (permintaan) atau *Befehl* (perintah). *Beauftragen* diterbitkan daripada perkataan *Auftrag* pada awal abad ke-19. Namun asal sebenarnya adalah daripada bahasa Jerman Tinggi Pertengahan *üftragen*.

g.	<i>Ich bin beauftragt, die Sachen abzuholen.</i> (CK)					
	<i>Ich</i>	<i>bin</i> (<i>aux</i>)	<i>beauftragt,</i> <i>bin (aux) + beauftragt (Partizip II) = Passive Perfect Tense</i>	<i>die</i> (<i>art</i>)	<i>Sachen</i> (<i>pl</i>)	<i>abzuholen.</i>
	Saya		telah disuruh/diarahkan		barang-barang	memungut.
	Saya telah diarahkan untuk memungut barang-barang.					

h.	<i>Man hat mich beauftragt, Sie darüber zu informieren.</i> (CK)				
	<i>Man</i>	<i>hat</i> (<i>aux</i>)	<i>mich</i> (<i>pers pron, acc</i>)	<i>beauftragt,</i> <i>hat (aux) + beauftragt (Partizip II) = Perfect Tense</i>	<i>Sie</i>
	Seseorang		saya	telah disuruh/ diarahkan	anda
	<i>darüber</i>	<i>zu</i>	<i>informieren.</i>		
	tentang itu	di	beritahu.		
	Saya telah disuruh oleh seseorang supaya memberitahu/memaklumkan anda tentang perkara itu.				

Selain itu, *verpflichten* juga bersinonim dengan kata kerja *sollen*. *Verpflichten* berasal daripada kata *Pflicht* (tugas, kewajipan, tanggungjawab), iaitu daripada bahasa Germanik Barat. Kata kerja *verpflichten* bermaksud sesuatu yang memaksa atau mewajibkan seseorang melakukan sesuatu. Keadaan ini merujuk kepada sesuatu perkara tertentu yang telah menyebabkan seseorang mempunyai kewajipan atau tanggungjawab supaya melakukan sesuatu perkara tertentu. Misalnya pesanan ke atas barang-barang atau bekalan yang wajib dibeli. Contoh ayat:

i.	<i>Das Öffnen der Packung verpflichtet zum Kauf.</i> (CK)					
	<i>Das</i> (art)	<i>Öffnen</i>	<i>der</i> (art)	<i>Packung</i>	<i>verpflichtet</i>	<i>zum</i>
		pembukaan		paket	mewajibkan	di
	<i>Kauf.</i>					
	pembelian.					
	Paket/Bungkusan yang dibuka wajib/mesti dibeli.					

Kata sinonim yang seterusnya ialah *müssen*. Kata kerja ini bermaksud memaksa atau mewajibkan seseorang melakukan sesuatu. Menurut Schmitz (1967: 39), *müssen* ialah kata kerja yang menandakan keperluan atau kemestian terhadap sesuatu yang tidak boleh dielakkan sebaliknya perlu dipenuhi atau diikuti sama ada dengan kerelaan sendiri mahupun tanpa kerelaan. Dengan kata lain, kata kerja ini digunakan untuk menunjuk dan memerihalkan suatu paksaan. Selain berfungsi sebagai kata kerja modal, kata kerja ini juga boleh berperanan sebagai kata kerja biasa. Semasa digunakan sebagai kata kerja biasa seperti dalam contoh (j), kata kerja transitif lain tidak hadir sebagaimana ketika kata kerja ini berfungsi menjadi kata kerja modal seperti yang diberikan dalam contoh ayat (k). Ayat ini mengandungi kata kerja transitif, iaitu *fahren* yang membantu menerangkan maksud ayat. Walau bagaimanapun, maksud ayat (j) boleh difahami berdasarkan konteks dan keadaan penggunaannya. Contoh ayat:

j.	<i>Sie <u>muss</u> ins Büro.</i> (CK)			
	<i>Sie</i>	<i><u>muss</u></i>	<i>ins</i>	<i>Büro.</i>
	Dia (P)	mesti	ke	pejabat.
	Dia mesti (pergi) ke pejabat.			

k.	<i>Ich <u>muss</u> jeden Tag 80 Kilometer zur Arbeit <u>fahren</u>.</i> (CK)						
	<i>Ich</i>	<i><u>muss</u></i>	<i>jeden</i>	<i>Tag</i>	<i>80 Kilometer</i>	<i>zur</i>	<i>Arbeit</i>
	Saya	mesti	setiap	hari	80 kilometer	ke	kerja
	<i><u>fahren</u>.</i>						
	pergi (berkenderaan).						
	Setiap hari saya mesti pergi (memandu) sejauh 80 kilometer ke tempat kerja.						

4.2.3 Kata Kerja *wollen*

Dalam bahasa Jerman, terdapat beberapa kata kerja yang digunakan untuk membawa maksud mahu, hendak, ingin atau berhasrat melakukan sesuatu atau memiliki sesuatu sama ada konkrit atau abstrak. Kata-kata kerja tersebut ialah *wollen*, *mögen*, *wünschen* dan *begehren*. Semua kata kerja ini bersinonim dan bagi menggunakannya seseorang itu perlu mengetahui perbezaan konteksnya. *Wollen* digunakan untuk menyatakan keinginan atau hasrat untuk melakukan sesuatu, memiliki sesuatu atau pergi ke sesuatu tempat. Kemahuan tersebut merujuk kepada kemahuan seseorang yang bersungguh-sungguh atau kuat yang perlu dicapai. *Wollen* telah digunakan sejak zaman bahasa Jerman Tigggi Lama sebagai *wellen* dan pada zaman bahasa Jerman Tigggi Pertengahan sebagai *wellen*, *wollen*. Selain dalam bahasa Jerman, kata ini juga digunakan dalam bahasa Inggeris sebagai *will* yang berfungsi sebagai kata nama dan kata kerja modal. Dalam bahasa Jerman, kata nama kepada *wollen* ialah *Wille*. Berikut ialah penggunaan kata kerja *wollen* dalam ayat:

a.	<i>Eltern <u>wollen</u> nur das Beste für ihre Kinder. (CK)</i>						
	<i>Eltern</i>	<i>wollen</i>	<i>nur</i>	<i>das</i> (art)	<i>Beste</i>	<i>für</i>	<i>ihre</i> (poss)
	Ibu bapa	ingin	hanya		terbaik	untuk	mereka
	<i>Kinder.</i>						
	anak-anak.						
	Ibu bapa inginkan hanya yang terbaik untuk anak-anak mereka.						

b.	<i>Ob sie <u>wollen</u> oder nicht, die Kinder müssen zur Schule. (CK)</i>							
	<i>Ob</i>	<i>sie</i>	<i>wollen</i>	<i>oder</i>	<i>nicht,</i>	<i>die</i> (art)	<i>Kinder</i>	<i>müssen</i>
	Sama ada	mereka	mahu	atau	tidak,		anak-anak	mesti
	<i>zur</i>	<i>Schule.</i>						
	ke	sekolah.						
	Sama ada mereka mahu atau tidak anak-anak mesti (pergi) ke sekolah.							

Selain digunakan sebagai kata kerja biasa, kata kerja *wollen* ini turut digunakan sebagai kata kerja modal yang maksudnya juga hampir sama dengan maksud kata kerja *wollen* yang digunakan sebagai kata kerja biasa seperti yang telah diterangkan di atas. Namun cara penggunaannya dalam ayat adalah berbeza, iaitu kata kerja *wollen* ini perlu digunakan bersama kata kerja lain yang berbentuk infinitif. Berdasarkan dua contoh ayat (c) dan (d) di bawah, *haben* dan *wohnen* merupakan kata kerja yang mengandungi makna berbentuk infinitif.

c.	<i>Ich <u>wollte</u> ein Haus in der Nähe des Bahnhofs <u>haben</u>. (CK)</i>						
	<i>Ich</i>	<i>wollte</i>	<i>ein</i>	<i>Haus</i>	<i>in der Nähe</i>	<i>des</i> (art)	<i>Bahnhofs</i>
	Saya	ingin	sebuah	rumah	hampir		stesen kereta api
	<i>haben.</i>						
	memiliki.						
	Saya ingin memiliki sebuah rumah berhampiran dengan stesen kereta api.						

d.	<i>Mein Mann und ich, wir arbeiten beide in Frankfurt und wir <u>wollen</u> auch hier wohnen.</i> (CB)							
	<i>Mein</i> (<i>poss</i>)	<i>Mann</i>	<i>und</i>	<i>ich,</i>	<i>wir</i>	<i>arbeiten</i>	<i>beide</i>	<i>in</i>
	saya	suami	dan	saya,	kami	bekerja	dua-dua	di
	<i>Frankfurt</i>	<i>und</i>	<i>wir</i>	<u><i>wollen</i></u>	<i>auch</i>	<i>hier</i>	<u><i>wohnen.</i></u>	
	Frankfurt	dan	kami	ingin	juga	di sini	tinggal.	
	Saya berdua dengan suami saya, (kami) bekerja di Frankfurt dan kami juga mahu tinggal di sini.							

Mögen ialah kata kerja yang mendukung erti suka, gemar. Namun kata kerja ini juga digunakan sebagai *subjunctive* atau *Konjunktiv* dalam bahasa Jerman sebagai *möchten* bagi membawa maksud mahu atau hendak, iaitu merujuk kepada seseorang yang mempunyai kemahuan atau kehendak untuk melakukan sesuatu perkara. Namun penggunaannya bertujuan menunjukkan kesopanan, iaitu dalam bahasa Inggerisnya ialah *would like*. Kemahuan atau kehendak yang ditunjukkan tersebut tidaklah seperti maksud yang didukung oleh kata kerja *wollen* yang mempunyai kemahuan yang lebih tinggi. Sama seperti *wollen*, kata kerja ini boleh berfungsi sebagai kata kerja biasa dan juga kata kerja modal. Makna yang dibawa oleh kata kerja ini didapati bersinonim sama ada apabila digunakan sebagai kata kerja biasa seperti contoh ayat (e) atau semasa digunakan sebagai kata kerja modal seperti contoh ayat (f). Kedua-dua ayat ini menunjukkan kemahuan atau kehendak.

e.	<i>Ich <u>möchte</u> bitte ein Kilo Tomaten.</i> (CB)					
	<i>Ich</i>	<u><i>möchte</i></u> (<i>subjunctive</i>)	<i>bitte</i>	<i>ein</i>	<i>Kilo</i>	<i>Tomaten.</i>
	Saya	mahu	minta	satu	kilo	tomato.
	Saya hendak sekilo tomato.					

f.	<i>Möchten Sie eine Reise nach Deutschland buchen?</i> (CK)						
	<i>Möchten</i>	<i>Sie</i>	<i>eine</i>	<i>Reise</i>	<i>nach</i>	<i>Deutschland</i>	<i>buchen?</i>
	Mahu	anda	satu	perjalanan	ke	Jerman	tempah?
	Adakah anda mahu menempah (satu) perjalanan/lawatan ke Jerman?						

Wünschen juga mendukung makna yang hampir sama, iaitu mahu, hendak, ingin atau berhasrat untuk memiliki sesuatu yang diinginkan atau yang diidamkan menjadi kenyataan sama ada untuk diri sendiri atau orang lain. Biasanya sesuatu keinginan atau hasrat itu diberitahu kepada seseorang supaya dengan cara itu seseorang itu boleh mendapatkannya. *Wünschen* ialah kata terbitan bagi kata *Wunsch*. *Wunsch* tergolong dalam golongan kata nama yang bermaksud keinginan, kehendak, kemahuan, hasrat. Kedua-dua kata ini berasal daripada bahasa Jerman Tingg Lama.

g.	<i>Er wünschte sich ein Rad zum Geburtstag.</i> (CK)						
	<i>Er</i>	<i>wünschte</i> (<i>pt</i>)	<i>sich</i> (<i>refl</i>)	<i>ein</i>	<i>Rad</i>	<i>zum</i>	<i>Geburtstag.</i>
	Dia (L)	telah berhasrat	dirinya (sendiri)	satu	basikal	untuk	hari jadi.
	Dia (telah) berhasratkan sebuah basikal untuk dirinya sempena hari jadinya.						

h.	<i>Was wünschst du dir? Ich wünsche, du wärest hier.</i> (CK)						
	<i>Was</i>	<i>wünschst</i>	<i>du</i>	<i>dir?</i> (<i>pers pron, dat</i>)	<i>Ich</i>	<i>wünschte,</i> (<i>Konjunktiv II</i>)	<i>du</i>
	Apa	ingin	awak	awak?	Saya	ingin,	awak
	<i>wärest</i> (<i>aux</i>)	<i>hier.</i>					
		di sini.					
	Apakah yang awak inginkan/mahukan? Saya ingin/mahu awak berada di sini.						

Persamaannya ialah ketiga-tiga kata sinonim ini, iaitu *wollen*, *wünschen* dan *möchten* boleh digunakan oleh penjual di sesebuah kedai atau pelayan di sesebuah restoran semasa berkomunikasi dengan pelanggan, iaitu semasa menanyakan kehendak,

kemahuan atau keinginan pelanggan. Hal ini demikian kerana semua kata kerja ini menjadi bentuk sopan. Berikut ialah contoh ayat tanya tersebut.

i.	<i>Willst du...?, Wollen Sie...? (Would you like to...?) (CK)</i>			
	<u>Willst</u>	<i>du...?,</i>	<u>Wollen</u>	<i>Sie...?</i>
	Mahu	awak...?,	Mahu	anda...?
	Mahukah awak...?, Mahukah anda...?			

j.	<i>Ja, bitte? Was wünschen Sie? (Yes, what would you like?) (CK)</i>				
	<i>Ja,</i>	<i>bitte?</i>	<i>Was</i>	<u>wünschen</u>	<i>Sie?</i>
	Ya,	silakan.	Apakah	ingin	anda?
	Ya, silakan. Apakah yang anda mahu/inginkan?				

k.	<i>Was möchten Sie essen/trinken? (What would you like to eat/drink?) (CB)</i>			
	<i>Was</i>	<u>möchten</u>	<i>Sie</i>	<i>essen/trinken?</i>
	Apa	mahu	anda	makan/minum?
	Apakah yang anda mahu makan/minum?			

Kata *begehren* juga bersinonim dengan semua kata kerja yang dibincangkan di atas. *Begehren* bermaksud menginginkan, mendambakan, berhasrat dan berahi yang kuat terhadap seseorang. Asalnya kata kerja ini digunakan untuk membawa maksud seseorang yang ingin atau berhasrat untuk memperisterikan seorang wanita. Kata kerja ini adalah terbitan bagi kata adjektif *begehrend* dan *verlangend* yang digunakan pada zaman bahasa Jerman Tinggi Lama dan bahasa Jerman Tinggi Pertengahan. Contoh ayat:

1.	<i>Sie <u>begehrt</u> ihn seit ihrer ersten Begegnung. (CK)</i>				
	<i>Sie</i>	<i><u>begehrt</u></i>	<i>ihn</i> (<i>pers pron, acc</i>)	<i>seit</i>	<i>ihrer</i> (<i>poss</i>)
	Dia (P)	menaruh rasa cinta atau berahi	dia (L)	sejak	mereka
	<i>ersten</i>	<i>Begegnung.</i>			
	pertama	pertemuan.			
	Dia menaruh rasa cinta atau berahi terhadap dia (lelaki itu) sejak pertemuan pertama mereka.				

Namun begitu, kata kerja ini juga digunakan untuk merujuk kepada perasaan seseorang yang menginginkan, berhasrat, berhajat dan mengidam yang sangat kuat terhadap sesuatu dan ingin memilikinya. Namun kata kerja ini digunakan dalam gaya penulisan yang berbentuk formal. Contoh ayat:

m.	<i>Sie <u>begehrt</u> Schmuck und Edelsteine. (CK)</i>				
	<i>Sie</i>	<i><u>begehrt</u></i>	<i>Schmuck</i>	<i>und</i>	<i>Edelsteine.</i>
	Dia (P)	berhasrat untuk memiliki	barang kemas	dan	batu permata.
	Dia berhasrat untuk memiliki barang kemas dan batu permata.				

4.2.4 Kata Kerja *sagen*

Sagen merupakan kata bahasa Jerman lama. Kata kerja ini dieja dengan cara yang berlainan pada zaman bahasa Jerman Tinggi Lama, iaitu *sagēn* dan kemudian *sagen* pada zaman bahasa Jerman Tinggi Pertengahan sehinggalah sekarang. Kata kerja ini secara umumnya, merujuk perbuatan untuk mengatakan, memberitahu atau mengucapkan sesuatu kepada seseorang dengan menggunakan kata-kata atau ayat-ayat. Kata-kata dan ayat-ayat yang diucapkan atau dilafazkan tersebut mengandungi suatu makna tertentu yang ingin disampaikan. Cara atau keadaan perbuatan tersebut dilakukan sama ada secara *freundlich* (baik, mesra), *frech* (biadap, kurang sopan), *hastig* (terburu-buru), *schüchtern* (malu-malu), *zögern* (teragak-agak) dan dengan menggunakan nada

suara yang kuat atau perlahan. Kata-kata atau ayat-ayat tersebut adalah seperti *bitte* (silakan), *danke* (terima kasih), *ja* (ya), *nein* (tidak), *Guten Morgen* (selamat pagi) dan *Auf Wiedersehen* (selamat tinggal, jumpa lagi). Kata-kata dan ayat-ayat yang diucapkan atau dilafazkan tersebut adalah untuk bahasa tertentu atau bahasa asing. Beberapa ayat yang menggunakan kata kerja *sagen* ialah:

a.	<i>Was hast du gerade <u>gesagt</u>? (CB)</i>				
	<i>Was</i>	<i>hast</i> (aux)	<i>du</i>	<i>gerade</i>	<i>gesagt?</i> <i>hast (aux) + gesagt (Partizip II) =</i> <i>Perfect Tense</i>
	Apa		awak	baru tadi	telah berkata?
	Apakah yang awak baru (telah) katakan tadi?				

b.	<i><u>Sag</u>, dass das nicht wahr ist! (CK)</i>					
	<i><u>Sag</u>,</i>	<i>dass</i>	<i>das</i> (art)	<i>nicht</i>	<i>wahr</i>	<i>ist!</i> (aux)
	Kata,	itu		tidak	betul	
	Katakan, itu adalah tidak betul!					

Sagen mempunyai beberapa kata sinonim, iaitu *erklären*, *erzählen* dan *informieren*. *Erklären* yang merupakan kata kerja bahasa Jerman yang merujuk kepada tindakan seseorang yang menerangkan, menjelaskan atau menghuraikan kepada seseorang tentang sesuatu isu, situasi atau fakta yang tidak difahami supaya lebih jelas dan dapat difahami seperti menerangkan bagaimana sesebuah iPad berfungsi. Kata kerja *erklären* juga digunakan untuk menerangkan sebab atau alasan kepada sesuatu perkara seperti alasan kepada kelewatan. Selain itu, kata kerja ini juga digunakan semasa menerangkan atau menjelaskan sesuatu secara rasmi. Contohnya apabila seorang perdana menteri menerangkan tentang peletakan jawatan atau apabila seseorang menerangkan sejarah peperangan. Berikut ialah beberapa contoh ayat yang menggunakan kata kerja *erklären*.

c.	<i>Er erklärte mir ausführlich wie ein iPad funktioniert. (CK)</i>				
	<i>Er</i>	<i>erklärte</i> (pt)	<i>mir</i> (pers pron, dat)	<i>ausführlich</i>	<i>wie</i>
	Dia (L)	telah menerangkan	saya	secara terperinci	bagaimana
	<i>ein</i>	<i>i-Pad</i>	<i>funktioniert.</i>		
	satu	i-Pad	berfungsi.		
	Dia telah menerangkan kepada saya secara terperinci bagaimana sesebuah iPad berfungsi.				

Berbeza sedikit maknanya dengan *erzählen*. *Erzählen* digunakan untuk memberitahu atau menceritakan sesuatu kepada seseorang, iaitu tentang pengalaman, kisah, riwayat, peristiwa, cerita atau jenaka. Kata kerja ini berasal daripada kata kerja *zählen* yang merupakan kata bahasa Jerman lama. Maksudnya ialah mengira (*aufzählen*), mengira sampai akhir (*zu Ende zählen*) dan melaporkan, memberitahu (*berichten*). Pada zaman *Mittelhochdeutsch*, kata kerja *zählen* dieja sebagai *zel[le]n*. Pada zaman tersebut kata *zel[le]n* dan *erzel[le]n* bukan sahaja digunakan untuk membawa maksud *aufzählen* tetapi juga untuk maksud *berichten* dan *mündlich mitteilen* (memberitahu/memaklumkan dengan lisan). Selain dari kata kerja, *erzählen* juga wujud sebagai kata nama, iaitu *Erzähler* (pencerita) dan *Erzählung* (cerita, riwayat, kisah). Beberapa contoh ayat yang menggunakan kata kerja *erzählen* ialah:

d.	<i>Sie hat den Kindern ein Märchen erzählt. (CK)</i>					
	<i>Sie</i>	<i>hat</i> (aux)	<i>den</i> (art)	<i>Kindern</i>	<i>ein</i>	<i>Märchen</i>
	Dia (P)			kanak-kanak	satu	cerita dongeng
	<i>erzählt.</i> <i>hat (aux) + erzählt (Partizip II) = Perfect Tense</i>					
	telah mencerita.					
	Dia telah menceritakan kepada kanak-kanak itu sebuah cerita dongeng.					

e.	<i>Erzähl mal, wie der Unfall passiert ist? (CK)</i>					
	<i>Erzähl mal,</i>	<i>wie</i>	<i>der</i> (art)	<i>Unfall</i>	<i>passiert</i> <i>ist (aux) + passiert</i> (Partizip II) = <i>Perfect Tense</i>	<i>ist.</i> (aux)
	Beritahu,	bagaimana		kemalangan	telah berlaku	
	Beritahulah, bagaimana kemalangan tersebut (telah) berlaku?					

Maksud kata kerja *informieren* pula adalah memberitahu atau memaklumkan sesuatu informasi atau maklumat kepada seseorang seperti mengenai sesuatu harga barang, diri-sendiri dan fungsi sesuatu barang/benda. *Informierte* ialah bentuk kala lampau manakala *informiert* pula ialah bentuk kala lampau *Perfekt* kepada *informieren*. Beberapa perkataan lain yang berkaitan dengan *informieren* adalah seperti *Information*, iaitu kata nama dan *informativ* yang tergolong dalam kata sifat juga telah dipinjam daripada bahasa Latin pada abad ke-16 dan ke-19. Beberapa contoh ayat yang menggunakan kata kerja *informieren* ialah:

f.	<i>Wir <u>informieren</u> Sie über Deutschland. (CM)</i>				
	<i>Wir</i>	<i><u>informieren</u></i>	<i>Sie</i>	<i>über</i>	<i>Deutschland.</i>
	Kami	memaklumkan	anda	tentang	negara Jerman.
	Kami memaklumkan kepada anda tentang negara Jerman.				

g.	<i>Aber bitte <u>informieren</u> Sie vorher Ihre Nachbarn. (CM)</i>						
	<i>Aber</i>	<i>bitte</i>	<i><u>informieren</u></i>	<i>Sie</i>	<i>vorher</i>	<i>Ihre</i> (poss)	<i>Nachbarn.</i>
	Tetapi	tolong	beritahu	anda	sebelum	anda	jiran.
	Tetapi tolong maklumkan/beritahu kepada jiran anda terlebih dahulu.						

4.2.5 Kata Kerja *geben*

Geben ialah kata kerja bahasa Jerman yang mendukung erti memberi, menunjukkan, menghulurkan, iaitu tindakan meletakkan sesuatu ke dalam tangan seseorang atau kedudukan dan keadaan sesuatu yang berhampiran yang membolehkan seseorang itu dapat mengambilnya. Kata kerja ini mendukung maksud secara umum dan sesuatu yang diberi tersebut boleh sama ada konkrit ataupun abstrak. Sesuatu yang diberi tersebut adalah kepunyaan sendiri ataupun sebaliknya. Pemberiannya mempunyai tujuan tertentu seperti kerana keperluan, sebagai hadiah, sedekah, memberi wang sebagai bayaran dan sebagainya. Selain itu, kata kerja *geben* juga digunakan untuk maksud memberi anak perempuan kepada seorang lelaki untuk dikahwinkan dan memberikan perasaan cinta dan sayang kepada seseorang. Contohnya *Jemandem seine Tochter zur Frau geben* (Seseorang memberikan anak perempuannya kepada seseorang untuk dikahwinkan.) dan *Jemandem Liebe geben* (Seseorang memberikan perasaan cinta dan sayang kepada seseorang.). Berikut ialah contoh ayat bagi kata kerja *geben*.

a.	<i>Du solltest mir noch eine Chance/etwas Zeit <u>geben</u>. (CK)</i>							
	<i>Du</i>	<i>solltest</i>	<i>mir</i> (<i>pers pron, dat</i>)	<i>noch</i>	<i>eine</i>	<i>Chance/</i>	<i>etwas Zeit</i>	<i><u>geben</u></i> .
	Awak	patut	saya	masih	satu	peluang/	sedikit masa	beri.
	Awak sepatutnya berikan saya satu peluang/sedikit masa lagi.							

b.	<i>Er <u>gab</u> ihr 2 Euro als Trinkgeld. (CK)</i>					
	<i>Er</i>	<i><u>gab</u></i> (<i>pt</i>)	<i>ihr</i> (<i>pers pron, dat</i>)	<i>2 Euro</i>	<i>als</i>	<i>Trinkgeld.</i>
	Dia (L)	telah beri	dia (P)	2 Euro	sebagai	tip.
	Dia telah memberikan dia (wanita/gadis itu) sebanyak Euro 2 sebagai tip.					

Geben bersinonim dengan beberapa kata kerja yang lain seperti *reichen*, *hergeben* dan frasa kerja *in die Hand drücken*. *Reichen* mendukung makna yang hampir

sama dengan *geben*, yaitu memberi, menghulur. Objek yang diberi atau dihulur biasanya ialah benda-benda. Namun kata kerja ini berfungsi dalam bahasa penulisan yang resmi atau formal. Kata kerja *reichen* ini adalah salah satu kata kerja yang berasal dari *westgermanisch* (Germanik Barat) yang juga digunakan dalam bahasa-bahasa lain di bawah rumpun bahasa Germanik, yaitu dalam bahasa Inggris sebagai *to reach* dan bahasa Belanda sebagai *reiken*.

c.	<i>Können Sie mir bitte die Butter <u>reichen</u>? (CK)</i>						
	<i>Können</i>	<i>Sie</i>	<i>mir</i> (<i>pers pron, dat</i>)	<i>bitte</i>	<i>die</i> (<i>art</i>)	<i>Butter</i>	<i><u>reichen</u>?</i>
	Boleh	anda	saya	tolong		mentega	beri/hulur?
	Bolehkah anda tolong hulurkan mentega itu kepada saya?						

d.	<i><u>Reichen</u> Sie mir bitte das Brot. (CK)</i>					
	<i><u>Reichen</u></i>	<i>Sie</i>	<i>mir</i> (<i>pers pron, dat</i>)	<i>bitte</i>	<i>das</i> (<i>art</i>)	<i>Brot.</i>
	Beri/hulur	anda	saya	tolong		roti.
	Anda tolong berikan/hulurkan saya roti itu.					

Hergeben merujuk kepada perbuatan menyerahkan sesuatu kepada seseorang dan memberi pinjam atau meminjamkan sesuatu yang menjadi hak milik sendiri kepada seseorang untuk suatu tindakan atau kegunaan dalam tempoh masa tertentu. Hal ini termasuklah memberi pinjam nama sendiri kepada seseorang untuk tujuan tertentu. *Hergeben* tergolong di bawah kata kerja *trennbar*. Apabila digunakan dalam ayat, kata kerja jenis ini akan dipisahkan antara *her* dan *geben* kecuali jika kata kerja ini digunakan bersama kata kerja modal seperti dalam contoh ayat (e). *Musste* dalam ayat tersebut ialah jenis kata kerja modal. Contohnya ialah:

e.	<i>Er musste die gestohlenen Sachen wieder <u>hergeben</u>.</i> (CK)					
	<i>Er</i>	<i>musste</i> (pt)	<i>die</i> (art)	<i>gestohlenen</i>	<i>Sachen</i> (pl)	<i>wieder</i>
	Dia (L)	telah mesti		yang telah dicuri	barang-barang	semula
	<i><u>hergeben</u>.</i>					
	beri/serah.					
	Dia mesti menyerahkan semula barang-barang curian itu.					

In die Hand drücken ialah frasa kerja yang juga bersinonim dengan kata kerja *geben*. Maksud frasa ini ialah memberi sesuatu dengan meletakkannya ke dalam tangan seseorang. Contoh ayat:

f.	<i>Sie <u>drückte</u> ihm einen Geldschein <u>in die Hand</u>.</i> (CK)					
	<i>Sie</i>	<i><u>drückte</u></i> (pt)	<i>ihm</i> (pers pron, dat)	<i>einen</i>	<i>Geldschein</i>	<i><u>in die Hand</u>.</i>
	Dia (P)	telah beri	dia (L)	satu	duit kertas	dalam tangan.
	Dia telah memberikan (meletakkan) sekeping duit kertas dalam tangannya.					

4.2.6 Kata Kerja *müssen*

Müssen merupakan kata kerja bahasa Jerman yang mempunyai fungsi yang sama sebagaimana kata kerja *können*, *sollen* dan *wollen* yang dihuraikan di atas. Di samping berfungsi sebagai *Modalverb*, kata kerja *müssen* ini juga boleh berfungsi sebagai kata kerja biasa. Makna yang dibawa oleh kedua-duanya juga adalah hampir sama. Salah satu maksud yang didukung oleh kata kerja *müssen* ialah mesti, iaitu dalam konteks mesti pergi ke sesuatu tempat sama ada berjalan atau menaiki kenderaan. Contoh ayat:

a.	<i>Ich <u>muss</u> zur Arbeit.</i> (CK)			
	<i>Ich</i>	<i><u>muss</u></i>	<i>zur</i>	<i>Arbeit.</i>
	Saya	mesti	ke	kerja.
	Saya mesti pergi bekerja.			

Semasa *müssen* berfungsi sebagai kata kerja biasa seperti dalam contoh ayat (a)₂ kata kerja lain tidak hadir namun apabila kata kerja ini berfungsi sebagai kata kerja modal adalah sebaliknya. Walau bagaimanapun, kedua-duanya bersinonim. Sebagai kata kerja modal, *müssen* digunakan oleh seseorang penutur untuk menyatakan bahawa dia memerlukan sesuatu atau untuk menyatakan bahawa sesuatu itu adalah perlu. Contoh ayat yang menggunakan kata kerja *müssen* sebagai kata kerja modal ialah:

b.	<i>Ich <u>muss</u> abnehmen!</i> (CK)		
	<i>Ich</i>	<i><u>muss</u></i>	<i>abnehmen!</i>
	Saya	mesti	kurangkan berat badan!
	Saya mesti kurangkan berat badan!		

c.	<i>Er <u>muss</u> um 11 Uhr gehen, sonst verpasst er seinen Zug.</i> (CK)						
	<i>Er</i>	<i><u>muss</u></i>	<i>um 11 Uhr</i>	<i>gehen,</i>	<i>sonst</i>	<i>verpasst</i>	<i>er</i>
	Dia (L)	mesti	pada pukul 11	pergi,	jika tidak	tertinggal	dia (L)
	<i>seinen</i> (<i>poss</i>)	<i>Zug.</i>					
	-nya	kereta api.					
	Dia mesti pergi pada pukul 11, jika tidak dia akan tertinggal kereta apinya.						

Obliegen adalah salah satu kata kerja yang bersinonim dengan kata kerja *müssen*. *Obliegen* bererti mempertanggungjawabkan, iaitu memberi tanggungjawab kepada seseorang terhadap sesuatu atau dengan kata lain sesuatu itu adalah tugas, kerja, tanggungjawab atau kewajipan seseorang. Dari segi penggunaannya, kata kerja ini

digunakan dalam gaya bahasa penulisan. *Obliegen* berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Lama, *oba ligan*. Contoh ayat ialah:

d.	<i>Die Entscheidung <u>obliegt</u> der Behörde.</i> (CK)				
	<i>Die</i> (art)	<i>Entscheidung</i>	<i><u>obliegt</u></i>	<i>der</i> (art)	<i>Behörde.</i>
		keputusan	mewajibkan		agensi kerajaan.
	Keputusan itu mempertanggungjawabkan/dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan.				

Selain *obliegen*, *gehalten sein* juga merupakan kata sinonim kepada *müssen*. *Gehalten sein* bermaksud memaksa/mewajibkan seseorang melakukan sesuatu, iaitu merujuk kepada arahan. *Gehalten sein* mempunyai persamaan gaya bahasanya dengan *obliegen*, iaitu digunakan untuk gaya bahasa formal. Contoh ayat:

e.	<i>Die Schüler <u>sind gehalten</u>, mit Füllhalter zu schreiben.</i> (CK)				
	<i>Die</i> (art)	<i>Schüler</i> (pl)	<i><u>sind</u></i> (aux)	<i><u>gehalten</u>,</i> (Present Tense)	<i>mit</i>
		pelajar-pelajar		dipaksa/dikehendaki	dengan
	<i>Füllhalter</i>	<i>zu</i>	<i>schreiben.</i>		
	pen	untuk	menulis.		
	Pelajar-pelajar dipaksa/dikehendaki menulis dengan menggunakan pen.				

Kata kerja seterusnya yang bersinonim dengan kata kerja *müssen* ialah *verpflichten*. Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, *verpflichten* merupakan kata kerja yang merujuk perkara yang menyebabkan seseorang itu mempunyai kewajipan atau tanggungjawab supaya melakukan sesuatu. Asal kata kerja ini adalah daripada bahasa Jerman Tinggi Pertengahan dengan ejaannya *verpflichten*. Contoh ayat yang menggunakan kata kerja *verpflichten* ialah:

f.	<i>Die Installation des Programms auf dem Computer verpflichtet Sie zur Lizenzierung.</i> (CK)				
	<i>Die (art)</i>	<i>Installation</i>	<i>des (art)</i>	<i>Programms</i>	<i>auf</i>
		pemasangan		program	dalam
	<i>dem (art)</i>	<i>Computer</i>	<i>verpflichtet</i>	<i>Sie</i>	<i>zur Lizenzierung.</i>
		komputer	mewajibkan	anda	mengeluarkan lesen.
	Pemasangan program dalam komputer mewajibkan anda mengeluarkan lesen.				

4.2.7 Kata Kerja *gehen*

Kata kerja *gehen* dalam bahasa Jerman membawa maksud berjalan (kaki), iaitu bergerak dengan menggunakan kaki dengan badan yang tegak di atas kaki, bukan dengan menggunakan kenderaan seperti maksud yang didukung oleh kata kerja *fahren*. Kata kerja ini digunakan oleh manusia dan binatang. Berjalan sama ada dengan langkah yang perlahan atau laju. Kebiasaan berjalan dalam keadaan badan yang tegak tetapi boleh juga dengan keadaan badan yang bongkok termasuklah berjalan berjengket-jengket atau dengan menggunakan tongkat. Arah berjalan sama ada terus, ke belakang, ke depan, ke atas, ke bawah dan sebagainya.

a.	<i>Ich gehe, ich fahre nicht mit dem Auto.</i> (CK)					
	<i>Ich</i>	<i>gehe,</i>	<i>ich</i>	<i>fahre</i>	<i>nicht</i>	<i>mit</i>
	Saya	berjalan kaki,	saya	menaiki (kenderaan)	tidak	dengan
	<i>dem (art)</i>	<i>Auto.</i>				
		kereta.				
	Saya berjalan kaki, saya tidak menaiki kereta.					

b.	<i>Er geht auf dem Flur auf und ab.</i> (CK)					
	<i>Er</i>	<i>geht</i>	<i>auf</i>	<i>dem</i> (art)	<i>Flur</i>	<i>auf und ab.</i>
	Dia (L)	berjalan	di atas		koridor	ke hadapan dan ke belakang.
	Dia berjalan mundur-mandir/ke hadapan dan ke belakang di koridor.					

Kata kerja ini mempunyai makna yang hampir sama dengan beberapa kata kerja lain seperti *spazieren*, *laufen* dan *stolzieren*. *Spazieren* juga bermaksud berjalan dengan langkah yang perlahan tanpa tujuan atau matlamat tertentu. Misalnya berjalan-jalan di taman, hutan, di jalan-jalan atau tempat tertentu dengan tujuan bersuka-sukaan atau untuk menghiburkan hati. Dengan kata lain bersiar-siar atau berjalan-jalan pada masa lapang atau sebagai aktiviti rekreasi. *Spazieren* juga wujud dalam bentuk *separable verb*, iaitu *spazieren gehen* (pergi berjalan-jalan/bersiar-siar), *spazieren fahren* (pergi bersiar-siar dengan kenderaan) dan *spazieren führen* (pergi berjalan-jalan/bersiar-siar dengan binatang kesayangan).

c.	<i>Sie spazierten auf der Promenade.</i> (CK)				
	<i>Sie</i>	<i>spazierten</i> (pt)	<i>auf</i>	<i>der</i> (art)	<i>Promenade.</i>
	Dia (P)	telah berjalan-jalan	di		kawasan/tempat berjalan-jalan/bersiar-siar
	Dia telah berjalan-jalan di kawasan/tempat berjalan-jalan/bersiar-siar.				

Selain membawa maksud berlari dan pergi, kata kerja *laufen* juga membawa maksud berjalan yang bersinonim dengan kata kerja *gehen* di atas. Kata kerja *laufen* yang digunakan untuk maksud berjalan dari suatu tempat ke tempat ini terutamanya digunakan dalam percakapan harian. Berjalan boleh dalam berbagai-bagai keadaan seperti berjalan mundur-mandir, ke hadapan ke belakang dan sebagainya. Di Selatan Jerman, kata kerja *laufen* seringkali digunakan untuk maksud berjalan. Berikut ialah dua contoh ayat yang menggunakan kata kerja *laufen*.

d.	<i>Unser Kind hat schon sehr früh <u>laufen</u> gelernt.</i> (CK)							
	<i>Unser</i> (poss)	<i>Kind</i>	<i>hat</i> (aux)	<i>schon</i>	<i>sehr</i>	<i>früh</i>	<i><u>laufen</u></i>	<i>gelernt.</i> <i>hat (aux) + gelernt</i> (Partizip II) = <i>Perfect Tense</i>
	Kita	anak		sudah	sangat	awal	berjalan	sudah belajar.
	Anak kita sudah sangat awal belajar berjalan.							

e.	<i>Fahren wir mit dem Bus oder wollen wir <u>laufen</u>?</i> (CK)								
	<i>Fahren</i>	<i>wir</i>	<i>mit</i>	<i>dem</i> (art)	<i>Bus</i>	<i>oder</i>	<i>wollen</i>	<i>wir</i>	<i><u>laufen</u>?</i>
	Menaiki	kita	dengan		bas	atau	mahu	kita	berjalan?
	(Adakah) Kita pergi dengan menaiki bas atau kita mahu berjalan kaki?								

Stolzieren pula merujuk keadaan seseorang yang berjalan dengan langkah yang diatur perlahan, keadaan badan yang kaku, mendada dan sambil kepala diangkat serta dengan perasaan angkuh dan sombong. *Stolzieren* berasal daripada *stolzen* dalam *Mittelhochdeutsch* (bahasa Jerman Tinggi Pertengahan) yang bermaksud *stolz sein oder gehen* (angkuh/sombong atau berjalan). Namun, sejak abad ke-18 hingga kini *stolzen* tidak digunakan lagi. Contoh ayat yang menggunakan kata kerja *stolzieren* ialah:

f.	<i>Sie <u>stolziert</u> im neuen Kleid durch das Zimmer.</i> (CB)						
	<i>Sie</i>	<i><u>stolziert</u></i>	<i>im</i>	<i>neuen</i>	<i>Kleid</i>	<i>durch</i>	<i>das</i> (art)
	Dia (P)	berjalan mendada	dalam	baharu	gaun	melalui	
	<i>Zimmer.</i>						
	bilik.						
	Dia berjalan mendada (dengan perasaan angkuh) dengan memakai gaun baharu melalui bilik.						

g.	<i>Er stolzierte durch den Saal.</i> (CK)				
	<i>Er</i>	<i>stolzierte</i> (<i>pt</i>)	<i>durch</i>	<i>den</i> (<i>art</i>)	<i>Saal.</i>
	Dia (L)	telah berjalan mendada	melalui		dewan.
	Dia telah berjalan mendada (dengan perasaan angkuh) melalui dewan.				

4.2.8 Kata Kerja *machen*

Machen ialah kata kerja umum yang membawa maksud membuat, menjadikan sesuatu bahan/benda kepada bahan/benda lain melalui beberapa proses tertentu seperti proses pembentukan, pencampuran, pengukiran, pewarnaan dan sebagainya. *Machen* berasal daripada bahasa Germanik Barat yang digunakan sejak dahulu lagi dalam bahasa Jerman Tinggi Lama dan bahasa Jerman Tinggi Pertengahan sebagai *mahhōn* dan *machen*. Selain dalam bahasa Jerman, kata kerja ini juga digunakan dalam beberapa bahasa lain di bawah rumpun bahasa yang sama, iaitu dalam bahasa Inggeris sebagai *make* dan dalam bahasa Belanda sebagai *maken*. Contoh ayat adalah seperti yang berikut:

a.	<i>Der Schneider hat mir einen neuen Anzug gemacht.</i> (CK)				
	<i>Der</i> (<i>art</i>)	<i>Schneider</i>	<i>hat</i> (<i>aux</i>)	<i>mir</i> (<i>pers pron, dat</i>)	<i>einen</i>
		tukang jahit		saya	satu
	<i>neuen</i>	<i>Anzug</i>	<i>gemacht.</i> <i>hat (aux) + gemacht</i> (<i>Partizip II</i>) = <i>Perfect Tense</i>		
	baharu	sepasang pakaian	telah membuat.		
	Tukang jahit itu telah menjahit sepasang pakaian baharu untuk saya.				

b.	<i>Aus diesen Äpfeln <u>machen</u> wir Saft.</i> (CK)					
	<i>Aus</i>	<i>diesen</i>	<i>Äpfeln</i> (pl)	<i><u>machen</u></i>	<i>wir</i>	<i>Saft.</i>
	Daripada	ini	epal-epal	buat	kita	jus.
	Kita buat jus daripada epal-epal ini.					

Herstellen pula merujuk kepada kerja membuat sesuatu dengan menggunakan tangan atau mengeluarkan sesuatu produk melalui proses pengeluaran di kilang-kilang yang kebanyakannya menggunakan mesin dan teknologi moden. Produk yang dihasilkan berupa barang perdagangan seperti makanan, besi, kereta, mesin, produk kimia dan sebagainya. Namun jumlah pengeluaran yang dihasilkan tidaklah sebesar hasil pengeluaran seperti yang dimaksudkan oleh kata kerja *produzieren* (*mass production*). *Herstellen* berasal daripada kata *stellen* (meletakkan). Oleh sebab itu, pada mulanya kata kerja ini bermaksud *an einen Ort setzen* (meletakkan/menempatkan di satu tempat). Kemudian hasil perkembangan maknanya yang asal, maknanya telah berubah kepada makna yang dibawanya sekarang, iaitu *restaurieren* (membaharui), *reparieren* (membaiki). *Herstellen* sebenarnya adalah hasil pemendekan kata kerja *wiederherstellen*.

c.	<i>In einer Mietwohnung darf man ohne Erlaubnis keine Waren <u>herstellen</u>.</i> (CB)					
	<i>In</i>	<i>einer</i>	<i>Mietwohnung</i>	<i>darf</i>	<i>man</i>	<i>ohne</i>
	Di	satu	pangsapuri yang disewa	dibenarkan	seseorang	tanpa
	<i>Erlaubnis</i>	<i>keine</i>	<i>Waren</i>	<i><u>herstellen.</u></i>		
	kebenaran	tiada	produk	menghasilkan/mengeluarkan.		
	Di sesebuah pangsapuri yang disewa seseorang tidak dibenarkan menghasilkan/mengeluarkan barang-barang/produk tanpa kebenaran.					

d.	<i>Die Tische sind aus Tropenholz <u>hergestellt</u>.</i> (CK)				
	<i>Die</i> (art)	<i>Tische</i> (pl)	<i>sind</i> (aux)	<i>aus</i>	<i>Tropenholz</i>
		meja-meja		daripada	kayu tropika
	<i><u>hergestellt</u>.</i> <i>sind (aux) + hergestellt</i> (Partizip II) = Perfect Tense telah dihasilkan/diperbuat.				
	Meja-meja ini telah dihasilkan/diperbuat daripada kayu tropika.				

Kata kerja yang sesuai untuk merujuk pengeluaran yang dilakukan secara besar-besaran di kilang-kilang atau industri ialah *produzieren*. Istilah ini merupakan istilah yang digunakan dalam bidang ekonomi. Kuantiti hasil pengeluaran adalah lebih besar berbanding hasil pengeluaran yang dimaksudkan oleh kata kerja *herstellen*. Perkataan lain yang berkaitan kata kerja ini adalah seperti *Produzent* (pengilang, pembuat), *Produkt* (produk), *Produktion* (pengeluaran) dan *produktiv* (produktif) yang juga dipinjam daripada bahasa Latin pada abad yang berbeza-beza.

e.	<i>Diese Firma <u>produziert</u> jetzt 100 000 Autos im Jahr.</i> (CK)				
	<i>Diese</i>	<i>Firma</i>	<i><u>produziert</u></i>	<i>jetzt</i>	<i>100 000 Autos (pl)</i>
	Itu	firma/syarikat	mengeluarkan	sekarang	100 000 kereta-kereta
	<i>im</i>	<i>Jahr.</i>			
	dalam	tahun.			
	Sekarang firma/syarikat itu mengeluarkan 100,000 kereta (dalam) setahun.				

f.	<i>Wie viel Müll <u>produzieren</u> die Deutschen pro Jahr?</i> (CB)				
	<i>Wie</i>	<i>viel</i>	<i>Müll</i>	<i><u>produzieren</u></i>	<i>die</i> (art)
	Berapa	banyak	sampah-sarap	dihasilkan	
	<i>Deutschen</i>	<i>pro</i>	<i>Jahr?</i>		
	masyarakat Jerman	setiap/se	tahun?		
	Berapa banyakkah sampah-sarap yang dihasilkan oleh masyarakat Jerman setiap tahun/setahun?				

Kata kerja *schaffen* juga mempunyai maksud yang hampir sama dengan kata kerja yang diterangkan di atas. *Schaffen* maksudnya ialah mencipta, menjadikan atau mewujudkan sesuatu. Kata kerja ini bukan sahaja merujuk kepada apa yang diciptakan oleh manusia tetapi juga digunakan untuk merujuk sesuatu benda atau perkara yang diciptakan atau dijadikan oleh Allah swt. Contohnya Allah swt menciptakan manusia, bumi, langit dan segala isinya. Contoh ayat:

g.	<i>Gott <u>schuf</u> Himmel und Erde, den Menschen.</i> (CK)						
	<i>Gott</i>	<i><u>schuf</u></i> (pt)	<i>Himmel</i>	<i>und</i>	<i>Erde,</i>	<i>den</i> (art)	<i>Menschen.</i>
	Tuhan	telah menciptakan	langit	dan	bumi,		manusia.
	Tuhan (telah) menciptakan langit, bumi dan manusia.						

h.	<i>Er hat mir ein schönes Zuhause <u>geschaffen</u>.</i> (CB)					
	<i>Er</i>	<i>hat</i> (aux)	<i>mir</i> (pers pron, dat)	<i>ein</i>	<i>schönes</i>	<i>Zuhause</i>
	Dia (L)		saya	satu	tercantik	rumah
	<i><u>geschaffen.</u></i> <i>hat (aux) + geschaffen</i> (Partizip II) = Perfect Tense					
	telah mencipta					
	Dia telah menciptakan sebuah rumah yang cantik untuk saya.					

4.2.9 Kata Kerja *lassen*

Salah satu makna yang didukung oleh kata kerja *lassen* ialah membenarkan, membiarkan atau membolehkan sesuatu perkara itu dilakukan oleh seseorang, diri sendiri atau binatang. Contohnya seseorang telah membiarkan anjingnya tidur di atas katil miliknya. Dalam bahasa Inggeris, kata kerja *lassen* ini boleh diterjemahkan sebagai *to let*. Kata kerja yang berantonim dengan maksud *lassen* yang dibincangkan di atas ialah *verbieten*, iaitu melarang. Dari segi etimologinya, kata kerja ini berasal daripada bahasa Germanik yang merupakan kelompok bahasa yang menjadi subrumpun bahasa Indo-Eropah. Berikut ialah beberapa contoh ayat yang menunjukkan penggunaan kata kerja *lassen*.

a.	<i>Er hat seinen Hund im Freien laufen lassen.</i> (CK)				
	<i>Er</i>	<i>hat</i> (aux)	<i>seinen</i> (poss)	<i>Hund</i>	<i>im</i>
	Dia (L)		-nya	anjing	dalam
	<i>Freien</i>	<i>laufen</i>	<i>lassen.</i>		
	kebebasan	berlari	membiarkan/membenarkan.		
	Dia (telah) membiarkan anjingnya berlari dengan bebas.				

b.	<i>Die Mutter lässt die Kinder nicht mit schmutzigen Schuhen ins Haus.</i> (CK)				
	<i>Die</i> (art)	<i>Mutter</i>	<i>lässt</i>	<i>die</i> (art)	<i>Kinder</i>
		ibu/emak	membiarkan/membenarkan		anak-anak
	<i>nicht</i>	<i>mit</i>	<i>schmutzigen</i>	<i>Schuhen</i>	<i>ins</i> <i>Haus.</i>
	tidak	dengan	kotor	kasut	dalam rumah.
	Ibu/emak tidak membiarkan/membenarkan anak-anak memasuki rumah dengan kasut yang kotor.				

Kata kerja *erlauben* bersinonim dengan kata kerja di atas. Kata kerja ini merupakan kata kerja umum yang bermaksud membenarkan, mengizinkan atau

mempersetujui, iaitu merujuk kepada seseorang yang memberi kebebasan, hak, kemungkinan (*possibility*) atau sesuatu yang seseorang itu suka lakukan supaya terus melakukannya atau sesuatu perkara yang tidak menyenangkan dan yang perlu dielakkan supaya berhenti atau tidak melakukannya lagi. Oleh itu, kata kerja ini menjelaskan bahawa seseorang itu mempunyai hak atau kemungkinan tertentu. Selain itu, kata kerja ini juga merujuk kepada seseorang yang membiarkan atau bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh orang lain dengan menurut apa yang diinginkannya. Contoh ayat:

c.	<i>Ihre Eltern erlauben ihr nicht, dass sie bei ihrem Freund übernachtet.</i> (CK)						
	<i>Ihre</i> (<i>poss</i>)	<i>Eltern</i>	<i>erlauben</i>	<i>ihr</i> (<i>pers pron, dat</i>)	<i>nicht,</i>	<i>dass</i>	<i>sie</i>
	-nya	ibu bapa	membenarkan	dia (P)	tidak,	'that'	dia (P)
	<i>bei</i>	<i>ihrem</i> (<i>poss</i>)	<i>Freund</i>	<i>übernachtet.</i>			
	di	-nya	kawan (L)	bermalam.			
	Ibu bapanya tidak membenarkan dia (P) bermalam di rumah kawan lelakinya.						

Kata kerja bersinonim yang berikutnya ialah *gestatten*. Maksud kata kerja ini ialah membenarkan atau menyetujui. Namun kata kerja ini digunakan dalam gaya bahasa penulisan yang formal, iaitu memberi kebenaran melakukan sesuatu perkara secara formal atau digunakan dalam percakapan yang formal. *Gestatten Sie* jika diterjemahkan, maksudnya ialah *may I* yang merupakan bentuk sopan bagi tujuan meminta keizinan atau kebenaran. Walau bagaimanapun, *gestatten* juga digunakan dalam bahasa percakapan harian dalam bentuk refleksif. Tujuannya adalah untuk merujuk kepada kebebasan bagi seseorang melakukan apa sahaja untuk dirinya sendiri. Contohnya seperti dalam ayat (f) di bawah. Beberapa contoh ayat lain yang menggunakan kata kerja *gestatten* ialah:

d.	<i>Der Arzt <u>gestattet</u> ihm einen kurzen Besuch auf der Intensivstation. (CK)</i>				
	<i>Der (art)</i>	<i>Arzt</i>	<i><u>gestattet</u></i>	<i>ihm (pers pron, dat)</i>	<i>einen</i>
		doktor	membenarkan	dia (L)	satu
	<i>kurzen</i>	<i>Besuch</i>	<i>auf</i>	<i>der (art)</i>	<i>Intensivstation.</i>
	pendek/singkat	lawatan	dalam		unit rawatan rapi.
	Doktor membenarkan dia membuat (satu) lawatan singkat dalam unit rawatan rapi.				

e.	<i><u>Gestatten</u> Sie mir eine Erklärung! (CK)</i>				
	<i><u>Gestatten</u></i>	<i>Sie</i>	<i>mir (pers pron, dat)</i>	<i>eine</i>	<i>Erklärung!</i>
	Izinkan/benarkan	anda	saya	satu	penjelasan!
	(Anda) izinkan/benarkan saya (membuat) satu penjelasan!				

f.	<i>Er <u>gestattete</u> sich eine ausgiebige Pause. (CK)</i>					
	<i>Er</i>	<i><u>gestattete</u> (pt)</i>	<i>sich (refl)</i>	<i>eine</i>	<i>ausgiebige</i>	<i>Pause.</i>
	Dia (L)	telah membiarkan	dirinya (sendiri)	satu	baik	rehat.
	Dia (telah) membiarkan dirinya berehat dengan baik.					

Kata kerja seterusnya yang bersinonim dengan kata kerja *lassen* ialah *billigen*. Namun kata kerja ini digunakan dalam bahasa penulisan yang formal. *Billigen* bermaksud bersetuju (dengan), mendapat persetujuan, dipersetujui atau mempersetujui sesuatu perkara yang sedang atau telah dilakukan oleh seseorang atau pihak tertentu. Kata kerja *billigen* ini juga digunakan kerana seseorang itu menganggap bahawa suatu tugas atau pekerjaan itu menjadi tanggungjawab seseorang atau suatu pihak tertentu yang memerlukan persetujuan mereka. Misalnya suatu cadangan, rancangan atau keputusan kerajaan mestilah mendapat persetujuan/kelulusan parlimen. Kata kerja ini berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Pertengahan, iaitu *billichen* yang bermaksud ‘für

angemessen erklären’ (menerangkan yang sesuai). *Billigen* ini hasil terbitan kata *billig* (murah). Berikut ialah contoh ayat yang menggunakan kata kerja *billigen*.

g.	<i>Das Ministerium hat den Vorschlag gebilligt.</i> (CK)					
	<i>Das</i> (art)	<i>Ministerium</i>	<i>hat</i> (aux)	<i>den</i> (art)	<i>Vorschlag</i>	<i>gebilligt.</i> <i>hat (aux) + gebilligt</i> (Partizip II) = <i>Perfect Tense</i>
		kementerian			cadangan	telah setuju.
	Kementerian telah mempersetujui cadangan itu.					

4.2.10 Kata Kerja *stehen*

Stehen ialah perbuatan yang membawa maksud berdiri, iaitu keadaan badan yang berada tegak di atas kaki, tidak duduk atau tidak baring. Kata kerja ini digunakan untuk konteks manusia dan haiwan. Kedudukan berdiri adalah dalam berbagai-bagai keadaan dan tempat seperti berdiri dengan satu kaki, berdiri dalam barisan, berdiri di belakang, di hadapan atau di sebelah seseorang. Perbuatan berdiri di pintu, tingkap dan sebagainya. Berikut ialah dua contoh ayat yang menggunakan kata kerja *stehen*.

a.	<i>Es gab keine Sitzplätze mehr, also mussten wir stehen.</i> (CK)						
	<i>Es gab</i> (pt)	<i>keine</i>	<i>Sitzplätze</i> (pl)	<i>mehr,</i>	<i>also</i>	<i>mussten</i> (pt)	<i>wir</i>
	telah terdapat	tiada	tempat- tempat duduk	lagi,	Oleh itu	telah mesti	kami/kita
	<i>stehen.</i>						
	berdiri.						
Sudah tiada tempat duduk lagi. Oleh itu, kami/kita mesti berdiri.							

b.	<i>Ich kann nicht mehr <u>stehen</u>, meine Füße tun weh!</i> (CK)							
	<i>Ich</i>	<i>kann</i>	<i>nicht</i>	<i>mehr</i>	<i><u>stehen</u></i>	<i>meine</i> (<i>poss</i>)	<i>Füße</i> (<i>pl</i>)	<i>tun weh!</i>
	Saya	boleh	tidak	lagi	berdiri.	saya	kaki	sakit!
	Saya tidak boleh berdiri lagi. Kaki saya sakit!							

Seterusnya terdapat beberapa lagi kata lain yang bersinonim dengan kata kerja *stehen* di atas, iaitu *lehnen*, *auf den Beinen oder Füßen sein* dan *sich aufrecht halten*. *Lehnen* bukan merupakan kata kerja pinjaman daripada bahasa Inggeris *to lean* tetapi asal sebenarnya adalah daripada bahasa Germanik Barat. Kata kerja ini membawa maksud menyandar, iaitu seseorang yang menyandarkan sesuatu benda atau badannya/anggota badannya sendiri secara senget atau condong kepada sesuatu yang stabil atau kukuh supaya sesuatu yang disandarkan itu teguh atau selesa. Selain itu untuk tujuan ini, perbuatan menyandar ini juga adalah untuk mengelak daripada jatuh. Contohnya perbuatan menyandarkan tangga pada dinding atau seseorang yang keletihan menyandarkan badannya pada pintu adalah bagi mengelakkan tangga atau badannya yang keletihan itu jatuh. Bagi manusia, perbuatan menyandar boleh dalam keadaan duduk atau berdiri. Oleh itu, keadaan berdiri sambil menyandar ini adalah bersinonim dengan kata kerja *stehen*. Berikut ialah beberapa contoh ayat:

c.	<i><u>Lehn</u> dich nicht zu weit aus dem Fenster!</i> (CK)							
	<i><u>Lehn</u></i>	<i>dich</i> (<i>refl</i>)	<i>nicht</i>	<i>zu</i>	<i>weit</i>	<i>aus</i>	<i>dem</i> (<i>art</i>)	<i>Fenster!</i>
	Menyandar	awak	tidak	terlalu	jauh	dari		tingkap!
	(Awak) Jangan menyandar terlalu jauh dari tingkap!							

d.	<i>Sie <u>lehnte</u> sich über die Mauer und winkte uns zu.</i> (CK)					
	<i>Sie</i>	<i><u>lehnte</u></i> (pt)	<i>sich</i> (refl)	<i>über</i>	<i>die</i> (art)	<i>Mauer</i>
	Dia (P)	telah bersandar	dirinya (sendiri)	atas		tembok
	<i>und</i>	<i>winkte</i> (pt)	<i>uns</i> (pers pron, dat)	<i>zu.</i>		
	dan	telah melambai	kita/kami	kepada.		
	Dia telah bersandar pada tembok dan melambai-lambaikan kepada kami.					

Auf den Beinen oder Füßen sein ialah frasa kerja yang juga bersinonim dengan kata kerja di atas. Maksud frasa ini ialah *aktiv sein* yang bererti bangun, berjaga atau aktif menjalankan sesuatu aktiviti sama ada secara berdiri, berjalan dan sebagainya. Jika diterjemahkan setiap satu *auf* bermaksud ‘di atas’ dan *Bein* pula ialah ‘leg’ serta *Fuß* ialah ‘foot’. *Bein* ialah anggota bawah badan manusia dan binatang yang digunakan untuk berdiri atau berjalan.

e.	<i>Ich <u>bin</u> heute schon seit fünf Uhr <u>auf den Beinen.</u></i> (CK)							
	<i>Ich</i>	<i><u>bin</u></i> (aux)	<i>heute</i>	<i>schon</i>	<i>seit</i>	<i>fünf</i>	<i>Uhr</i>	<i><u>auf den Beinen.</u></i>
	Saya		hari ini	sudah	sejak	lima	jam/pukul	bangun.
	Hari ini, saya sudah bangun sejak pukul lima pagi.							

Kata seterusnya yang bersinonim dengan kata kerja di atas ialah *sich aufrecht halten*. *Sich aufrecht halten* ialah perbuatan yang mengekalkan posisi badan dalam kedudukan lurus dan tegak, tidak condong, miring atau bongkok seperti duduk atau berdiri tegak. Contoh ayat yang menggunakan frasa kerja ini ialah:

f.	<i>Die Krankenschwester kann <u>sich</u> vor Müdigkeit nicht mehr <u>aufrecht halten.</u> (CK)</i>					
	<i>Die (art)</i>	<i>Krankenschwester</i>	<i>kann</i>	<i><u>sich</u> (refl)</i>	<i>vor</i>	<i>Müdigkeit</i>
		jururawat	boleh	dirinya (sendiri)	dengan	kepenatan
	<i>nicht</i>	<i>mehr</i>	<i><u>aufrecht halten.</u></i>			
	tidak	lagi	duduk/berdiri tegak.			
	Jururawat itu tidak boleh berdiri tegak dalam kepenatan.					

4.2.11 Kata Kerja *kommen*

Kommen ialah kata kerja yang bermaksud umum yang merujuk kepada seseorang atau sesuatu yang datang, sampai, tiba di sesuatu tempat atau lokasi. *Kommen* berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Lama, *koman*, *queman* dan bahasa Jerman Tinggi Pertengahan, *komen*. Kata kerja ini telah mengalami penggabungan dan pengimbuhan yang telah banyak menghasilkan beberapa perkataan baharu seperti *herkommen* (datang), *bekommen* (mendapat, menerima), *nachkommen* (mengikuti) dan sebagainya. Contoh ayat yang menggunakan kata kerja *kommen* adalah seperti yang berikut:

a.	<i>Der nächste Bus <u>kommt</u> in zehn Minuten. (CK)</i>						
	<i>Der (art)</i>	<i>nächste</i>	<i>Bus</i>	<i><u>kommt</u></i>	<i>in</i>	<i>zehn</i>	<i>Minuten. (pl)</i>
		berikutnya	bas	tiba/sampai	dalam	sepuluh	minit
	Bas yang berikutnya akan sampai dalam masa sepuluh minit.						

b.	<i>Sie <u>kommt</u> in der Regel pünktlich. (CK)</i>			
	<i>Sie</i>	<i><u>kommt</u></i>	<i>in der Regel</i>	<i>pünktlich.</i>
	Dia (P)	sampai	selalunya/biasanya	tepat pada waktunya.
	Selalunya/biasanya dia sampai tepat pada waktunya.			

Ankommen adalah antara kata kerja yang bersinonim dengan *kommen*. *Ankommen* bermaksud sampai, tiba, iaitu seseorang yang sampai atau tiba di sesuatu tempat dengan tujuan atau matlamat tertentu dan juga merujuk kepada suatu hadiah atau bungkusan yang sampai atau tiba di sesuatu tempat atau kepada seseorang. Contoh ayat yang menggunakan kata kerja ini ialah:

c.	<i>Bist du gut <u>angekommen</u>? (CK)</i>			
	<i>Bist</i> (aux)	<i>du</i>	<i>gut</i>	<i><u>angekommen</u>?</i> <i>bist (aux) + angekommen (Partizip II)</i> <i>= Perfect Tense</i>
		awak	selamat	telah sampai?
	Adakah awak telah sampai dengan selamat?			

d.	<i>Die Bergsteiger sind am Gipfel <u>angekommen</u>. (CK)</i>					
	<i>Die</i> (art)	<i>Bergsteiger</i> (pl)	<i>sind</i> (aux)	<i>am</i>	<i>Gipfel</i>	<i><u>angekommen</u>.</i> <i>sind (aux) + angekommen</i> <i>(Partizip II) = Perfect Tense</i>
		pendaki- pendaki		di	kemuncak	telah sampai.
	Pendaki-pendaki itu telah sampai di kemuncak/puncak (bukit/gunung).					

Einlangen juga merupakan kata kerja yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan kata kerja yang diuraikan di atas. Makna kata kerja *einlangen* ialah tiba, sampai, datang. Perbezaannya ialah kata kerja ini digunakan di Austria sebagai bahasa standard di sana. Contoh penggunaannya ialah:

e.	<i>Wir konnten gerade noch rechtzeitig <u>einlangen</u> bevor der Zug abfuhr. (CK)</i>				
	<i>Wir</i>	<i>konnten</i> (pt)	<i>gerade noch rechtzeitig</i>	<i><u>einlangen</u></i>	<i>bevor</i>
	Kami	telah boleh	tepat pada masanya	sampai	sebelum
	<i>der</i> (art)	<i><u>Zug</u></i>	<i><u>abfuhr.</u></i> (pt)		
		kereta api	telah bertolak.		
	Kami masih (telah) boleh sampai tepat pada masanya (tidak lewat/lambat) sebelum kereta api bertolak/berlepas.				

Kata kerja seterusnya yang bersinonim dengan kata kerja *kommen* di atas ialah *erscheinen*. Maksud asal *erscheinen* ialah muncul dan menjelma. Namun boleh juga digunakan untuk maksud datang, iaitu merujuk kepada seseorang atau sesuatu yang datang ke suatu tempat yang kedatangannya ditunggu. *Erscheinen* berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Lama, *irscinan* dan bahasa Jerman Tinggi Pertengahan, *erscheinen*. Berikut ialah dua contoh ayat yang menggunakan kata kerja *erscheinen*.

f.	<i>Er ist nicht zum Frühstück <u>erschienen</u>.</i> (CK)					
	<i>Er</i>	<i>ist</i> (aux)	<i>nicht</i>	<i>zum</i>	<i>Frühstück</i>	<i><u>erschienen</u>.</i> <i>ist (aux) + erschienen (Partizip II) = Perfect Tense</i>
	Dia (L)		tidak	pada	sarapan pagi	telah muncul/datang.
	Dia (telah) tidak datang/muncul pada sarapan pagi.					

g.	<i><u>Erscheint</u> bitte pünktlich!</i> (CK)		
	<i><u>Erscheint</u></i>	<i>bitte</i>	<i>pünktlich!</i>
	Datang	tolong	tepat pada waktunya!
	Tolong datang/tiba tepat pada waktunya!		

4.2.12 Kata Kerja *heißen*

Kata kerja *heißen* merujuk nama yang dimiliki oleh seseorang, sesebuah tempat atau sesuatu benda. Nama yang merujuk seseorang terdiri daripada *Vornamen* (*first name*) dan *Nachnamen* (*surname*). Namun terdapat juga sesetengah orang yang mempunyai *Spitznamen* (*nickname*) tertentu. Oleh itu, kata kerja *heißen* ini digunakan untuk menanyakan atau memberitahu nama yang dimiliki atau digunakan tersebut. Dua contoh ayat di bawah menunjukkan penggunaannya.

a.	<i>Guten Tag! Ich <u>heiße</u> Helga Brunner. (CB)</i>			
	<i>Guten Tag!</i>	<i>Ich</i>	<i><u>heiße</u></i>	<i>Helga Brunner.</i>
	Selamat tengah hari!	saya	nama/bernama	Helga Brunner
	Selamat tengah hari! Saya bernama Helga Brunner/nama saya Helga Brunner.			

b.	<i>Weißt du, wie dieser Fluss <u>heißt</u>? (CK)</i>					
	<i>Weißt</i>	<i>du,</i>	<i>wie</i>	<i>dieser</i>	<i>Fluss</i>	<i><u>heißt</u>?</i>
	Tahu	awak,	bagaimanakah	ini	sungai	nama/dinamakan?
	Tahukah awak, apakah nama sungai ini?/sungai ini dinamakan sebagai apa?					

Kata kerja *heißen* bersinonim dengan kata kerja *nennen*. Kata kerja ini merupakan istilah umum yang merujuk perbuatan yang menamakan, memanggil atau menggelarkan diri seseorang atau sesuatu dengan menggunakan nama, panggilan atau gelaran tertentu sama ada *Vornamen (first name)*, *Nachnamen (surname)* atau *Spitznamen (nickname)*. *Spitznamen* merujuk nama singkatan atau nama ringkas seseorang, nama panggilan (nama tidak rasmi), nama timang-timangan atau nama julukan/gelaran tertentu yang diberikan kepada seseorang berdasarkan bentuk fizikal atau perangainya seperti *Dummkopf* (orang bodoh), *Lügner* (penipu) dan sebagainya. Kata kerja *nennen* ini berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Lama *nennen*. Sebagai contoh penggunaan kata kerja *nennen*, beberapa ayat dikemukakan seperti di bawah:

c.	<i>Sie heißt Veronika, aber alle <u>nennen</u> sie Vroni. (CK)</i>						
	<i>Sie</i>	<i>heißt</i>	<i>Veronika,</i>	<i>aber</i>	<i>alle</i>	<i><u>nennen</u></i>	<i>sie</i> <i>(pers pron,</i> <i>acc)</i>
	Dia (P)	bernama	Veronika,	tetapi	semua	memanggil	dia (P)
	<i>Vroni.</i>						
	<i>Vroni.</i>						
	Dia bernama Veronika, tetapi semua orang memanggilnya Vroni.						

d.	<i>Er <u>nennt</u> seinen Hund Schnuffi.</i> (CK)				
	<i>Er</i>	<i><u>nennt</u></i>	<i>seinen</i> (<i>poss</i>)	<i>Hund</i>	<i>Schnuffi.</i>
	Dia (L)	memanggil	-nya	anjing	Schnuffi.
	Dia memanggil anjingnya Schnuffi.				

Selain itu, kata kerja *titulieren* juga bersinonim dengan kata kerja yang diterangkan di atas. Kata kerja ini bermaksud 'to address', iaitu memanggil atau menggelarkan seseorang dengan gelaran atau pangkat tertentu yang dimilikinya. Namun kata kerja *titulieren* ini didapati sudah tidak digunakan lagi. Perkataan yang digunakan sekarang bagi menggantikan kata kerja ini ialah *anreden*. Gelaran atau pangkat tersebut menunjukkan kerjaya, pangkat dan lain-lain yang diperoleh berdasarkan taraf pengajiannya, jawatan, lantikan dan sebagainya. Misalnya memanggil atau menggelarkan diri seseorang sebagai *Herr Professor*, *Herr Doktor*, *du* (awak) dan *Vornamen*. Berikut ialah contoh ayat yang menggunakan kata kerja *anreden*.

e.	<i>Der Angeklagte soll den Kläger als 'Vollidioten' <u>tituliert</u> haben.</i> (CK)					
	<i>Der</i> (<i>art</i>)	<i>Angeklagte</i>	<i>soll</i>	<i>den</i> (<i>art</i>)	<i>Kläger</i>	<i>als</i>
		pembela	patut		pendakwa	sebagai
	<i>'Vollidioten'</i>	<i><u>tituliert</u></i> <i>haben (aux) + tituliert</i> (<i>Partizip II</i>) = <i>Perfect Tense</i>		<i>haben.</i> (<i>aux</i>)		
	orang yang bodoh	telah memanggil				
	Pembela itu sepatutnya (telah) memanggil pendakwa itu sebagai orang yang bodoh.					

f.	<i>Wie darf ich Sie <u>anreden</u>?</i>				
	<i>Wie</i>	<i>darf</i>	<i>ich</i>	<i>Sie</i>	<i><u>anreden</u>?</i>
	Bagaimanakah	membenarkan/membiarkan	saya	anda	memanggil?
	Anda membenarkan saya memanggil anda sebagai apa?/Bagaimanakah saya dibenarkan memanggil anda?				

Kata kerja seterusnya yang bersinonim dengan kata kerja *heißen* di atas ialah *bezeichnen*. *Bezeichnen* bermaksud memanggil, melambang atau menandakan seseorang atau sesuatu sebagai sesuatu atau dengan sesuatu. Seseorang atau sesuatu itu diberikan tanda tertentu seperti nama atau perkataan yang boleh membezakannya untuk mudah dikenali. Tanda tersebut juga boleh membuktikan karakternya. Kata kerja ini berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Lama *bizeichanōn* dan bahasa Jerman Tinggi Pertengahan *bezeichnen* yang bermaksud *Bildlich vorstellen* (membayangkan), *bedeuten* (bermaksud). Berikut ialah dua contoh ayat yang menggunakan kata kerja *bezeichnen*:

g.	<i>Ich <u>bezeichne</u> dieses Verhalten als Frechheit. (CK)</i>					
	<i>Ich</i>	<i><u>bezeichne</u></i>	<i>dieses</i>	<i>Verhalten</i>	<i>als</i>	<i>Frechheit.</i>
	Saya	menandakan/menganggap	ini	kelakuan	sebagai	biadap.
	Saya menandakan/menganggap kelakuan/perbuatan ini sebagai biadap.					

h.	<i>Dieses Wort <u>bezeichnet</u> verschiedene Dinge. (CK)</i>				
	<i>Dieses</i>	<i>Wort</i>	<i><u>bezeichnet</u></i>	<i>verschiedene</i>	<i>Dinge.</i>
	Ini	perkataan	melambangkan/menandakan	berbeza	benda.
	Perkataan ini menandakan benda yang berbeza.				

Secara kesimpulannya, keempat-empat kata kerja di atas adalah bersinonim. Semua kata kerja tersebut digunakan untuk memberitahu atau menanyakan nama seseorang, haiwan atau sesuatu benda.

4.2.13 Kata Kerja *liegen*

Liegen, lagern, ruhen dan *sich aalen* ialah kata kerja yang bersinonim. Maksud asas *liegen* ialah baring, iaitu merebahkan badan dalam kedudukan mendatar atau memanjang seperti di atas katil, kerusi panjang dan sebagainya. Kata kerja ini

bertentangan dengan kata berdiri atau duduk. Berbaring bukan bermaksud lena tetapi cuma merebahkan badan seperti keadaan tidur dengan tujuan berehat-rehat kerana arahan doktor, terjatuh dan sebagainya. Selain untuk manusia dan haiwan, kata kerja *liegen* ini juga boleh digunakan untuk benda atau objek yang diletakkan dalam keadaan berbaring atau mendatar. Contoh ayat:

a.	<i>Er <u>liegt</u> im Bett.</i> (CK)			
	<i>Er</i>	<i><u>liegt</u></i>	<i>im</i>	<i>Bett.</i>
	Dia (L)	berbaring	di atas	katil.
	Dia berbaring di atas katil.			

b.	<i>Der Patient muss <u>liegen</u>.</i> (CK)			
	<i>Der (art)</i>	<i>Patient</i>	<i>muss</i>	<i><u>liegen</u>.</i>
		pesakit	mesti	baring.
	Pesakit itu mesti berbaring.			

c.	<i>Weinflaschen sollen <u>liegen</u>, nicht stehen.</i> (CK)				
	<i>Weinflaschen (pl)</i>	<i>sollen</i>	<i><u>liegen</u>,</i>	<i>nicht</i>	<i>stehen.</i>
	Botol-botol wain	patut	baring/mendatar,	tidak	berdiri.
	Botol-botol wain itu sepatutnya (berada) dalam kedudukan/keadaan berbaring/mendatar bukan (dalam kedudukan/keadaan) berdiri atau menegak.				

Lagern pula bermaksud seseorang meletakkan seseorang atau sesuatu pada posisi atau keadaan tertentu termasuklah dalam keadaan baring. Jika merujuk manusia, baring boleh dengan posisi melintang, meniarap atau mengiring. Seseorang diletakkan pada kedudukan demikian mungkin kerana sakit atau keletihan. *Lagern* terbitan kata nama *Lager* dari kumpulan kata kerja *liegen* di atas manakala asal sebenarnya adalah dari bahasa Germanik. Contoh ayat:

d.	<i>Die Krankenschwester <u>lagert</u> den Patienten auf dem Rücken.</i> (CK)			
	<i>Die</i> (art)	<i>Krankenschwester</i>	<i>lagert</i>	<i>den</i> (art)
		jururawat	meletakkan/membaringkan	
	<i>Patienten</i>	<i>auf</i>	<i>dem</i> (art)	<i>Rücken.</i>
	pesakit	di atas		belakang.
	Jururawat meletakkan pesakit itu dalam keadaan baring/melentang.			

Ruhen dalam bahasa Jerman bererti berehat yang boleh dilakukan dengan cara tidur atau berbaring. Oleh itu, kata kerja ini bersinonim dengan kata kerja *liegen* di atas. Kedudukan atau posisi tidur yang berada dalam keadaan mendatar, iaitu dalam keadaan baring menyebabkan kata kerja ini bersinonim dengan kata kerja *liegen*.

e.	<i>Sie hat eine halbe Stunde <u>geruht</u>.</i> (CK)					
	<i>Sie</i>	<i>hat</i> (aux)	<i>eine</i>	<i>halbe</i>	<i>Stunde</i>	<i>geruht.</i> <i>hat (aux) + geruht (PartizipII)</i> <i>= Perfect Tense</i>
	Dia (P)		satu	setengah	jam	telah berehat.
	Dia telah berehat selama setengah jam.					

Kata kerja seterusnya yang bersinonim dengan kata kerja di atas ialah *sich aalen*. *Aalen* bererti berada dalam keadaan selesa atau bermalasan termasuk berjemur atau berpanas. Kata kerja ini digunakan secara refleksif dengan meletakkan kata *sich* tersebut. Kata kerja ini digunakan sebagai *Umgangsprache*, iaitu sebagai bahasa percakapan harian. Dalam bahasa standardnya ialah *sonnenbaden* 'to sunbathe'. Kata *aalen* ini diterbitkan pada abad ke-19 Masihi daripada kata nama *Aal* (belut) yang merupakan bahasa Germanik. Contoh ayat:

f.	<i>Sie <u>aalt</u> sich seit Stunden in der Sonne.</i> (CK)							
	<i>Sie</i>	<i><u>aalt</u></i>	<i>sich</i> (<i>refl</i>)	<i>seit</i>	<i>Stunden</i>	<i>in</i>	<i>der</i> (<i>art</i>)	
	Dia (P)	berjemur	dirinya (sendiri)	sejak	berjam-jam	di bawah		
	<i>Sonne.</i>							
	matahari.							
	Dia berjemur (sejak) berjam-jam di bawah matahari.							

g.	<i>Hunderte Urlauber <u>aalten</u> sich am Strand.</i> (CK)				
	<i>Hunderte</i>	<i>Urlauber</i> (<i>pl</i>)	<i><u>aalten</u></i> (<i>pt</i>)	<i>sich</i> (<i>refl</i>)	<i>am</i>
	Beratus-ratus	pelancong- pelancong	telah berjemur/berpanas	dirinya (sendiri)	di
	<i>Strand.</i>				
	pantai.				
	Beratus-ratus pelancong telah berjemur/berpanas di tepi pantai.				

4.2.14 Kata Kerja *sehen*

Sehen ialah kata kerja yang memberi maksud umum bagi merujuk perbuatan seseorang yang melihat seseorang atau sesuatu. Melihat ialah nampak apabila memandang, iaitu tidak buta. Mata merupakan satu-satunya alat pancaindera manusia dan binatang yang digunakan untuk melihat. Seseorang itu boleh melihat dengan berbagai-bagai cara atau keadaan seperti dengan terang atau kabur dan sama ada dari jarak dekat atau jauh serta dari suatu tempat tertentu seperti melihat dari tingkap, pintu dan sebagainya. Seseorang itu dapat melihat di mana seseorang atau sesuatu itu berada dan bagaimanakah keadaan mereka. Beberapa contoh ayat yang menggunakan kata kerja *sehen* ialah:

a.	<i>Als er sie <u>sah</u>, ging er auf sie zu und umarmte sie.</i> (CK)				
	<i>Als</i>	<i>er</i>	<i>sie</i> (pers pron, acc)	<i>sah</i> , (pt)	<i>ging</i> (zugehen) (pt)
	Apabila	dia (L)	dia (P)	telah melihat,	telah pergi menuju
	<i>er</i>	<i>auf</i>	<i>sie</i> (pers pron, acc)	<i>zu</i>	<i>und</i>
	dia (L)	ke	dia (P)		dan
	<i>umarmte</i> (pt)	<i>sie.</i> (pers pron, acc)			
	telah memeluk	dia (P).			
	Apabila/sebaik sahaja dia (telah) melihatnya, dia terus pergi menuju menghampirinya/mendekatinya dan memeluknya.				

b.	<i>Im dichten Nebel kann man kaum etwas <u>sehen</u>.</i> (CM)							
	<i>Im</i>	<i>dichten</i>	<i>Nebel</i>	<i>kann</i>	<i>man</i>	<i>kaum</i>	<i>etwas</i>	<i>sehen.</i>
	Dalam	tebal	kabus	boleh	seseorang	susah	sesuatu	melihat.
	Dalam keadaan kabus tebal, seseorang susah untuk melihat sesuatu.							

Erblicken ialah antara kata kerja yang bersinonim dengan kata kerja *sehen* di atas. *Erblicken* bermaksud seseorang secara tiba-tiba ternampak atau dapat melihat seseorang atau sesuatu. Namun begitu, kata kerja ini digunakan dalam gaya penulisan.

Contoh ayat:

c.	<i>Sie <u>erblickte</u> in der Ferne ein Licht.</i> (CK)						
	<i>Sie</i>	<i>erblickte</i> (pt)	<i>in</i>	<i>der</i> (art)	<i>Ferne</i>	<i>ein</i>	<i>Licht.</i>
	Dia (P)	telah ternampak	dalam		jarak	satu	cahaya.
	Pada suatu jarak, dia telah ternampak satu cahaya.						

d.	<i>Er lächelte, als er sie erblickte.</i> (CK)					
	<i>Er</i>	<i>lächelte,</i> (pt)	<i>als</i>	<i>er</i>	<i>sie</i> (pers pron, acc)	<i>erblickte.</i> (pt)
	Dia (L)	telah ketawa	apabila	dia (L)	dia (P)	telah ternampak.
	Dia telah ketawa apabila/sebaik sahaja dia ternampak dia.					

Kata kerja lain yang bersinonim ialah *beobachten*. Kata kerja ini bermaksud memerhati, iaitu tindakan seseorang yang melihat, memandang dengan bersungguh-sungguh dan memerhati seseorang, sesuatu benda atau sesuatu proses dengan teliti dalam tempoh masa tertentu yang bertujuan untuk mengetahui atau mengenal pasti apa yang telah berlaku. Perbuatan ini dilakukan sama ada secara senyap/rahsia, kritikal atau tepat. Dalam bidang sains atau sains perubatan, seseorang doktor atau penyelidik akan memerhati, memeriksa dan menyelidik sesuatu penyakit bertujuan untuk mengetahui penyakit tersebut. Seseorang polis juga akan melakukan penyiasatan dengan memerhati dan mengawasi orang yang disyaki telah melakukan jenayah dan kesalahan lain. Contoh ayat:

e.	<i>Sie beobachtete die Vögel mit dem Fernglas.</i> (CK)						
	<i>Sie</i>	<i>beobachtete</i> (pt)	<i>die</i> (art)	<i>Vögel</i>	<i>mit</i>	<i>dem</i> (art)	<i>Fernglas.</i>
	Dia (P)	telah memerhati		burung-burung	dengan		teropong.
	Dia telah memerhati burung-burung itu dengan (menggunakan) teropong.						

f.	<i>Die Polizei beobachtet einen Tatverdächtigen.</i> (CK)				
	<i>Die</i> (art)	<i>Polizei</i>	<i>beobachtet</i>	<i>einen</i>	<i>Tatverdächtigen.</i>
		polis	memerhati	satu	orang yang disyaki.
	Polis memerhati/mengawasi seorang yang telah disyaki melakukan kesalahan.				

Erkennen pula bermaksud seseorang yang dapat melihat seseorang atau sesuatu dengan sangat jelas. Dia mengetahui dan dapat mengecam siapa atau apa yang terdapat

pada penglihatannya dan bagaimana keadaan orang atau sesuatu itu. Misalnya, seseorang itu dapat melihat sesuatu yang dipegang oleh orang yang ditengok atau dipandangnya. Malah dia juga boleh memaklumkan atau menceritakan kepada orang lain tentang apa yang ada dalam penglihatannya itu. *Erkennen* berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Lama, *irchennan* dan bahasa Jerman Tinggi Pertengahan, *erkennen*.

g.	<i>Ich kann leider nicht <u>erkennen</u>, was auf dem Schild steht.</i> (CK)					
	<i>Ich</i>	<i>kann</i>	<i>leider</i>	<i>nicht</i>	<i><u>erkennen</u>,</i>	<i>was</i>
	Saya	boleh	malang	tidak	melihat dengan jelas	apa
	<i>auf</i>	<i>dem</i> (art)	<i>Schild</i>	<i>steht.</i>		
	di atas		papan tanda	terdapat.		
	Malangnya saya tidak boleh melihat apa yang terdapat di atas papan tanda itu.					

h.	<i>Ich kann den Kirchturm in der Ferne kaum <u>erkennen</u>.</i> (CK)					
	<i>Ich</i>	<i>kann</i>	<i>den</i> (art)	<i>Kirchturm</i>	<i>in</i>	<i>der</i> (art)
	Saya	boleh		menara gereja	dalam	
	<i>Ferne</i>	<i>kaum</i>	<i><u>erkennen</u>.</i>			
	jauh	susah	melihat dengan jelas.			
	Dari jauh, saya susah/tidak boleh melihat dengan jelas menara gereja itu.					

4.2.15 Kata Kerja *bleiben*

Bleiben merupakan kata kerja umum yang bermaksud tinggal atau berada di sesuatu tempat untuk jangka waktu tertentu atau dengan kata lain tidak meninggalkan sesuatu tempat atau kawasan tertentu untuk suatu tempoh masa tertentu. Keadaan ini berlaku kerana seseorang itu diarah supaya melakukan demikian atau kerana keperluan. Contohnya seorang pesakit perlu tinggal di wad hospital buat beberapa waktu yang

ditetapkan oleh doktor bagi mendapatkan rawatan ke atas penyakitnya atau seorang pekerja perlu berada di pejabat selepas waktu pejabat untuk beberapa jam bagi menyiapkan tugasnya. *Bleiben* diterbitkan hasil pengimbuhan kata *liban* yang berasal daripada bahasa Germanik. Berikut ialah beberapa contoh ayat yang menggunakan kata kerja *bleiben*.

a.	<i>Ich wollte eigentlich nur zwei Monate <u>bleiben</u>. (CM)</i>						
	<i>Ich</i>	<i>wollte</i> (<i>pt</i>)	<i>eigentlich</i>	<i>nur</i>	<i>zwei</i>	<i>Monate</i>	<i><u>bleiben</u></i> .
	Saya	telah mahu	sebenarnya	hanya	dua	bulan	tinggal.
	Sebenarnya saya mahu tinggal di sini hanya selama dua bulan.						

b.	<i>Sie ist krank und <u>bleibt</u> heute im Bett. (CK)</i>							
	<i>Sie</i>	<i>ist</i> (<i>aux</i>)	<i>krank</i>	<i>und</i>	<i><u>bleibt</u></i>	<i>heute</i>	<i>im</i>	<i>Bett</i> .
	Dia (P)		sakit	dan	tinggal	hari ini	di atas	katil.
	Dia sakit dan hari ini dia terpaksa berbaring di atas katil.							

Verharren juga mempunyai maksud yang sama dengan *bleiben* tetapi kata kerja ini digunakan dalam bahasa penulisan. Kata kerja ini bermaksud berhenti secara tiba-tiba, sekejap dengan sesuatu pergerakan dengan kedudukan badan yang tertentu dan betul-betul senyap, membatu atau dengan kata lain tidak meneruskan pergerakan atau meninggalkan sesuatu tempat. Contoh ayat yang menggunakan kata kerja *verharren* adalah seperti yang berikut:

c.	<i>Die Katze <u>verharrte</u> bewegunglos vor ihrem Opfer. (CK)</i>			
	<i>Die</i> (art)	<i>Katze</i>	<i><u>verharrte</u></i> (pt)	<i>bewegunglos</i>
		kucing	telah berhenti dan senyap seketika/kaku/membatu	tidak bergerak
	<i>vor</i>	<i>ihrem</i> (poss)	<i>Opfer.</i>	
	di hadapan	mereka	mangsa.	
	Kucing itu telah kaku atau membatu seketika di hadapan mangsanya.			

d.	<i>Als er die Kirche betrat, <u>verharrte</u> er in andächtigem Schweigen. (CK)</i>					
	<i>Als</i>	<i>er</i>	<i>die</i> (art)	<i>Kirche</i>	<i>betrat,</i> (pt)	<i><u>verharrte</u></i> (pt)
	Apabila	Dia (L)		gereja	telah masuk,	telah berhenti
	<i>er</i>	<i>in</i>	<i>andächtigem</i>	<i>Schweigen.</i>		
	dia (L)	dalam	tafakur	diam.		
	Apabila dia (telah) masuk ke gereja, dia (telah) berhenti dalam keadaan senyap bertafakur.					

Selain itu, *weilen* juga mempunyai hubungan sinonim dengan kata kerja yang dibincangkan di atas. *Weilen* bermaksud tinggal di sesuatu tempat atau kawasan dalam jangka masa tertentu dengan tujuan menghabiskan masa lapang atau masa senggang. Namun, kata kerja ini tidak digunakan dalam percakapan harian sebaliknya dalam bidang penulisan dan kesusasteraan sebagaimana yang terdapat dalam contoh (f) yang dipetik daripada puisi milik Heinrich Heine. Kata kerja ini ialah kata kerja terbitan yang berasal daripada kata *Weile* (sekejap, seketika, sebentar) yang merupakan kata daripada bahasa Germanik. Kata kerja *weilen* telah digunakan pada zaman Bahasa Jerman Tinggi Pertengahan, *wilen* dan Bahasa Jerman Tinggi Lama, *wilon*. Contoh ayat:

e.	<i>Der Dichter <u>weilte</u> drei Jahre in Italien. (CK)</i>					
	<i>Der (art)</i>	<i>Dichter</i>	<i><u>weilte</u> (pt)</i>	<i>drei</i>	<i>Jahre</i>	<i>in Italien.</i>
		penyair	telah tinggal	tiga	tahun	di Itali.
	Penyair itu telah tinggal selama 3 tahun di Itali.					

Berikut ialah beberapa baris puisi yang bertajuk *Ich wollte bei dir weilen* gubahan Heinrich Heine yang dipetik dari laman web <http://www.staff.uni-mainz.de/pommeren/Gedichte/BdL/Heimk-55.html>.

*Ich wollte bei dir weilen;
Und an deiner Seite ruhn;
Du musstest von mir eilen;
Du hattest viel zu tun.*

f.	<i>Ich wollte bei dir <u>weilen</u>.</i>				
	<i>Ich</i>	<i>wollte (pt)</i>	<i>bei</i>	<i>dir</i>	<i><u>weilen</u>;</i>
	Saya	telah ingin/mahu	dengan	awak	tinggal;
	Saya ingin/mahu tinggal dengan awak.				

g.	<i>Und an deiner Seite ruhn.</i>				
	<i>Und</i>	<i>an</i>	<i>deiner</i>	<i>Seite</i>	<i>ruhn;</i>
	Dan	di	awak	sebelah	berehat;
	Dan berehat di sebelah awak.				

h.	<i>Du musstest von mir eilen.</i>				
	<i>Du</i>	<i>musstest (pt)</i>	<i>von</i>	<i>mir (pers pron, dat)</i>	<i>eilen;</i>
	Awak	telah mesti	daripada	saya	cepat;
	Awak mesti cepat/bersegera daripada saya.				

i.	<i>Du hattest viel zu tun.</i>				
	<i>Du</i>	<i>hattest</i> (pt)	<i>viel</i>	<i>zu</i>	<i>tun.</i>
	Awak	telah ada	banyak	untuk/hendak	dibuat.
	Awak ada banyak benda/perkara untuk/hendak dibuat.				

Kata kerja bersinonimi yang seterusnya ialah *verweilen*. *Verweilen* juga bermaksud berada atau tinggal, iaitu menghabiskan masa yang singkat dalam keadaan senyap di suatu tempat atau kawasan tertentu. Keadaan ini berlaku kerana seseorang itu berasa selesa atau tertarik dengan sesuatu yang dilihat atau dipandangnya. Dari segi penggunaannya, kata kerja *verweilen* ini mempunyai persamaan dengan kata kerja *weilen*, iaitu digunakan dalam bahasa penulisan. Contoh ayat;

j.	<i>Wir <u>verweilen</u> einen Augenblick vor dem Denkmal. (CK)</i>						
	<i>Wir</i>	<i><u>verweilen</u></i>	<i>einen</i>	<i>Augenblick</i>	<i>vor</i>	<i>dem</i> (art)	<i>Denkmal.</i>
	Kami	berada	satu	seketika	di hadapan		monumen.
	Kami berhenti sejenak/berada seketika/sekejap di hadapan monumen.						

4.2.16 Kata Kerja *gelten*

Gelten ialah kata kerja umum bahasa Jerman yang membawa maksud sah atau laku digunakan, iaitu merujuk sesuatu yang mempunyai kesahihan yang boleh atau sah digunakan pada tempoh masa, keadaan atau tempat tertentu seperti *Ausweis* (kad pengenalan) dan *Fahrkarte* (tiket). Kata kerja ini telah digunakan dalam bahasa Jerman Tinggi Lama, *geltan* dan bahasa Jerman Tinggi Pertengahan, *gelten*. Namun asal sebenar kata kerja *gelten* ini adalah daripada bahasa Germanik, iaitu *geldan*. Contoh ayat:

a.	<i>Die Fahrkarte <u>gilt</u> eine Woche. (CK)</i>				
	<i>Die (art)</i>	<i>Fahrkarte</i>	<i><u>gilt</u></i>	<i>eine</i>	<i>Woche.</i>
		tiket	sah	satu	minggu.
	Tiket ini sah selama seminggu.				

b.	<i>Der Pass <u>gilt</u> nicht mehr, er ist gestern abgelaufen. (CK)</i>							
	<i>Der (art)</i>	<i>Pass</i>	<i><u>gilt</u></i>	<i>nicht</i>	<i>mehr,</i>	<i>er</i>	<i>ist (aux)</i>	<i>gestern</i>
		pas	sah	tidak	lagi,	ia		kelmarin
	<i>abgelaufen. ist (aux) + abgelaufen (Partizip II) = Perfect Tense</i>							
	telah tamat tempoh.							
	Pas ini tidak sah lagi, ia telah tamat tempoh kelmarin.							

Gültig sein juga mempunyai makna yang hampir sama dengan *gelten*, iaitu *to be valid*. *Gültig* tergolong dalam golongan kata sifat manakala *sein* tergolong dalam golongan kata kerja *to be*. Kata kerja ini digunakan untuk maksud sesuatu yang sah atau laku digunakan sejajar dengan peraturan, syarat, dan kriteria tertentu yang telah ditetapkan. Kedua-dua kata kerja *gelten* dan *gültig sein* ini boleh bertukar ganti. Perbezaannya cuma dari segi susunan ayat seperti contoh ayat (d) dan (e) di bawah.

c.	<i>Der Reisepass <u>ist</u> noch bis Ende September <u>gültig</u>. (CK)</i>						
	<i>Der (art)</i>	<i>Reisepass</i>	<i><u>ist</u> (aux)</i>	<i>noch</i>	<i>bis</i>	<i>Ende</i>	<i>September</i>
		pas perjalanan		masih	hingga	hujung	September
	<i><u>gültig</u>.</i>						
	sah.						
	Pas perjalanan ini masih sah hingga hujung bulan September.						

d.	<i>Die Regel <u>gilt</u> hier nicht.</i> (CK)				
	<i>Die</i> (art)	<i>Regel</i>	<i><u>gilt</u></i>	<i>hier</i>	<i>nicht.</i>
		peraturan	sah	di sini	tidak.
	Peraturan itu tidak sah di sini.				

e.	<i>Die Regel <u>ist</u> nicht <u>gültig</u>.</i> (CK)				
	<i>Die</i> (art)	<i>Regel</i>	<i><u>ist</u></i> (aux)	<i>nicht</i>	<i><u>gültig</u>.</i>
		peraturan		tidak	sah/laku.
	Peraturan ini (adalah) tidak sah.				

Zählen merupakan kata kerja bahasa Jerman yang mendukung maksud asas mengira/menghitung bilangan, jumlah dan kuantiti. Misalnya mengira/menghitung berapa banyak duit yang ada atau berapa ramai orang yang hadir bagi memastikan jumlahnya. Di samping itu, *zählen* juga mendukung makna lain yang bersinonim dengan kata kerja *gelten* di atas. Makna yang dimaksudkan tersebut adalah sah, iaitu merujuk kesahan sesuatu sama ada sah atau tidak sah yang digunakan dalam konteks permainan.

f.	<i>Das <u>zählt</u> nicht! Du hast geschummelt!</i> (CK)					
	<i>Das</i>	<i><u>zählt</u></i>	<i>nicht!</i>	<i>Du</i>	<i>hast</i> (aux)	<i>geschummelt!</i> <i>hast (aux) + geschummelt (Partizip II)</i> <i>= Perfect Tense</i>
	Itu	sah	tidak!	Awak		telah menipu!
	Itu tidak sah! Awak telah menipu!					

g.	<i>Der Wurf <u>zählt</u> nicht – der Würfel ist auf den Boden gefallen.</i> (CK)					
	<i>Der</i> (art)	<i>Wurf</i>	<i>zählt</i>	<i>nicht –</i>	<i>der</i> (art)	<i>Würfel</i>
		lontaran	sah	tidak–		dadu
	<i>ist</i> (aux)	<i>auf</i>	<i>den</i> (art)	<i>Boden</i>	<i>gefallen</i> <i>ist (aux) + gefallen (Partizip II)</i> <i>= Perfect Tense</i>	
		atas		lantai	telah jatuh.	
	Lontaran itu tidak sah. Dadu itu telah jatuh di atas lantai.					

Kata kerja seterusnya yang bersinonim dengan kata kerja *gelten* di atas ialah *in Kraft treten* yang bermaksud dikuatkuasakan, berkuatkuasa yang digunakan untuk *Gesetz* (undang-undang) atau *Regel* (peraturan). Frasa kerja ini merupakan istilah *Wirtschaftrecht* yang digunakan dalam gaya bahasa tulisan. Berikut ialah petikan berita yang disampaikan oleh menteri pendidikan (*Bildungsministerin*), Annette Schavan yang telah dipaparkan pada surat khabar secara talian⁷. Contoh ayat:

h.	<i>Das Gesetz könnte bereits im kommenden Jahr <u>in Kraft treten</u>.</i> (CSK)					
	<i>Das</i> (art)	<i>Gesetz</i>	<i>könnte</i> (Konjunktiv II)	<i>bereits</i>	<i>im</i>	<i>kommenden</i>
		undang-undang	mungkin	sedia	pada	depan
	<i>Jahr</i>	<i>in Kraft treten.</i>				
	tahun	dikuatkuasakan.				
	Undang-undang itu mungkin sedia untuk dikuatkuasakan pada tahun hadapan.					

4.2.17 Kata Kerja *erklären*

Erklären, erläutern, zeigen dan entwickeln, kesemuanya ialah kata kerja bahasa Jerman yang mempunyai hubungan sinonim. Kata kerja *erklären* yang dianalisis di sini adalah sama dengan analisisnya di subtopik 4.2.4. Hal ini demikian kerana kata kerja ini

⁷ <http://www.gazetem.de/news/986/auslaendische-abschluesse-werden-schneller-anerkannt.html>

merupakan kata sinonim kepada kata kerja *sagen* (no. 4). *Erklären* merupakan kata kerja yang membawa maksud umum bagi maksud menerangkan atau menjelaskan, iaitu merujuk kepada seseorang yang menerangkan atau menjelaskan sesuatu isu, fakta atau situasi yang tidak difahami supaya jelas dan difahami oleh orang lain. *Erklären* berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Pertengahan sebagai *erklæren* (*klarmachen*; *klar werden*). Contoh ayat:

a.	<i>Kannst du mir das bitte noch einmal <u>erklären</u>? (CM)</i>							
	<i>Kannst</i>	<i>du</i>	<i>mir</i> (<i>pers pron, dat</i>)	<i>das</i>	<i>bitte</i>	<i>noch</i>	<i>einmal</i>	<i><u>erklären</u>?</i>
	Boleh	awak	saya	itu	tolong	lagi	sekali	terangkan?
	Bolehkah awak tolong terangkan sekali lagi kepada saya tentang hal itu?							

Erläutern maksudnya menerangkan, menjelaskan atau menghuraikan sesuatu fakta, isu atau situasi yang rumit dengan terperinci. Misalnya menerangkan sesuatu perancangan atau teori. *Erläutern* berasal daripada bahasa Germanik dan digunakan dalam bahasa Jerman Tinggi Pertengahan sebagai *erliutern*. Contoh ayat:

b.	<i>Unser Physiklehrer hat uns die Formel <u>erläutert</u>. (CK)</i>				
	<i>Unser</i> (<i>poss</i>)	<i>Physiklehrer</i>	<i>hat</i> (<i>aux</i>)	<i>uns</i> (<i>pers pron, dat</i>)	<i>die</i> (<i>art</i>)
		guru fizik		kami	
	<i>Formel</i>	<i><u>erläutert</u></i> <i>hat (aux) + erläutert (Partizip II) = Perfect Tense</i>			
	formula	telah menerangkan.			
	Guru fizik kami telah menerangkan kepada kami tentang formula itu.				

Zeigen pula bermaksud menunjukkan dalam konteks mengajarkan sesuatu yang melibatkan proses atau langkah dan teknik atau cara melakukan di depan (mata) seseorang sambil memberi penerangan supaya sesuatu yang ditunjukkan tersebut jelas

dan difahami. Hasilnya seseorang itu boleh melakukan sendiri apa yang telah ditunjukkan atau diterangkan tersebut. *Zeigte* ialah kata kerja bentuk kala lampau manakala *gezeigt* pula bentuk kala lampau *Perfekt*. Kata kerja ini berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Pertengahan, *zeigen* dan bahasa Jerman Tinggi Lama, *zeigōn*. Kata kerja ini berkait dengan kata kerja *zeihen* (menuduh).

c.	<i>Ich zeigte ihm, wie ich zu dem Ergebnis kam.</i>					
	<i>Ich</i>	<i>zeigte</i> (pt)	<i>ihm,</i> (pers pron, dat)	<i>wie</i>	<i>ich</i>	<i>zu</i>
	Saya	telah menunjukkan	dia	bagaimana	saya	ke
	<i>dem</i> (art)	<i>Ergebnis</i>	<i>kam.</i> (pt)			
		keputusan/penemuan	telah sampai.			
	Saya (telah) menunjukkan kepada dia bagaimana saya telah sampai kepada keputusan/penemuan itu.					

Entwickeln ialah sejenis kata kerja transitif dan refleksif. Kata kerja ini bermaksud mengembangkan sesuatu dengan cara memikirkannya dan kemudian menulisnya seperti *einen Theorie* (teori) dan *einen Plan* (plan).

d.	<i>Er hat einen neuen Impfstoff entwickelt.</i> (CK)					
	<i>Er</i>	<i>hat</i> (aux)	<i>einen</i>	<i>neuen</i>	<i>Impfstoff</i>	<i>entwickelt.</i> <i>hat (aux) + entwickelt (Partizip II) =</i> <i>Perfect Tense</i>
	Dia		satu	baharu	vaksin	telah mengembangkan.
	Dia telah mengembangkan satu vaksin baharu.					

4.2.18 Kata Kerja *finden*

Finden ialah kata kerja umum dalam bahasa Jerman yang bermaksud menjumpai, menemui sesuatu atau seseorang di sesuatu tempat tertentu melalui pencarian atau secara kebetulan (tidak sengaja), iaitu dengan tiba-tiba. Jika melalui

proses mencari atau memang sengaja dicari, seseorang itu akan berusaha supaya menjumpai atau mendapat kembali sesuatu yang hilang atau yang tidak diketahui ke mana perginya dan ini menjadi matlamat pencarian. *Finden* berasal daripada bahasa Germanik dan kata kerja ini telah digunakan bukan sahaja dalam bahasa Jerman bahkan juga dalam bahasa di negara-negara dalam keluarga Germanik seperti bahasa Inggeris *to find* dan bahasa Sweden *finna*. Dalam bahasa Jerman, kata kerja ini telah digunakan dalam bahasa Jerman Tinggi Lama, *findan* dan bahasa Jerman Tinggi Pertengahan, *vindan*. Contoh ayat:

a.	<i>Ich wollte einen neuen Platz zum Leben und Arbeiten <u>finden</u>.</i> (CM)								
	<i>Ich</i>	<i>wollte</i> (pt)	<i>einen</i>	<i>neuen</i>	<i>Platz</i>	<i>zum</i>	<i>Leben</i>	<i>und</i>	<i>Arbeiten</i>
	Saya	telah ingin	satu	baharu	tempat	untuk	kehidupan	dan	pekerjaan
	<u><i>finden</i></u> .								
	mencari.								
	Saya ingin mencari sebuah tempat baharu untuk kehidupan dan pekerjaan.								

b.	<i>Nach langem Suchen <u>fand</u> sie den verlorenen Ring unter dem Schrank.</i> (CK)					
	<i>Nach</i>	<i>langem</i>	<i>Suchen</i>	<u><i>fand</i></u> (pt)	<i>sie</i>	<i>den</i> (art)
	Selepas/ Setelah	lama	pencarian	telah menjumpai/menemui	dia (P)	
	<i>verlorenen</i>	<i>Ring</i>	<i>unter</i>	<i>dem</i> (art)	<i>Schrank.</i>	
	hilang	cincin	di bawah		almari.	
	Setelah sekian lama mencari, dia (telah) menjumpai/menemui cincin yang hilang itu di bawah almari.					

Kata kerja *finden* ini mempunyai beberapa kata kerja yang bersinonim. Antaranya ialah *entdecken*. *Entdecken* juga bermaksud menjumpai atau menemui, iaitu menjumpai atau menemui sesuatu untuk pertama kali misalnya *Land* (negara) dan *Stern* (bintang). *Entdecken* juga bermaksud menjumpai/menemui sesuatu di suatu tempat

tertentu yang memmeranjatkan/mengejutkan. Selain itu, kata kerja ini juga merujuk perbuatan menjumpai/menemui sesuatu atau seseorang yang sudah lama dicari atau difikirkan. Semua hasil pencarian tersebut dapat menjelaskan sesuatu, mendedahkan suatu rahsia atau menjelaskan perihal yang sebenar atau dapat memberi kepercayaan tentang sesuatu perkara. Contoh ayat:

c.	<i>Marie und Pierre Curie haben das Radium <u>entdeckt</u>.</i> (CK)						
	<i>Marie</i>	<i>und</i>	<i>Pierre</i>	<i>Curie</i>	<i>haben</i> (aux)	<i>das</i> (art)	<i>Radium</i>
	Marie	dan	Pierre	Curie			Radium
	<i><u>entdeckt</u>.</i>						
	<i>haben (aux) + entdeckt (Partizip II) = Perfect Tense</i>						
telah menemui.							
Marie und Pierre Curie telah menemui radium.							

d.	<i>Ich <u>entdecke</u> Blutspuren am Boden.</i> (CK)				
	<i>Ich</i>	<i><u>entdecke</u></i>	<i>Blutspuren</i>	<i>am</i>	<i>Boden.</i>
	Saya	menemui	kesan darah	di atas	lantai.
Saya menemui kesan darah di atas lantai.					

Aufspüren juga bersinonim dengan kata kerja *finden* di atas. Namun kata kerja ini digunakan dalam konteks yang berbeza, iaitu merujuk kepada sesuatu, seseorang atau haiwan yang dijumpai hasil daripada pencarian yang teliti, betul-betul dan secara intensif. Usaha pencarian ini misalnya dilakukan oleh pemburu, iaitu *Jäger* dalam bahasa Jerman dan juga penyiasat untuk mengesan atau menjejaki kesan, jejak atau bekas haiwan buruan bagi tujuan memburu dan bagi penyiasat untuk merungkaikan kes-kes jenayah.

e.	<i>Der Hund hat den Verschütteten <u>aufgespiirt</u>. (CK)</i>				
	<i>Der</i> (art)	<i>Hund</i>	<i>hat</i> (aux)	<i>den</i> (art)	<i>Verschütteten</i> <i><u>aufgespiirt</u>.</i> <i>hat (aux) + aufgespiirt</i> <i>(Partizip II) = Perfect Tense</i>
		Anjing			tanaman mayat telah menemui.
	Anjing itu telah menemui mayat yang ditanam.				

Kata seterusnya yang bersinonim dengan *finden* ialah *sehen*. *Sehen* merupakan kata kerja yang mendukung maksud umum bagi perbuatan melihat dan nampak sesuatu yang dilihatnya. Seseorang itu akan nampak atau tidak objek nyata atau konkrit yang dilihatnya bergantung kepada keadaan penglihatannya sama ada jelas atau kabur. Seseorang mungkin sedang mencari-cari sesuatu yang hilang atau tersembunyi. Apabila dia dapat melihat atau nampak apa yang hilang atau tersembunyi tersebut maka dia telah dapat menemui atau menjumpainya. Oleh itu, kata kerja *sehen* adalah bersinonim dengan kata kerja *finden*. Contoh ayat;

f.	<i><u>Siehst</u> du irgendwo meinen Schlüssel? (CK)</i>				
	<i><u>Siehst</u></i>	<i>du</i>	<i>irgendwo</i>	<i>meinen</i> (poss)	<i>Schlüssel?</i>
	Nampak	awak	suatu tempat	saya	kunci?
	Adakah awak nampak di mana kunci saya?				

g.	<i>Ich <u>sehe</u> schon meinen Fehler. (CK)</i>				
	<i>Ich</i>	<i><u>sehe</u></i>	<i>schon</i>	<i>meinen</i> (poss)	<i>Fehler.</i>
	Saya	nampak	sudah	saya	kesalahan.
	Saya sudah nampak kesalahan saya.				

4.2.19 Kata Kerja *erhalten*

Erhalten bermaksud mendapat, menerima, memperoleh, iaitu merujuk seseorang atau sesuatu objek yang mendapat, menerima atau memperoleh sesuatu sama ada abstrak atau konkrit dan kata kerja *erhalten* ini kebanyakannya digunakan sepertimana kata kerja *bekommen*. Perbezaannya ialah kata kerja *erhalten* digunakan dalam penulisan yang formal. Sesuatu yang diterima oleh seseorang daripada individu tertentu atau daripada pihak berkuasa, pejabat tertentu atau seumpamanya. Sesuatu yang diterima tersebut sama ada diberi, dihantar, ditulis, dihadiahkan dan sebagainya dan sesuatu yang diterima tersebut akan menjadi kepunyaan penerimanya. Misalnya sebuah *Schreiben* (penulisan), *Antwort* (jawapan), *Bescheid* (maklumat), *Auftrag* (arahan, pengajaran), *Befehl* (perintah) dan *Orden* (anugerah). Kata kerja ini juga digunakan apabila ingin merujuk perkara-perkara yang diterima hasil reaksi atau kelakuan seseorang. Misalnya *Ohrfeige* (penampar), *Lob* (pujian), *Rüge* (kritikan, teguran), *Strafe* (denda), *Tadel* (celaan) dan *Verweis* (teguran). Beberapa contoh ayat adalah seperti yang berikut:

a.	<i>Die Bücher sind zwar alt, aber alle noch gut erhalten.</i> (CM)							
	<i>Die</i> (art)	<i>Bücher</i> (pl)	<i>sind</i> (aux)	<i>zwar</i>	<i>alt,</i>	<i>aber</i>	<i>alle</i>	<i>noch</i>
		buku-buku		memang	lama,	tetapi	semua	masih
	<i>gut</i>	<i>erhalten.</i>						
	baik	diterima.						
	Buku-buku ini memang lama, tetapi semuanya masih diterima dalam keadaan baik.							

b.	<i>Liu Xiaobo erhält den Friedensnobelpreis.</i> (CSK)			
	<i>Liu Xiaobo</i>	<i>erhält</i>	<i>den</i> (art)	<i>Friedensnobelpreis.</i>
	Liu Xiaobo	menerima		Anugerah Nobel Keamanan.
	Liu Xiaobo menerima Anugerah Nobel Keamanan.			

Bekommen juga bererti mendapat, menerima, memperoleh. Kata kerja ini merupakan istilah umum yang boleh digunakan untuk maksud mendapat, menerima atau memperoleh berbagai-bagai perkara abstrak atau konkrit. Sesuatu yang diterima tersebut akan menjadi milik penerimanya. Misalnya *Brief* (surat), *Telegramm* (telegram), *Geschenk* (hadiah) dan *Belohnung* (ganjaran, hadiah). Terdapat juga sesuatu yang diterima melalui sesebuah komunikasi dengan seseorang misalnya *Antwort* (jawapan), *Befehl* (arahan), *Nachricht* (berita), *Rüge* (teguran), *Funkspruch* (mesej), *Auskunft* (informasi) dan *Glückwünsche* (ucapan tahniah). Jika mendapat penghargaan tertentu kata kerja *bekommen* juga digunakan seperti *Beifall* (tepukan), *Orden* (pingat) dan *Nobelpreis* (hadiah Nobel). Selain itu, untuk menyampaikan maksud sesuatu yang diperoleh atau diterima tanpa melibatkan aktiviti oleh subjek juga menggunakan kata *bekommen*. Misalnya menerima hujan, salji, cuaca yang baik dan sebagainya. Berikut ialah beberapa contoh ayat yang menggunakan kata kerja *bekommen*.

c.	<i>Ich habe das Buch <u>bekommen</u>. (CK)</i>				
	<i>Ich</i>	<i>habe</i> (aux)	<i>das</i> (art)	<i>Buch</i>	<i><u>bekommen</u>.</i> <i>habe (aux) + bekommen</i> <i>(Partizip II) = Perfect Tense</i>
	Saya			buku	telah menerima.
	Saya telah menerima buku itu.				

d.	<i>Wir haben gestern Schnee <u>bekommen</u>. (CK)</i>				
	<i>Wir</i>	<i>haben</i> (aux)	<i>gestern</i>	<i>Schnee</i>	<i><u>bekommen</u>.</i> <i>haben (aux) + bekommen</i> <i>(Partizip II) = Perfect Tense</i>
	Kami/kita		kelmarin	salji	telah menerima.
	Kelmarin kami/kita telah menerima salji/Kelmarin salji telah turun.				

Selain mempunyai hubungan sinonim dengan kata kerja *bekommen*. Kata kerja *erhalten* ini juga hampir memiliki persamaan makna dengan kata kerja *empfangen* dan *kriegen*. *Empfangen* bererti menerima, iaitu menerima sesuatu daripada seseorang sama

ada konkrit atau abstrak. Kebanyakan sesuatu yang diterima tersebut adalah melalui upacara atau adat-istiadat penganugerahan kecemerlangan tertentu seperti menerima sebuah *Preis* (anugerah), *Medal* (pingat) dan *Diplom* (sijil). Dalam konteks menerima atau menyambut tetamu atau pelawat, kata kerja ini juga sesuai digunakan. Begitu juga dalam bidang keagamaan, kata kerja *empfangen* ini juga digunakan bagi maksud yang sama, iaitu menerima contohnya adalah seperti *das Abendmahl empfangen* (to receive Holy Communion). *Communion* ialah upacara agama Kristian yang menghidangkan arak dan roti.

e.	<i>Er hat einen hohen Orden empfangen.</i> (CK)					
	<i>Er</i>	<i>hat</i> (aux)	<i>einen</i>	<i>hohen</i>	<i>Orden</i>	<i>empfangen.</i> <i>hat (aux) + empfangen (Partizip II)</i> <i>= Perfect Tense</i>
	Dia (L)		satu	tinggi	pingat	telah menerima.
	Dia telah menerima satu pingat kebesaran.					

f.	<i>Die Hausfrau empfang die Gäste.</i> (CK)				
	<i>Die</i> (art)	<i>Hausfrau</i>	<i>empfang</i> (pt)	<i>die</i> (art)	<i>Gäste.</i> (pl)
		suri rumah	telah menerima		tetamu-tetamu.
	Suri rumah itu telah menerima tetamu.				

Kata kerja bersinonim yang seterusnya ialah *kriegen* yang bermaksud mendapat, menerima. Kata kerja ini digunakan dalam bahasa kolokial dan mempunyai konteks penggunaan yang kebanyakannya sama dengan kata kerja *bekommen*. Perbezaannya kata kerja *kriegen* ini digunakan apabila melibatkan aktiviti, usaha dan tenaga seseorang untuk mendapatkan sesuatu. Contoh ayat yang menggunakan kata kerja *kriegen* ialah:

g.	<i>Wenn er so weitemacht, <u>kriegt</u> er noch eine Ohrfeige.</i> (CK)						
	<i>Wenn</i>	<i>er</i>	<i>so</i>	<i>weitemacht,</i>	<i><u>kriegt</u></i>	<i>er</i>	<i>noch</i>
	Jika	dia (L)	begitu	terus melakukan/berbuat,	mendapat	dia (L)	lagi
	<i>eine</i>	<i>Ohrfeige.</i>					
	satu	penampar.					
	Jika dia terus melakukan/berbuat begitu, dia akan mendapat satu lagi penampar.						

h.	<i>Ich habe diesen Tisch billig <u>gekriegt</u>.</i> (CK)					
	<i>Ich</i>	<i>habe</i> <i>(aux)</i>	<i>diesen</i>	<i>Tisch</i>	<i>billig</i>	<i><u>gekriegt.</u></i> <i>habe (aux) + gekriegt</i> <i>(Partizip II) = Perfect Tense</i>
	Saya		ini	meja	murah	telah mendapat.
	Saya telah dapatkan meja ini dengan harga yang murah (selepas menawar harganya).					

4.2.20 Kata Kerja *wissen*

Wissen ialah kata kerja yang tergolong dalam jenis *irregular*. Maksud *wissen* ialah tahu, iaitu mengetahui mengenai sesuatu atau seseorang. Kata kerja ini bersinonim maknanya dengan kata kerja *kennen* dengan konteks pemakaian antara kedua-duanya berbeza. *Wissen* diguna pakai apabila mengetahui sesuatu secara teori atau permukaan/luaran sahaja seperti mengetahui suatu perkataan, contoh-contoh tertentu, alamat, nombor rumah atau nombor telefon. Maksud dan penggunaannya dapat diperhatikan dengan jelas dalam ayat di bawah kerana pengkaji menyertakan ayat lain yang mempunyai pengertian yang serupa bersama-samanya untuk menunjukkan bahawa seseorang itu hanya mengetahui atau memiliki sesuatu yang dimaksudkan bukan mengalami atau mengetahuinya secara mendalam.

a) Wissen Sie ein Beispiel? = Können Sie mir ein Beispiel nennen? (CB)

(Tahukah anda satu contoh? = Bolehkah anda memberikan saya satu contoh?)

b) Wissen Sie seine Adresse, Telefonnummer? = Haben Sie seine Adresse, Telefonnummer? (CB)

(Tahukah anda alamat, nombor telefonnya? = Adakah anda mempunyai/ mengetahui alamat, nombor telefonnya?)

Wissen berbeza ertinya dengan *kennen*. *Kennen* ertinya mengetahui dan juga mengenali sesuatu itu berdasarkan pengetahuan dan pengalaman. Kebiasaan seseorang terhadap sesuatu atau seseorang menyebabkan sesuatu atau seseorang itu bukan sahaja mengetahui malah mengenalinya. Misalnya *Wörter, Zitate, Bücher, Personen* dan *Städte*. Dua ayat disenaraikan di bawah untuk memperlihatkan perbezaan yang lebih jelas antara kata kerja *wissen* dan *kennen*.

c) Wissen Sie den Verfasser des Buches? = Wissen Sie, wie er heißt? (CB)

(Tahukah anda penulis buku ini? = Tahukah anda nama beliau?)

d) Kennen Sie den Verfasser des Buches? = Kennen Sie ihn persönlich? (CB)

(Kenalkah anda penulis buku ini? = Adakah anda mengenali beliau secara peribadi?)

Berdasarkan ayat (c) dan (d) di atas, jelas menunjukkan bahawa *wissen* bermaksud mengetahui sesuatu atau seseorang itu secara luaran sahaja bukan secara mendalam seperti mengetahui nama seseorang. Oleh itu, keadaan ini berbeza dengan maksud yang didukung oleh kata kerja *kennen* seperti yang dihuraikan di atas. Contoh lain ialah perkataan *Wort, Beispiel, Adresse, Hausnummer* dan *Telefonnummer* memerlukan kata kerja *wissen* bukan *kennen* jika seseorang itu hanya memiliki atau mengetahui sahaja dan bukan mengalami perkara-perkara tersebut.

Selain *kennen*, *können* juga bersinonim dengan *wissen*. Jika merujuk atau menyentuh tentang tahu, mengetahui tentang subjek-subjek akademik, kata *können* akan digunakan dan kata kerja ini sangat biasa digunakan untuk merujuk kepada bahasa, yaitu mengetahui tentang sesuatu bahasa. Walau bagaimanapun, apabila ingin menyatakan ‘*to be familiar with*’ dengan sesuatu bahasa, kata kerja *kennen* akan digunakan menggantikan kata kerja *wissen*.

e.	<i>Können Sie Deutsch?</i> (CB)		
	<i>Können</i>	<i>Sie</i>	<i>Deutsch?</i>
	Tahukah	anda	bahasa Jerman?
	Adakah anda mengetahui bahasa Jerman?		

f.	<i>Er kann nicht viel Deutsch.</i> (CK)				
	<i>Er</i>	<i>kann</i>	<i>nicht</i>	<i>viel</i>	<i>Deutsch.</i>
	Dia (L)	tahu	tidak	banyak	bahasa Jerman.
	Dia tidak begitu/berapa mengetahui bahasa Jerman.				

Kata kerja seterusnya yang bersinonim dengan *wissen* ialah *Bescheid wissen*. Makna kata nama *Bescheid* ialah informasi, arah manakala keseluruhan frasa *Bescheid wissen* pula bermaksud mengetahui sesuatu perkara dengan tepat termasuklah mengetahui arah atau jalan di sesuatu tempat atau kawasan. Oleh itu, keadaan ini membuatkan seseorang itu tidak keliru atau salah faham akan sesuatu perkara. Kata *Bescheid* diterbitkan daripada kata *bescheiden* yang berasal daripada bahasa Jerman Tinggi Pertengahan *bescheit*, *bescheide* yang bererti *Bestimmung* (peraturan), *Bedingung* (syarat, penentuan). Namun kini, kata nama ini sering kali diperlukan atau digunakan apabila digandingkan bersama kata kerja *geben*, *wissen* dan *tun*. Berikut ialah contoh ayat yang menggunakan frasa kerja *Bescheid wissen* di atas.

g.	<i>Ich weiß über seine Pläne Bescheid.</i> (CK)				
	<i>Ich</i>	<i>weiß</i>	<i>über</i>	<i>seine</i> (<i>poss</i>)	<i>Pläne</i>
	Saya	mengetahui	tentang	-nya	perancangan
	<u><i>Bescheid.</i></u>				
Saya mengetahui (tentang) perancangannya.					

Di sini, jelaslah bahawa *wissen*, *kennen*, *können* dan *Bescheid wissen* merupakan empat kata yang bersinonim dengan penggunaannya yang berbeza mengikut konteks masing-masing.

4.3 Faktor –faktor yang Menyebabkan Wujudnya Hubungan Sinonim

Sebagaimana dalam bahasa-bahasa lain, sinonim dalam bahasa Jerman juga wujud disebabkan oleh beberapa faktor tertentu. Keempat-empat faktor yang di bawah berikut digunakan bagi melihat cara faktor-faktor ini mempengaruhi kewujudan hubungan sinonim bagi kata kerja yang diselidik dalam kajian ini.

- i. Dialek
- ii. Peminjaman bahasa
- iii. Kolokasi
- iv. Gaya/Konteks

4.3.1 Dialek

Dialek ialah bahasa yang digunakan oleh sekelompok masyarakat yang tinggal di suatu daerah tertentu. Menurut Brennan (1996: 628), ragam bahasa dialek adalah berbeza daripada bentuk standardnya. Istilah dialek berasal daripada perkataan Greek, *dialektos*. *Dia* bermaksud ‘antara’ dan *legen* bermaksud ‘bercakap’. Perbezaan antara dialek dan bahasa standard dapat dilihat dengan jelas dari segi perbendaharaan kata, sebutan, ungkapan malah tatabahasa.

Perhubungan antara bahasa standard dan dialek yang digunakan di negara-negara yang bertutur dalam bahasa Jerman adalah berbeza. Negara Jerman menggunakan bahasa standard Jerman di samping pelbagai variasi dialeknnya. Namun demikian, variasi bahasa standard Jerman juga ditemui di Switzerland dan Austria yang diklasifikasikan sebagai dialek *Binnendeutsch*. Di Switzerland, bahasa standardnya dikenali sebagai *Swiss Standard/High German* manakala di Austria bahasa standardnya dikenali sebagai *Austrian Standard German* (Johnson, 1998: 254).

Dialek merupakan antara faktor yang telah mempengaruhi kewujudan hubungan sinonim kata kerja bahasa Jerman. Hal yang sama telah dibincangkan oleh Abdullah dan Ainon (1994: 276), Ernst (2004: 200) dan Johnson (1998: 206-209). Melalui faktor ini, terdapat dua kata kerja bahasa Jerman yang telah ditemui, iaitu kata kerja *gehen* (no. 7/4.2.7⁸) dan *kommen* (no. 11/4.2.11). Kedua-dua kata kerja ini mempunyai kata sinonim yang merupakan dialek, iaitu masing-masing bersinonim dengan kata kerja *laufen* dan *einlangen*.

⁸ Semua nombor ini merujuk subtopik 4.2.1-4.2.20 dalam Bab 4.

Jadual 4.5: Kata Kerja Bersinonimi Akibat Faktor Dialek

No.	Kata Kerja	Kata Sinonim	Kawasan Pertuturan
1.	<i>gehen</i> (berjalan)	<i>laufen</i> (berjalan)	Selatan Jerman
2.	<i>kommen</i> (datang, sampai, tiba)	<i>einlagen</i> (datang, sampai, tiba)	Austria

Dalam bahasa Jerman standard, *laufen* bermaksud berlari. Namun kata kerja ini digunakan di bahagian selatan Jerman untuk maksud berjalan. *Einlagen* pula merupakan dialek standard yang digunakan oleh masyarakat Austria untuk maksud tiba, sampai, datang bagi merujuk kepada surat.

4.3.2 Peminjaman bahasa

Kosa kata dalam sesebuah bahasa dapat dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu unsur natif dan unsur pinjaman. Kosa kata dari unsur natif berasal daripada tahap bahasa terawal yang diketahui umum manakala kosa kata dari unsur pinjaman pula telah diimport atau dipinjam daripada bahasa-bahasa lain (Brennan, 1992: 553). Peminjaman bahasa atau leksikal merupakan suatu perkara penting yang telah banyak berlaku dalam sesebuah bahasa. Brennan (1992: 554) memetik kata-kata Weinreich (1967: 56), iaitu keperluan untuk menamai benda-benda baharu, orang baharu, tempat baharu dan konsep baharu merupakan faktor sejagat yang mendorong inovasi leksikal. Oleh itu, peminjaman leksikal merupakan suatu proses inovasi leksikal yang boleh memperkaya item leksikal sesebuah bahasa. Pertembungan bahasa dan budaya adalah salah satu sebab berlakunya peminjaman bahasa.

Melalui faktor peminjaman bahasa ini, pengkaji telah menemui empat kata kerja bahasa Jerman yang telah dipinjam daripada bahasa lain dan kata kerja tersebut

bersinonimi dengan kata kerja asal bahasa Jerman. Empat kata kerja pinjaman tersebut ialah *informieren*, *spazieren*, *produzieren* dan *titulieren* yang merupakan kata sinonim kepada kata kerja *sagen* (no. 4/4.2.4), *gehen* (no. 7/4.2.7), *machen* (no. 8/4.2.8) dan *heißen* (no. 12/4.2.12).

Jadual 4.6: Kata Kerja Bersinonimi Akibat Faktor Pinjaman

No.	Kata Kerja	Kata Sinonim	Asal-Usul Kata Sinonim
1.	<i>sagen</i>	<i>informieren</i>	>Bahasa Latin
2.	<i>gehen</i>	<i>spazieren</i>	>Bahasa Itali > Bahasa Latin
3.	<i>machen</i>	<i>produzieren</i>	>Bahasa Latin
4.	<i>heißen</i>	<i>titulieren</i>	>Bahasa Latin

Keempat-empat kata kerja ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Latin. *Informieren* dibawa masuk pada abad ke-15 sebagai *in-formare*. *Spazieren* pula diambil daripada bahasa Itali *spaziere*. Namun asal sebenarnya adalah daripada bahasa Latin. *Spaziere* maksudnya *umherwandeln* (mengembara, merantau) atau *sich ergehen* (berjalan-jalan/bersiar-siar). *Produzieren* pula merupakan istilah yang digunakan dalam bidang ekonomi. Kata kerja ini dipinjam pada abad ke-17 sebagai *producere*. Begitu juga dengan *titulieren* juga merupakan kata pinjaman daripada bahasa Latin. Namun kata kerja ini sudah tidak digunakan lagi. Kewujudan hubungan makna sinonim yang disebabkan oleh faktor ini telah disokong oleh ahli-ahli linguistik seperti Abdullah dan Ainon (1994: 276), Johnson (206-209), Asmah (1982: 246) dan Aksan (2000: 190-191). Menurut mereka kata-kata pinjaman tersebut telah menyebabkan wujudnya makna kata yang hampir sama namun berbeza dari segi penggunaannya.

4.3.3 Kolokasi

Kata-kata yang bersinonimi juga wujud disebabkan oleh faktor kolokasi. Kolokasi merupakan keadaan kesesuaian penggunaan sesuatu perkataan berdasarkan kewujudannya dalam sesuatu situasi atau boleh juga dikatakan sebagai hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dengan perkataan yang lain dalam satu susunan misalnya dalam ayat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Kolokasi dapat dikaitkan dengan hubungan sintagmatik sebagaimana yang dikatakan oleh Asmah (2008: 46). Kolokasi ialah perkaitan antara butir leksikal dalam hubungan sintagmatik yang menimbulkan makna yang dapat diterima oleh masyarakat pengguna bahasa.

Terdapat empat kata kerja bersama kata sinonimnya yang dapat dikenal pasti kewujudannya melalui faktor ini, iaitu kata kerja *können* (no. 1/4.2.1), *gelten* (no. 16/4.2.16), *finden* (no. 18/4.2.18) dan *liegen* (no. 13/4.2.13).

Jadual 4.7: Kata yang Berkolokasi dengan Kata Sinonim Kata Kerja *können*

No.	Kata yang Berkolokasi	Kata Sinonim
1.	<i>sein Fach</i> (subjek, bidang), <i>seinen Beruf</i> (pekerjaan), <i>seinen Handwerk</i> (kraftangan, pertukangan).	<i>verstehen</i>
2.	<i>eine Kunst</i> (kesenian), <i>eine Technik</i> (teknologi), <i>ein Musikinstrument</i> (alat muzik), <i>ein Fach</i> (subjek, bidang)	<i>beherrschen</i>

Jadual di atas menunjukkan bahawa apabila kata kerja *können* berkolokasi dengan kata-kata tertentu, misalnya suatu subjek atau bidang, iaitu *ein Fach*, maka kata kerja *können* mempunyai makna yang hampir sama dengan kata kerja *verstehen* dan *beherrschen*. Walau bagaimanapun, persamaan tersebut tidaklah sama sepenuhnya. Kata-kata yang berkolokasi dengan kata kerja *verstehen* dan *beherrschen* mempunyai persamaan dan

juga perbezaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa makna kedua-dua kata kerja ini adalah bergantung kepada kata-kata lain yang wujud bersamanya.

Jadual 4.8: Kata yang Berkolokasi dengan Kata Kerja *gelten* dan Sinonimi

No.	Kata yang Berkolokasi	Kata Sinonim
1.	<i>Ausweis</i> (kad identiti), <i>Fahrkarte</i> (tiket), <i>Regel</i> (peraturan), dan <i>Vorschrift</i> (arahan, peraturan, <i>prescription</i>).	<i>gelten</i>
2.	<i>Ausweis</i> (kad identiti), <i>Eintrittskarte</i> (pas masuk), <i>Fahrkarte</i> (tiket) dan <i>Vertrag</i> (perjanjian).	<i>gültig sein</i>

Berdasarkan kata-kata yang berkolokasi dengan kedua-dua kata kerja *gelten* dan *gültig sein* yang hampir sama di atas, kedua-duanya telah menunjukkan bahawa setiap kata tersebut berhubungan secara sinonim. Malah kedua-dua kata kerja ini boleh saling bertukar ganti. Perbezaannya adalah dari segi susunan ayat seperti yang telah diterangkan dan diberikan contoh pada penerangan kata kerja *gelten* (4.2.16).

Jadual 4.9: Kata yang Berkolokasi dengan Kata Sinonim Kata Kerja *finden*

No.	Kata yang Berkolokasi	Kata Sinonim
1.	<i>Land</i> (negara), <i>Naturgesetz</i> (hukum alam), <i>Stern</i> (bintang), <i>Stoff</i> (material)	<i>entdecken</i>
2.	<i>Verbrecher</i> (penjenayah), <i>Wild</i> (binatang liar), <i>Versteck</i> (tempat persembunyian)	<i>aufspüren</i>

Kata kerja *finden*, *entdecken* dan *aufspüren* merupakan kata kerja yang bersinonimi. Hasil daripada penelitian terhadap kata-kata yang berkolokasi dengan kedua-dua kata kerja ini, didapati kedua-duanya tidak mempunyai makna yang betul-betul sama seperti yang telah diterangkan dalam penghuraian kata kerja *finden* (4.2.18). Berdasarkan salah satu maknanya, iaitu menjumpai atau menemui sesuatu pada pertama kali, kata kerja *entdecken* berkolokasi dengan kata nama *Land* (negara), *Naturgesetz* (hukum alam),

Stern (bintang) dan *Stoff* (material). Kata kerja *aufspüren* pula berkolokasi dengan kata nama *Verbrecher* (penjenayah), *Wild* (binatang) dan *Versteck* (tempat persembunyian), bertepatan dengan makna yang didukungnya, iaitu merujuk sesuatu, seseorang atau binatang yang dijumpai hasil daripada pencarian yang teliti, betul-betul dan secara intensif.

Jadual 4.10: Kata yang Berkolokasi dengan Kata Kerja *liegen* dan Sinonimi

No.	Kata yang Berkolokasi	Kata Sinonim
1.	<i>hart, weich, bequem, flach, ruhig liegen; auf dem Bauch, auf dem Rücken, auf der Seite liegen</i>	<i>liegen</i>
2.	<i>sich in der Sonne aalen</i>	<i>sich aalen</i>

Jadual di atas menyenaraikan kata-kata yang berkolokasi dengan kata kerja *liegen* (berbaring) dan *sich aalen* (berjemur). *Liegen* berkolokasi dengan kata *auf dem Bauch* (meniarap), *auf dem Rücken* (melentang) dan *auf der Seite* (mengiring). Hal ini bermakna, berbaring boleh dalam beberapa kedudukan posisi badan, iaitu meniarap, melentang atau mengiring. Kata kerja ini juga berkolokasi dengan kata *hart, weich, bequem, flach* dan *ruhig liegen*. Keadaan ini menerangkan bahawa tempat dan keadaan berbaring boleh dalam keadaan selesa, senyap, di tempat yang lembut, keras dan sebagainya. Kata kerja yang berkolokasi dengan kata kerja *sich aalen* pula ialah *in der Sonne* (di bawah matahari). Dengan ini jelaslah bahawa kedua-dua kata kerja di atas adalah bersinonimi, iaitu hanya berbeza dari segi lingkungan kehadirannya. Hal yang berkaitan kolokasi dengan hubungan sinonim ini pernah dibincangkan oleh Palmer (1992: 100).

4.3.4 Gaya dan Konteks

Selain daripada dialek, pinjaman dan kolokasi, sinonim juga wujud akibat faktor gaya dan konteks penggunaan yang berlainan. Gaya dan konteks merupakan suatu perkara yang sangat penting bagi menyampaikan erti yang sebenar dalam sesebuah ujaran atau tulisan. Mengetahui makna sesuatu kata, iaitu makna leksikalnya sahaja adalah tidak cukup bagi seseorang untuk memahami makna sesuatu ujaran. Hal ini demikian kerana makna leksikal merupakan makna kata seperti yang terdapat dalam kamus. Oleh itu, konteks yang cukup sangat diperlukan bagi memahami sesuatu ujaran. Oleh itu, keadaan ini melibatkan makna konteks, iaitu makna yang menunjukkan hubungan antara ujaran dengan keadaan (*Kamus Linguistik*, 1997: 158). Menurut Nathesan (2001: 25), konteks memainkan peranan untuk menghilangkan kekaburan dan ketidakjelasan makna. Konteks juga berfungsi untuk menetapkan makna bagi perkataan dalam satu-satu ujaran atau tulisan.

Gaya bahasa pula menurut Nik Safiah (1988: 65), lazimnya meliputi aspek-aspek kesesuaian penggunaan perkataan, frasa, ayat dan ungkapan-ungkapan dalam situasi-situasi tertentu. Kamaruddin (1995: 33) menyatakan bahawa gaya bahasa dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, antaranya termasuklah gaya rasmi dan tidak rasmi, gaya tulisan dan lisan, gaya yang ditinjau berdasarkan nada dan gaya yang ditinjau dari segi kelangsungan makna.

Dalam kebanyakan bahasa termasuklah bahasa Jerman, terdapat banyak kata yang mempunyai makna yang hampir sama. Namun kata-kata ini digunakan dengan cara berbeza dari segi gaya yang berlainan, darjah kerasmian, keformalan, situasi penggunaannya, perbezaan status masyarakat penuturnya dan sama ada gaya lisan atau tulisan. Sebagaimana kebanyakan bangsa dan bahasa lain, masyarakat Jerman juga mementingkan kesopanan dan kehormatan dalam berbahasa. Salah satunya masyarakat

Jerman akan menggunakan kata ganti nama diri dan gaya bahasa yang berbeza bergantung kepada status atau umur pendengar atau orang yang dilawan bercakap. Melalui faktor gaya dan konteks ini, pengkaji dapat menemui banyak kata kerja bahasa Jerman yang bersinonimi. Kata kerja tersebut ialah *können, sollen, wollen, sagen, geben, müssen, lassen, stehen, sehen, bleiben, gelten, erklären, erhalten* dan *wissen*. Berikut ialah jadual yang menyenaraikan kata kerja bahasa Jerman bersama kata sinonimnya yang wujud akibat daripada faktor gaya bahasa.

Jadual 4.11: Kata Kerja Bersinonimi Akibat Faktor Gaya Bahasa

No.	Kata Kerja	Perkataan Bersinonimi	Gaya Bahasa
1.	<i>können</i>	<i>draufhaben</i>	percakapan, kolokial
2.	<i>sollen</i>	<i>müssen</i>	
3.	<i>wollen</i>	<i>wünschen, möchten, begehren</i>	penulisan, formal, sopan
4.	<i>sagen</i>	<i>erklären</i>	
5.	<i>geben</i>	<i>reichen</i>	
6.	<i>müssen</i>	<i>obliegen, gehalten sein</i>	
7.	<i>lassen</i>	<i>gestatten, billigen</i>	
8.	<i>sehen</i>	<i>erblicken</i>	
9.	<i>bleiben</i>	<i>verharren, weilen, verweilen</i>	
10.	<i>gelten</i>	<i>in Kraft treten</i>	
11.	<i>erhalten</i>	<i>kriegen</i>	

Semua kata kerja ini telah dibincangkan dengan terperinci dari segi gaya bahasa dan konteks penggunaannya di bahagian 4.2.1, 4.2.2, 4.2.3, 4.2.4, 4.2.5, 4.2.6, 4.2.9, 4.2.10, 4.2.14, 4.2.15, 4.2.16, 4.2.17, 4.2.19, dan 4.2.20. Hal yang berkaitan dengan kewujudan sinonim akibat daripada faktor gaya dan konteks ini juga pernah dibincangkan oleh Abdullah dan Ainon (1994: 271-274, 276), Saeed (2003: 65), Kessel dan Reimann (2005: 167), Johnson (1998:206-209) dan Palmer (1992: 70, 99).

4.6 Kesimpulan

Bahasa Jerman seperti kebanyakan bahasa lain mempunyai variasi sinonim yang banyak dan hubungan tersebut adalah disebabkan oleh pelbagai faktor yang menyebabkan kewujudan dan penggunaannya dalam berbahasa. Perbincangan dapatan kajian dihuraikan dengan terperinci dalam bab yang seterusnya.

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN DAN PENUTUP

5.0 Pendahuluan

Perbendaharaan kata yang banyak dan pelbagai sangat penting bagi memenuhi keperluan masyarakat penuturnya menyampaikan makna yang dikehendaki untuk menjamin komunikasi yang berkesan. Hubungan makna termasuk sinonim menunjukkan bahawa sesuatu perkataan itu mempunyai makna yang sama atau hampir sama yang boleh digunakan dalam pelbagai konteks dan dapat menjadikan penggunaan sesuatu bahasa itu lebih menarik.

5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian ini telah dijalankan berdasarkan tiga objektif seperti yang telah dikemukakan dalam Bab 1. Dalam bab ini, perbincangan dapatan kajian dilakukan berdasarkan ketiga-tiga objektif kajian tersebut.

5.1.1 Mengenal pasti golongan kata kerja yang bersinonimi yang terdapat dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman yang dijalankan melalui Projekt Deutscher Wortschatz oleh Universiti Leipzig, Jerman.

Setelah mengenal pasti, mengumpulkan kata kerja bahasa Jerman dan menyenaraikannya bersama kata yang sama makna, didapati setiap kata kerja tersebut mempunyai kata sinonim masing-masing dan kebanyakannya mempunyai bilangan kata sinonim yang sangat banyak. Dengan berdasarkan kepada gaya dan konteks penggunaannya, kata-kata sinonim tersebut mendukung pelbagai makna.

Berdasarkan senarai kata kerja dan kata sinonimnya, didapati kata-kata sinonim bagi setiap kata kerja adalah dari golongan kata yang sama, iaitu kata kerja akan bersinonim dengan kata kerja juga, bukan dari golongan kata yang lain sebagaimana yang didapati oleh Sabariah Muhamad (2007) dalam kajiannya terhadap hubungan makna sinonim dalam lexis bahasa Jepun. Kajian beliau mendapati bahawa golongan kata sifat misalnya tidak hanya memiliki kata sinonim dari golongan kata yang sama, tetapi juga terdiri daripada golongan kata yang berlainan, iaitu golongan kata nama dan adverba.

Berdasarkan pengetahuan asas kita dan kebiasaannya, setiap kata akan bersinonim dengan kata juga bukan dengan bentuk yang lain. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini menunjukkan bahawa kata sinonim bagi kata kerja bahasa Jerman bukan hanya terdiri daripada variasi kata tunggal sahaja malah juga terdapat dalam bentuk frasa kerja. Dalam kajian ini, lima kata kerja telah dikenal pasti memiliki kata sinonim dalam bentuk frasa kerja, iaitu seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5.1: Kata Kerja Bahasa Jerman dan Frasa Kerja Sinonim

No.	Kata Kerja	Frasa Kerja Sinonim
1.	<i>geben</i> (no. 5/ 4.2.5)	<i>in die Hand drücken</i>
2.	<i>müssen</i> (no. 6/4.2.6)	<i>gehalten sein</i>
3.	<i>stehen</i> (no. 10/4.2.10)	<i>auf den Beinen oder Füßen sein,</i> <i>sich aufrecht halten</i>
4.	<i>gelten</i> (no. 16/4.2.16)	<i>gültig sein,</i> <i>in Kraft treten</i>
5.	<i>wissen</i> (no. 20/4.2.20)	<i>Bescheid wissen</i>

Kata kerja *geben*, *müssen* dan *wissen* bersinonim dengan satu frasa kerja, iaitu masing-masing bersinonim dengan *in die Hand drücken*, *gehalten sein* dan *Bescheid wissen*.

Kata kerja *stehen* dan *gelten* pula bersinonim dengan dua frasa kerja. *Stehen* bersinonim dengan *auf den Beinen oder Füßen sein* dan *sich aufrecht halten*. Pasangan sinonim bagi *gelten* pula ialah *gültig sein* dan *in Kraft treten*.

5.1.2 Menghuraikan golongan kata yang bersinonimi tersebut mengikut ketepatan konteks penggunaannya.

Setiap kata kerja dan kata sinonim yang telah disenaraikan dalam jadual 4.4, dihuraikan secara terperinci dalam subtopik 4.2.1 hingga 4.2.20. Setiap kata tersebut mendukung makna yang pelbagai dan digunakan dalam berbagai-bagai konteks. Secara umumnya, makna bagi setiap kata kerja dan kata sinonimnya kelihatan sama. Walau bagaimanapun, hasil penelitian yang telah dijalankan melalui kaedah menterjemah, menghuraikan makna, membanding dan membezakan cara penggunaannya dengan memberikan contoh-contoh ayat, didapati setiap kata sinonim bagi tiap-tiap kata kerja tersebut mempunyai makna yang hampir sama. Hal ini demikian kerana didapati antara satu kata dengan kata lain yang bersinonim itu mempunyai perbezaan makna walaupun sedikit.

Perbezaan ini memperlihatkan kelainan makna setiap kata yang bersinonim tersebut. Kelainan yang sangat halus ini wujud disebabkan kata-kata itu mempunyai makna khusus atau makna masing-masing yang tersendiri. Contohnya bagi kata kerja *wollen* dengan *möchten*, *erhalten* dengan *bekommen* dan *wissen* dengan *kennen* sepertimana yang telah dibincangkan dalam subtopik 4.2.3, 4.2.19 dan 4.2.20. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati ciri inilah yang akan menentukan ketepatan dan kesesuaian penggunaan kata-kata tersebut dengan makna dan konteks sesuatu ayat.

Selain dilihat dari sudut makna, iaitu makna leksikal dan makna konteks, kajian ini juga mengambil kira asal-usul kewujudan atau etimologi setiap kata kerja dan kata

sinonimnya. Oleh yang demikian, kajian ini telah mengenal pasti sama ada setiap kata yang bersinonimi tersebut merupakan kata asal bahasa Jerman atau kata pinjaman daripada bahasa lain. Hasilnya, empat kata kerja yang merupakan kata pinjaman bahasa asing telah dikenal pasti penggunaannya dalam kajian ini. Kata kerja tersebut ialah *informieren*, *spazieren*, *produzieren* dan *titulieren* yang merupakan kata sinonim kepada kata kerja *sagen* (no. 4), *gehen* (no. 7), *machen* (no. 8) dan *heißen* (no. 12). Konteks penggunaan semua kata kerja ini dalam bahasa asal, bahasa Jerman dan bahasa pinjaman didapati berbeza-beza makna, gaya bahasa dan konteks penggunaannya.

Seterusnya, kajian ini juga dapat mengenal pasti dialek atau variasi bahasa yang digunakan oleh sesebuah komuniti di kawasan yang berlainan di negara Jerman. Dua kata kerja yang digunakan di kawasan yang berlainan ditemui, iaitu kata kerja *laufen* dan *einlangen*. Walau bagaimanapun, kedua-dua kata kerja ini mempunyai makna yang hampir sama dengan kata kerja bahasa Jerman Standard, iaitu *gehen* dan *kommen*.

Selain itu, melalui hasil kajian ini, dapat dikenal pasti jenis-jenis gaya bahasa dalam bahasa Jerman seperti gaya bahasa penulisan, perbualan atau lisan, formal, tidak formal, sopan dan sebagainya. Keadaan ini juga turut memberi kesan besar kepada kewujudan hubungan sinonim dalam bahasa Jerman.

Hasilnya, kajian ini telah dapat mengenal pasti fungsi-fungsi kata kerja dan kata sinonimnya. Kewujudan pelbagai kata sinonim berkenaan telah memperkaya kosa kata bahasa Jerman.

5.1.3 Menghuraikan faktor-faktor yang telah menyebabkan wujudnya sinonim bagi memantapkan lagi kefahaman pengguna bahasa Jerman tentang unsur khas bahasa Jerman ini.

Melalui kajian yang dilakukan, beberapa faktor yang mewujudkan hubungan makna sinonim kata kerja bahasa Jerman telah dikenal pasti. Terdapat empat faktor kesemuanya yang telah mempengaruhi kewujudannya.

Jadual 5.2: Senarai Kata Kerja Mengikut Faktor-Faktor Kewujudan Sinonim

No.	Kata Kerja	Kata dan Frasa Sinonim	Faktor-Faktor
1.	i) <i>gehen</i> (no. 7/4.2.7)	<i>laufen</i>	Dialek
	ii) <i>kommen</i> (no.11/4.2.11)	<i>einlangen</i>	
2.	i) <i>können</i> (no. 1/4.2.1)	<i>verstehen, beherrschen</i>	Kolokasi
	ii) <i>liegen</i> (no. 13/4.2.13)	<i>sich aalen</i>	
	iii) <i>gelten</i> (no.16/4.2.16)	<i>gültig sein</i>	
	iv) <i>finden</i> (no. 18/4.2.18)	<i>entdecken, aufspüren</i>	
3.	i) <i>sagen</i> (no. 4/4.2.4)	<i>informieren</i>	Peminjaman Bahasa
	ii) <i>gehen</i> (no. 7/4.2.7)	<i>spazieren</i>	
	iii) <i>machen</i> (no. 8/4.2.8)	<i>produzieren</i>	
	iv) <i>heißen</i> (no. 12/4.2.12)	<i>titulieren</i>	
4.	i) <i>können</i> (no. 1/4.2.1)	<i>draufhaben</i>	Gaya dan Konteks
	ii) <i>sollen</i> (no. 2/4.2.2)	<i>müssen</i>	
	iii) <i>wollen</i> (no. 3/4.2.3)	<i>wünschen, möchten, begehren</i>	
	iv) <i>sagen</i> (no. 4/4.2.4)	<i>erklären</i>	
	v) <i>geben</i> (no. 5/4.2.5)	<i>reichen</i>	
	vi) <i>müssen</i> (no. 6/4.2.6)	<i>obliegen, gehalten sein</i>	
	vii) <i>lassen</i> (no. 7/4.2.7)	<i>gestatten, billigen</i>	
	viii) <i>stehen</i> (no. 10/4.2.10)	<i>lehnen, auf den Beinen oder Füßen sein, sich aufrecht halten</i>	
	ix) <i>sehen</i> (no. 14/4.2.14)	<i>erblicken</i>	
	x) <i>bleiben</i> (no. 15/4.2.15)	<i>verharren, weilen, verweilen</i>	
	xi) <i>gelten</i> (no. 16/4.2.16)	<i>in Kraft treten</i>	
	xii) <i>erklären</i> (no. 17/4.2.17)	<i>erläutern, zeigen, entwickeln</i>	
	xiii) <i>erhalten</i> (no. 19/4.2.19)	<i>kriegen</i>	
	xiv) <i>wissen</i> (no. 20/4.2.7)	<i>kennen, können, Bescheid wissen</i>	

Jadual di atas menunjukkan bahawa faktor gaya dan konteks merupakan faktor yang paling banyak melahirkan kata sinonim. Kemudian diikuti oleh faktor kolokasi dan peminjaman bahasa seterusnya faktor yang menjadi penyumbang paling sedikit ialah dialek.

Dalam kajian ini, jumlah kata kerja yang bersinonim yang disebabkan oleh faktor gaya dan konteks adalah sebanyak 14 patah. Setiap kata yang bersinonim dengan kata kerja tersebut dilihat terdapat dalam pelbagai gaya bahasa sama ada gaya bahasa formal, tidak formal, bahasa kolokial, bahasa pertuturan, bahasa lisan atau gaya bahasa yang menunjukkan kesopanan. Dari segi penggunaannya pula, setiap kata kerja dan kata sinonimnya dapat digunakan dalam pelbagai konteks dan keadaan yang tersendiri yang mendukung makna yang hampir sama.

Faktor kedua terbanyak yang mempengaruhi wujudnya sinonimi ialah faktor kolokasi dan peminjaman bahasa. Masing-masing telah menyumbang sebanyak empat kata terhadap kewujudan sinonimi kata kerja bahasa Jerman. Empat kata kerja di bawah faktor kolokasi ialah *können* (no. 1), *liegen* (no. 13), *gelten* (no. 16) dan *finden* (no. 18).

Seterusnya, empat kata kerja bersinonimi yang wujud disebabkan oleh faktor peminjaman bahasa pula ialah *informieren*, *spazieren*, *produzieren* dan *titulieren*. Keempat-empat kata kerja ini merupakan kata sinonim kepada kata kerja *sagen*, *gehen*, *machen* dan *heißen*. Asal keempat-empat kata kerja ini adalah daripada bahasa Latin. Dalam hal ini, bahasa Latin telah menjadi bahasa sumber kepada perkembangan perbendaharaan kata bahasa Jerman. Hal ini demikian kerana bahasa Latin merupakan bahasa kuno yang telah mencapai kegemilangannya selepas keruntuhan Kerajaan Rom pada akhir abad ke-5 dan bahasa ini telah menjadi bahasa lingua franca di Eropah terutamanya dalam bidang yang memerlukan hubungan sosialisasi dan interaksi yang merentasi sempadan masyarakat dan negara seperti bidang ekonomi, politik,

pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Akibatnya berlakulah pertembungan bahasa dan budaya serta kemasukan pengaruh asing yang memberi impak yang besar kepada penyerapan kosa kata pinjaman daripada pelbagai bahasa dan budaya dalam berbagai-bagai bidang.

Kegemilangan bahasa ini telah meninggalkan kesan yang mendalam di Eropah sehingga unsur-unsurnya masih boleh didapati dalam bahasa moden lain di benua tersebut misalnya bahasa Inggeris, bahasa Perancis termasuklah bahasa Jerman sendiri. Walaupun bahasa Jerman sudah mempunyai kata-kata atau istilahnya sendiri, namun akibat daripada keperluan penggunaan kata bahasa asing maka berlakulah peminjaman bahasa. Hal ini demikian kerana dalam keadaan dan konteks tertentu bahasa Jerman sendiri tidak boleh menyampaikan dan mengungkapkan makna yang dikehendaki disebabkan kekangan sempadan kebudayaan serta norma hidup yang berbeza-beza dan terbatas antara masyarakat.

Penyumbang terakhir terhadap kewujudan sinonimi kata kerja bahasa Jerman ialah dialek. Dalam kajian ini, terdapat dua kata kerja di bawah faktor ini. Kata kerja tersebut ialah *laufen* dan *einlangen* yang merupakan kata sinonim kepada kata kerja *gehen* dan *kommen*. Keadaan ini menunjukkan bahawa selain daripada bahasa standard, penduduk di negara Jerman juga turut menggunakan dialek masing-masing yang mempunyai makna yang hampir sama dengan bahasa standard dalam komunikasi harian mereka.

Setiap 20 kata kerja yang dibincangkan dalam kajian ini bersama kata sinonim masing-masing wujud disebabkan oleh satu daripada empat faktor yang telah dikenal pasti. Namun, terdapat juga beberapa kata kerja dan kata sinonimnya yang wujud disebabkan oleh lebih daripada satu faktor. Hal ini demikian kerana terdapat pertindihan

faktor bagi beberapa kata kerja tersebut. Jadual 5.3 di bawah menunjukkan senarai kata kerja bersama kata sinonimnya.

Jadual 5.3: Kata Kerja Bersinonim dan Faktor-Faktor Penyebab Kewujudannya

No.	Kata Kerja	Kata dan Frasa Sinonim	Faktor-Faktor
1.	<i>gehen</i>	<i>laufen</i>	Dialek
		<i>spazieren</i>	Peminjaman bahasa
2.	<i>sagen</i>	<i>informieren</i>	Peminjaman bahasa
		<i>erklären</i>	Gaya dan konteks
3.	<i>können</i>	<i>verstehen, beherrschen</i>	Kolokasi
		<i>draufhaben</i>	Gaya dan konteks
4.	<i>gelten</i>	<i>gültig sein</i>	Kolokasi
		<i>in Kraft treten</i>	Gaya dan konteks

Keempat-empat kata kerja di atas dan kata sinonimnya wujud disebabkan oleh dua faktor yang berbeza. Kata kerja *gehen* dan kata sinonimnya wujud disebabkan oleh faktor dialek dan peminjaman bahasa. Kata kerja *sagen* dan kata sinonimnya pula wujud disebabkan oleh faktor peminjaman bahasa, gaya dan konteks. Seterusnya kata kerja *können* dan *gelten* bersama kata sinonim masing-masing wujud disebabkan oleh faktor kolokasi, gaya dan konteks.

5.2 Implikasi Dapatan Kajian

Kajian terhadap hubungan makna sinonim ini sememangnya memberi implikasi positif terhadap semua peringkat pengguna bahasa Jerman sama ada kepada penutur asli, penutur bukan asli, pengajar mahupun pelajar bahasa Jerman. Bagi penutur asli bahasa Jerman, kesan positif tersebut ialah hasil kajian ini dapat membantu mereka menggunakan kata kerja dan kata sinonimnya dalam bahasa Jerman dengan tepat dan

berkesan mengikut konteks penggunaannya yang bersesuaian. Sebagaimana yang telah diketahui umum, negara Jerman telah melahirkan ramai penyajak, penyair, penulis dan ahli falsafah terkenal. Golongan ini tentunya bukan sahaja menggunakan istilah dan kata-kata bahasa Jerman dengan tepat malah juga menggunakan kata-kata puitis yang menarik dengan pelbagai variasi bagi merujuk makna yang sama. Oleh itu, kajian ini dapat membantu penutur asli dari kalangan rakyat biasa untuk turut menggunakan kata kerja dan kata sinonimnya sama ada yang berbentuk kata atau frasa agar penyampaian mereka lebih bervariasi dan menarik supaya tidak membosankan dan tidak terlalu biasa atau lazim digunakan.

Selain itu, hasil kajian ini juga dapat menggalakkan mereka menggunakan kata kerja bahasa Jerman yang pelbagai dan lebih tinggi tahap standardnya berbanding hanya menggunakan kata kerja bahasa Jerman yang umum atau biasa. Di samping itu, dapatan kajian ini juga dapat membantu mereka membezakan jenis-jenis gaya bahasa yang terdapat dalam bahasa Jerman seperti gaya bahasa formal, gaya bahasa tidak formal, bahasa perbualan atau lisan, bahasa penulisan dan sebagainya untuk diterapkan dan dipraktikkan dalam penggunaan bahasa Jerman seharian.

Selain kepada penutur asli bahasa Jerman, hasil kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Jerman. Antaranya dapat membantu pengajar, pelajar dan penutur bukan asli mengetahui bahawa setiap kata kerja bahasa Jerman seperti juga kebanyakan bahasa lain mempunyai banyak kata yang bersinonimi atau mempunyai hubungan makna yang hampir sama. Oleh itu, keadaan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka untuk menyusun perbendaharaan kata bahasa Jerman khususnya kata kerja mengikut kumpulan tertentu atau dengan kata lain mereka dapat mengetahui medan semantik bagi setiap kata kerja tersebut.

Hubungan makna sinonim ini merupakan satu kajian ke atas bidang makna dan leksikologi. Oleh itu, kajian yang sangat penting ini dapat membantu pengajar, pelajar dan penutur bukan asli memperkaya perbendaharaan kata mereka. Hal ini demikian kerana melalui kajian ini, sejumlah kata kerja yang kata sinonimnya terdiri daripada kata kerja dan frasa kerja telah dikenal pasti, disenaraikan dan dianalisis maknanya berdasarkan konteks penggunaannya yang tepat. Oleh hal yang demikian, kaedah ini dapat dijadikan panduan kepada mereka untuk mengkategorikan pula kata-kata dalam bahasa Jerman berdasarkan hubungan makna yang lain seperti antonim, polisemi, hiponim dan sebagainya. Kaedah ini merupakan satu strategi pembelajaran berkesan yang harus diguna pakai.

Penghuraian cara penggunaan yang padat dan terperinci bersama contoh-contoh serta maklumat tambahan ke atas setiap kata kerja dan kata sinonimnya dapat membantu pengajar, pelajar dan penutur bukan asli memahami setiap kata kerja dan kata sinonimnya dengan lebih tepat dan mendalam. Oleh itu, maklumat ini dapat membantu mereka bukan sahaja untuk mengetahui makna kata tersebut malah dapat memahami makna konteksnya. Penghuraian dengan cara mengemukakan contoh-contoh ayat dan terjemahannya dapat membantu meningkatkan pemahaman mereka ke atas setiap kata tersebut. Dengan demikian, cara ini dapat mengingatkan dan menyedarkan mereka bahawa mereka perlu berhati-hati semasa menggunakan kata-kata yang bersinonimi. Hal ini demikian kerana kata-kata tersebut mempunyai had dan batasan makna serta konteks tertentu yang tersendiri dan pengetahuan ini juga sangat penting dalam bidang penterjemahan untuk menghasilkan terjemahan yang tepat dan berkesan.

Berkenaan bidang penterjemahan, menurut Abdullah dan Ainon (2001: 157-160), salah satu konsep dalam teori makna yang boleh dijadikan panduan dalam teori terjemahan ialah konsep sinonim. Dalam tiap-tiap bahasa, terdapat kata-kata yang mempunyai makna rujukan yang sama. Sebagai contoh tingkap dan jendela. Begitu juga

telaga dan perigi mempunyai makna rujukan yang sama yang dikenali sebagai kata seerti atau sinonim. Oleh itu, penterjemah mempunyai pilihan semasa menggunakan kata-kata tersebut. Walaupun kata-kata tersebut dikatakan mempunyai makna yang sama namun maknanya tidaklah seratus peratus sama. Oleh itu, penterjemah perlu membuat pemilihan kata yang tepat dan sesuai semasa menterjemah.

Melalui hasil kajian ini, pengajar, pelajar dan penutur bukan asli juga dapat mengenali kata-kata pinjaman yang wujud dalam bahasa Jerman. Mereka dapat mengetahui asal-usul kata-kata tersebut, makna dan konteks penggunaannya berbanding dengan kata-kata asli bahasa Jerman yang bersinonimi dengannya serta gaya bahasa kata-kata tersebut digunakan sama ada dalam bahasa perbualan atau lisan, penulisan, formal atau tidak formal.

Kesopanan berbahasa turut dikaitkan dalam kajian ini melalui penghuraian dan penggunaan bentuk *Konjunktiv* dan jenis-jenis gaya bahasa dapat membantu pengajar, pelajar dan penutur bukan asli menggunakan bahasa Jerman dengan cara yang sopan dan mengikut gaya bahasa yang betul misalnya gaya bahasa formal, tidak formal, bahasa perbualan atau lisan, bahasa penulisan dan sebagainya.

Seterusnya, melalui perbincangan tentang faktor-faktor yang mewujudkan sinonimi pula, pengguna bahasa Jerman dapat menyedari bahawa sebenarnya kewujudan setiap kata sinonim dalam bahasa Jerman adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Dalam dapatan kajian ini, terdapat empat faktor yang dibincangkan, iaitu faktor dialek, peminjaman bahasa, kolokasi, gaya dan konteks. Dengan itu, pengguna bahasa Jerman dapat mengetahui bahawa pelbagai dialek dan kata pinjaman yang dibawa masuk ke dalam bahasa Jerman telah melahirkan banyak kata sinonim. Begitu juga dengan kolokasi, gaya dan konteks yang turut banyak menyumbang ke arah ini.

5.3 Kajian Lanjutan

Pada mulanya pengkaji berhasrat untuk membuat kajian ini dengan menyertakan satu contoh ayat yang mempunyai maksud yang sama bagi setiap kata kerja dan juga kata sinonimnya. Contoh-contoh ayat yang akan dikemukakan akan menunjukkan hubungan saling boleh bertukar ganti. Contohnya adalah seperti yang berikut:

- a) *Die Leute liegen in der Sonne.*
- b) *Die Leute aalen sich in der Sonne.*
- c) *Die Leute ruhen in der Sonne.*

Dalam contoh yang diberikan, kata kerja *liegen* dan *sich aalen* boleh saling bertukar ganti. Ayat (a) bermaksud orang ramai sedang berbaring di bawah sinaran matahari manakala ayat (b) pula bermaksud orang ramai sedang berjemur di bawah sinaran matahari. Ayat (b) menggunakan kata kerja yang lebih tepat berbanding dengan ayat (a) yang menggunakan kata kerja yang membawa maksud lebih umum yang hanya boleh difahami berdasarkan konteks ayat. Bagi ayat (c) pula, dari segi susunan ayat dan tatabahasa bahasa Jerman, ayat ini tidak mempunyai sebarang kesalahan. Namun, dari segi makna, kata kerja ini lebih menekankan maksud berehat berbanding berjemur. Hal ini demikian kerana kata kerja *ruhen* membawa maksud berehat, iaitu merehatkan separuh badan atau seluruh badan akibat keletihan. Bagi pengkaji, kaedah ini sangat sesuai digunakan untuk menunjukkan cara penggunaan setiap kata kerja tersebut dengan lebih jelas dan juga bagi menentukan sama ada setiap kata kerja tersebut dan kata sinonimnya boleh bertukar ganti atau sebaliknya.

Walaupun bagaimanapun, pengkaji tidak mampu untuk menggunakan kaedah ini kerana tahap pengetahuan dan pemahaman pengkaji terhadap perkataan bahasa Jerman adalah terhad dan tidak mendalam. Walaupun pengkaji boleh meminta bantuan daripada

penutur asli bahasa Jerman, namun cara demikian bukanlah hasil usaha pengkaji sendiri sepenuhnya. Oleh hal yang demikian, pengkaji bercadang supaya kajian yang menggunakan kaedah ini dilakukan sebagai kajian lanjutan.

Kajian ini menganalisis kata kerja yang diambil daripada senarai frekuensi kata bahasa Jerman. Kata sinonim dengan setiap kata kerja tersebut sangat banyak. Namun, tiada senarai frekuensi kata yang bersinonimi bagi setiap kata kerja tersebut yang boleh dirujuk semasa pemilihan data kajian. Oleh hal yang demikian, sebagai kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan supaya pengkaji lain mengkaji dan menghasilkan senarai frekuensi kata bersinonimi bahasa Jerman, iaitu kata-kata bersinonimi yang kerap muncul atau yang paling tinggi kadar penggunaannya.

Kajian ke atas hubungan sinonim yang dilakukan ini hanyalah berasaskan kepada satu golongan kata sahaja. Oleh itu, sebagai kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan banyak lagi golongan kata lain diberi perhatian seperti golongan kata nama, kata sifat dan kata adverba. Selain itu, aspek-aspek lain seperti kiasan, peribahasa dan sebagainya juga boleh diteliti. Fungsi setiap golongan kata adalah berlainan. Oleh itu, bentuk dan corak sinonimnya juga berbeza. Faktor-faktor yang mempengaruhi kemunculan sinonim bagi golongan kata yang lain juga mungkin boleh dikenal pasti.

Seterusnya, dicadangkan juga supaya kajian yang akan dijalankan, dilakukan terus ke atas faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya hubungan sinonim dengan menyertakan beberapa contoh perkataan bagi setiap faktor tersebut berserta huraian berkenaan konteks penggunaannya.

Selain itu, pengkaji juga boleh meneruskan kajian ini dengan melakukan kajian lapangan. Orang awam atau pelajar boleh dijadikan sampel kajian. Beberapa kaedah seperti mengemukakan soal selidik, temu bual dan rakaman boleh digunakan. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji akan dapat mengesan kesalahan dan ketepatan

sampel-sampel kajian menggunakan kata-kata yang bersinonimi. Hasilnya, kajian ini dapat membantu pengkaji dan pembaca mengetahui fungsi dan penggunaan variasi kata kerja bahasa Jerman dan kata sinonimnya dengan lebih tepat. Kemudian, dengan cara membandingkan hasil kajian dengan kamus dan dengan menilai semula hasil kajian, ketepatan dan kesesuaian penggunaan kata-kata tersebut dapat dipastikan. Seterusnya, pengetahuan ini dapat mengelakkan pengguna bahasa Jerman dari melakukan pemilihan kata yang tidak tepat dan pemilihan kata yang dibuat akan lebih bersesuaian dengan maksud yang dikehendaki.

Pengkaji-pengkaji lain juga boleh meneruskan kajian ini dengan melakukan perbandingan hubungan sinonim antara dua bahasa yang berlainan yang berada dalam satu keluarga bahasa contohnya antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, bahasa Jerman dan bahasa Inggeris dan sebagainya. Perbezaan antara dua bahasa walaupun berada di bawah rumpun yang sama kadangkala mempunyai fungsi dan konteks penggunaan yang berbeza bagi perbendaharaan kata yang sama. Begitu juga dengan bahasa yang dipinjam oleh bahasa lain kadang-kadang mengalami keadaan yang sama. Oleh itu, kajian seperti ini membolehkan pengkaji mahir menggunakan kosa kata dalam dua bahasa.

Selain itu, sebagai kajian lanjutan, turut dicadangkan kepada pengkaji-pengkaji lain menjalankan penyelidikan ke atas hubungan makna yang lain pula seperti antonim, polisemi, hiponim, homograf dan homofon. Hal ini demikian kerana kajian seperti ini dapat membantu pengkaji dan pembaca mengumpulkan item-item leksikal terutamanya perbendaharaan kata bahasa Jerman di bawah kumpulan leksikon yang sama berdasarkan hubungan makna tersebut. Dengan demikian, mereka dapat memperkaya kosa kata mereka dalam bahasa Jerman.

Seterusnya, pengkaji juga mencadangkan kepada pengkaji-pengkaji pada masa hadapan supaya meluaskan kajian mereka dalam aspek semantik dengan cara menyenaraikan fitur-fitur makna bagi setiap kata kerja dan kata sinonimnya. Dengan cara ini, pengguna bahasa dapat mengetahui sejauh mana kesamaan makna bagi setiap item leksikal tersebut secara lebih mendalam dan terperinci.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1994). *Bahasa Melayu untuk Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan (1986). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2001). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Mahmood. (2006). Makna di Sebalik Makna. *Dewan Bahasa*, April, 44-49
- Akmajian, A. *et al.* (1995). *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. (Penterjemah Aishah Mahdi & Azizah Hussein). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Akmajian, A., Demers, R.A., Farmer, A.K. & Harnish, R.M. (2010). *Linguistics: An Introduction to Language and Communication*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Aksan, D. (2000). *Her Yönüyle: Dil, Ana Çizgileriyle Dilbilim*. Ankara: Özkan Matbaacılık.
- Asmah Haji Omar (1982). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asmah Haji Omar (2008). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Aufderstraße, H., Bock, H., Gerdes, M., Müller, J. & Müller, H. (1992). *Themen neu 1, Lehrwerk für Deutsch als Fremdsprache, Kursbuch*. Ismaning: Max Hueber Verlag.
- Aufderstraße, H., Bock, H., Müller, J. & Müller, H. (1993). *Themen neu 2, Lehrwerk für Deutsch als Fremdsprache, Kursbuch*. Ismaning: Max Hueber Verlag.
- Aufderstraße, H., Bönzli, W. & Lohfert, W. (1992). *Themen neu 3, Lehrwerk für Deutsch als Fremdsprache, Kursbuch*. Ismaning: Max Hueber Verlag.
- Brennan, H. (1992). Peminjaman Leksikal dalam Bahasa Melayu. (Penterjemah Asiah Idris). *Jurnal Dewan Bahasa*, Jun, 552-565.
- Brennan, H. (1996). Loghat Langkawi: Satu Kajian Awal. *Jurnal Dewan Bahasa*, Julai, 628-633.
- Cann, R. (1993). *Formal Semantics: an Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Kaedah Penyelidikan-Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

- Drosdowski, G., Gelhaus, H., Gipper, H., Mangold, M., Sitta, H., Wellmann, H. & Winkler, C. (1984). *Die Grammatik*. Mannheim: Dudenverlag.
- Ernst, P. (2004). *Germanistische Sprachwissenschaft*. Wien: UTB basics.
- Comrie, B. (Ed.) (1998). Bahasa Jerman. Dalam *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. (Penterjemah Aishah Mohd. *et al.*). (21, hlm. 224-237). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fandrych, C. (2000). *Klipp und Klar, Übungsgrammatik Grundstufe Deutsch in 99 Schritten*. Stuttgart: Ernst Klett International.
- Finegan, E. (2004). *Language: Its Structure and Use*. (4th ed.) Boston: Thomson Wadsworth.
- Fromkin, V. dan Rodman, R. (1998). *An Introduction to Language*. (6th ed.) USA: Harcourt Brace College.
- Hishamudin & Norsimah (2011). Analisis Berasaskan Korpus Dalam Menstruktur Semula Kedudukan Makna Teras Leksikal Setia. *Online™ Journal of Language Studies* 143 Vol 11(1) 2011 ISSN: 1675-8021. Dilayari pada 5 November 2012. http://www.ukm.my/ppbl/Gema/GEMA%20vol%2011%20%281%29%202011/pp143_158.pdfGEMA
- Indirawati Zahid (2003). Semantik Leksikal: Penjenisan dan Hubungan Makna. *Dewan Bahasa, Ogos*, 29-35.
- Johnson, S. (1998). *Exploring the German Language*. London: Arnold.
- Kamaruddin Haji Husin (1995). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kessel, K. & Reimann, S. (2005). *Basiswissen Deutsche Gegenwartssprache*. Tübingen: A. Francke Verlag Tübingen und Basel.
- Kiran, Z. & Kiran, A. (2001). *Dilbilme Giriş*. Ankara: Seçkin.
- Lau, S. H. (2007). *Kajian tentang Variasi Leksis Bahasa Cina di Malaysia*. Disertasi (M.M.L.S.)-Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- McEnery, T., Xiao, R. & Tonio, Y. (2006). *Corpus-based language studies: An advanced resource book*. New York: Routledge,
- McEnery, T. & Hardie, A. (2011). *Corpus Linguistics: Method, Theory and Praticce*. Cambridge, New York: Cambridge University Press.
- Nathesan, S. (2001). Semantik dalam Bahasa Melayu: Satu Pandangan Komprehensif. *Dewan Bahasa, September*, 21-28.
- Niebisch, D. (2006) *Deutsch als Fremdsprache, Schritte 1 international*. Ismaning: Max Hueber Verlag.

- Nik Safiah Karim (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Palmer F. R. (1976). *Semantics A New Outline*. London: Cambridge University Press.
- Palmer F. R. (1981). *Semantics*. (2nd ed.) Cambridge: Cambridge University Press.
- Palmer, F. R. (1992). *Semantik*. (Penterjemah Abdullah Hassan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sabariah Muhamad (2007). *Kajian Perhubungan Makna Sinonimi dalam Leksis Bahasa Jepun: Satu Kajian Leksikologi*. Disertasi (M.M.L.S.) - Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Saeed, John I. (2003). *Semantics*. Oxford: Blackwell.
- Schmitz, W. (1967). *Übungen zu Präpositionen und Synonymen Verben*. München: Max Hueber Verlag.
- Schunk, G. (2002). *Studienbuch zur Einführung in die Deutsche Sprachwissenschaft. Vom Laut zum Wort*. Würzburg: Königshausen & Neumann.
- Siti Nurfiza Abdul Alahdad (2007). *Penguasaan Kata Nama Sinonim Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Semantik*. Disertasi (M.M.L.S.)-Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Stubbs, M. (2002). *Words and Phrases, Corpus Studies of Lexical Semantics*. Oxford: Blackwell.
- Ullmann, S. (1962). *Semantics An Introduction to the Science of Meaning*. Oxford: Basil Blackwell.

Kamus

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2003). *Kamus Seerti Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Collins German Dictionary Plus Grammar* (1997). Glasgow: HarperCollins Publishers.
- Das Herkunftswörterbuch. Etymologie der deutschen Sprache* (1989). Mannheim: Dudenverlag.
- Das Synonymwörterbuch. Ein Wörterbuch sinnverwandter Wörter* (3. Aufl.) [CD-ROM] (2004). Mannheim: Duden.
- Der kleine Duden. Fremdwörter* (2001). Mannheim: Dudenverlag.
- Der kleine Duden. Der passende Ausdruck. Ein Synonymwörterbuch für die Wortwahl* (2001). Mannheim: Dudenverlag.
- Deutsch Synonyme, bedeutungsgleiche Wörter, Redewendungen* (2008). München: Compact Verlag.
- Die Sinn-und sachverwandten Wörter* (1972). Mannheim: Dudenverlag.
- Farrell, R. B. (1971). *Dictionary of German Synonyms* (2nd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Harimurti Kridalaksana (1982). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Hawkins, J. M. (1991). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hueber Wörterbuch Deutsch als Fremdsprache* (2006). Ismaning: Max Hueber Verlag.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* (1984). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik* (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu* (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koç, N. (1992). *Açıklamalı, Dilbilgisi Terimleri Sözlüğü*. İstanbul: İnkılap Kitabevi.
- Großwörterbuch Deutsch als Fremdsprache. Das neue einsprachige Wörterbuch für Deutschlernende* (1993). Berlin: Langenscheidt.
- Meyers Jugend Lexikon* (1991). Mannheim: Meyers Lexikonverlag.
- Oxford-Duden German Dictionary, German-English/English-German* (2001). Oxford: University Press.

Pons Großwörterbuch: Deutsch als Fremdsprache (2004). Stuttgart: Ernst Klett Sprachen GmbH

Schüler Duden. Die richtige Wortwahl (1990). Mannheim: Dudenverlag.

Laman Web

Word Frequency in German – *Worthäufigkeit*

Dilayani pada 20 Jun 2010

<http://german.about.com/library/blwfreq01.htm>

Richter, H. (2012). A Short History of the German Language

Dilayani pada 15 Julai 2010

<http://hhr-m.userweb.mwn.de/de-history/>

German language in Europe

Dilayani pada 20 Ogos 2010

http://en.wikipedia.org/wiki/German_language

German language. History of German

Dilayani pada 16 Jun 2011

<http://www.infoplease.com/ce6/society/A0858391.html>

German Language History

Dilayani pada 18 Ogos 2011

<http://www.germanlanguageguide.com/german/facts/history/GERMAN\LANGUAGE HISTORY>

Deutsche Dialekte

Dilayani pada 1 Julai 2012

<http://webgerman.com/german/dialects/#erzgebirge>

Statistical snapshot of European Museums (2011)

Dilayani pada 5 Julai 2012

<http://reganforrest.com/2011/10/statistical-snapshot-of-european-museums/>

60 Jahre Goethe-Institut

Dilayani pada 8 Julai 2012

<http://www.goethe.de/uun/prj/60j/zre/enindex.html>

Institutes in Germany

Dilayani pada 10 Julai 2012

<http://www.goethe.de/uun/adr/deu/deu/enindex.htm>

Brief Description

Dilayani pada 14 Julai 2012

<http://www.daad.de/portrait/wer-wir-sind/kurzportrait/08940.en.html>

Deutsch lernen
Dilayari pada 20 Julai 2012
<http://www.dw.de/deutsch-lernen/s-2055>

Wo in der Welt wird deutsch gesprochen? Weltweit zu hören – die deutsche Sprache.
Dilayari pada 25 Julai 2012
http://www.hausderdeutschensprache.eu/index.php?option=com_content&task=view&id=13&Itemid=9

ALG - Programme Details
Dilayari pada 1 Ogos 2012
<http://intec.uitm.edu.my/programmes/a-level-programme/106-alg-programme-details-.html>

German A-Level Preparatory Program
Dilayari pada 19 Ogos 2012
<http://www.gmi.edu.my/ourbusiness-gapp.php>

German Language (Carl Duisberg Centren, Germany)
Dilayari pada 28 Ogos 2012
<http://www.kbu.edu.my/schools-centres/language/german-language-carl-duisberg-centren-germany/>

Welcome to the website of German School Kuala Lumpur!
Dilayari pada 5 September 2012
<http://www.dskl.edu.my/de>

Studying in Germany
Dilayari pada 10 September 2012
<http://www.goethe.de/ins/my/kua/wis/stu/enindex.htm>

Deutsch – eine attraktive Fremdsprache
Dilayari pada 15 September 2012
<http://www.tatsachen-ueber-deutschland.de/de/kultur-medien/main-content-09/deutsch-als-fremdsprache.html>

Internet Statistics: Distribution of languages on the Internet (2002)
Dilayari pada 20 September 2012
<http://www.netz-tipp.de/languages.html>

Why learn German? 10 Reasons to Learn German (2002)
Dilayari pada 26 September 2012
<http://www.horizonte.com/en-german-courses/why-learn-german>

List of German Companies
Dilayari pada 28 September 2012
<http://www.goethe.de/mmo/priv/7618032-STANDARD.pdf>

Malaysia Tourist Arrivals by Country of Nationality September 2012
Dilayari pada 1 Oktober 2012
http://corporate.tourism.gov.my/images/research/pdf/2012/Tourist_Arrivals_Sept_2012.pdf

Ten Reasons to Learn German
Dilayani pada 5 Oktober 2012
<http://www.goethe.de/lrn/prj/zgd/en867247.htm>

Heinrich Heine: Buch der Lieder. Die Heimkehr
Dilayani pada 11 Oktober 2012
<http://www.staff.uni-mainz.de/pommeren/Gedichte/BdL/Heimk-55.html>.

Program Kembar Bahasa Jerman
Dilayani pada 16 November 2012
<http://www.moe.gov.my/jpnpahang/v4/index.php/ms/sekolah/guru/987-bakal-guru/496-laluan-perguruan.html>

Personalpronomen
Dilayani pada 11 Januari 2013
<http://de.wikipedia.org/wiki/Personalpronomen>

Surat Khabar/ Surat Khabar Online

Arni Abdul Razak (2005, April 17). German's not hard. *New Sunday Times*, p. 19.

Dilayani pada 21 Januari 2012
<http://www.gazetem.de/news/986/auslaendische-abschluesse-werden-schneller-anerkannt.html>

KORPUS DATA MENTAH

SENARAI FREKUENSI KATA KERJA BAHASA JERMAN (1/6)

No.	Kata Kerja	No.	Kata Kerja
1.	<i>ist</i>	19.	<i>gibt</i>
2.	<i>werden</i>	20.	<i>muss</i> ⁹
3.	<i>hat</i>	21.	<i>wurden</i>
4.	<i>wird</i>	22.	<i>waren</i>
5.	<i>sind</i>	23.	<i>müssen</i>
6.	<i>war</i>	24.	<i>seien</i>
7.	<i>haben</i>	25.	<i>werde</i>
8.	<i>sein</i>	26.	<i>sagt</i>
9.	<i>wurde</i>	27.	<i>sollen</i>
10.	<i>sei</i>	28.	<i>geht</i>
11.	<i>hatte</i>	29.	<i>wollen</i>
12.	<i>kann</i>	30.	<i>hatten</i>
13.	<i>können</i>	31.	<i>machen</i>
14.	<i>habe</i>	32.	<i>lassen</i>
15.	<i>soll</i>	33.	<i>steht</i>
16.	<i>worden</i>	34.	<i>wäre</i>
17.	<i>will</i>	35.	<i>kommt</i>
18.	<i>sagte</i>	36.	<i>könnte</i>

Sumber: <http://german.about.com/library/weekly/aa041601a.htm>

⁹ Kata kerja *muss* dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman menggunakan ejaan lama, iaitu *muß*. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggantikannya dengan sistem ejaan bahasa Jerman baharu.

KORPUS DATA MENTAH

SENARAI FREKUENSI KATA KERJA BAHASA JERMAN (2/6)

No.	Kata Kerja	No.	Kata Kerja
37.	<i>hätten</i>	56.	<i>bleibt</i>
38.	<i>kommen</i>	57.	<i>gemacht</i>
39.	<i>sollte</i>	58.	<i>gehen</i>
40.	<i>würde</i>	59.	<i>wollte</i>
41.	<i>konnte</i>	60.	<i>gilt</i>
42.	<i>würden</i>	61.	<i>erklärte</i>
43.	<i>stehen</i>	62.	<i>müsse</i>
44.	<i>heißt</i>	63.	<i>könnten</i>
45.	<i>gewesen</i>	64.	<i>finden</i>
46.	<i>gab</i>	65.	<i>erhalten</i>
47.	<i>liegt</i>	66.	<i>bleiben</i>
48.	<i>geben</i>	67.	<i>weiß</i>
49.	<i>hätte</i>	68.	<i>sollten</i>
50.	<i>sieht</i>	69.	<i>geworden</i>
51.	<i>sehen</i>	70.	<i>gehört</i>
52.	<i>macht</i>	71.	<i>hält</i>
53.	<i>lässt</i>	72.	<i>zeigt</i>
54.	<i>könne</i>	73.	<i>musste</i> ¹⁰
55.	<i>kam</i>	74.	<i>ging</i>

Sumber: <http://german.about.com/library/weekly/aa041601a.htm>

¹⁰ Kata kerja *musste* dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman menggunakan ejaan lama, iaitu *mußte*. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggantikannya dengan sistem ejaan bahasa Jerman baharu.

KORPUS DATA MENTAH

SENARAI FREKUENSI KATA KERJA BAHASA JERMAN (3/6)

No.	Kata Kerja	No.	Kata Kerja
75.	<i>darf</i>	94.	<i>bekommen</i>
76.	<i>erklärt</i>	95.	<i>gekommen</i>
77.	<i>halten</i>	96.	<i>führt</i>
78.	<i>nehmen</i>	97.	<i>meint</i>
79.	<i>sagen</i>	98.	<i>erreicht</i>
80.	<i>tun</i>	99.	<i>dürfen</i>
81.	<i>bringen</i>	100.	<i>spielen</i>
82.	<i>wissen</i>	101.	<i>müssten</i> ¹¹
83.	<i>findet</i>	102.	<i>hieß</i>
84.	<i>scheint</i>	103.	<i>gebracht</i>
85.	<i>bin</i>	104.	<i>besteht</i>
86.	<i>liegen</i>	105.	<i>machte</i>
87.	<i>stellt</i>	106.	<i>bietet</i>
88.	<i>gegeben</i>	107.	<i>gehören</i>
89.	<i>ließ</i>	108.	<i>zeigen</i>
90.	<i>stellen</i>	109.	<i>setzt</i>
91.	<i>erwartet</i>	110.	<i>möchte</i>
92.	<i>führen</i>	111.	<i>wolle</i>
93.	<i>konnten</i>	112.	<i>nimmt</i>

Sumber: <http://german.about.com/library/weekly/aa041601a.htm>

¹¹ Kata kerja *müssten* dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman menggunakan ejaan lama, iaitu *müßten*. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggantikannya dengan sistem ejaan bahasa Jerman baharu.

KORPUS DATA MENTAH

SENARAI FREKUENSI KATA KERJA BAHASA JERMAN (4/6)

No.	Kata Kerja	No.	Kata Kerja
113.	<i>leben</i>	131.	<i>dürfte</i>
114.	<i>gebe</i>	132.	<i>schaffen</i>
115.	<i>gestellt</i>	133.	<i>kamen</i>
116.	<i>gefunden</i>	134.	<i>geführt</i>
117.	<i>stand</i>	135.	<i>genommen</i>
118.	<i>versucht</i>	136.	<i>gleichen</i>
119.	<i>blieb</i>	137.	<i>stellte</i>
120.	<i>arbeiten</i>	138.	<i>gesagt</i>
121.	<i>berichtet</i>	139.	<i>handelt</i>
122.	<i>wollten</i>	140.	<i>lag</i>
123.	<i>beginnt</i>	141.	<i>sprach</i>
124.	<i>spielt</i>	142.	<i>entwickelt</i>
125.	<i>verloren</i>	143.	<i>fand</i>
126.	<i>erreichen</i>	144.	<i>bringt</i>
127.	<i>setzen</i>	145.	<i>erzählt</i>
128.	<i>spricht</i>	146.	<i>gesehen</i>
129.	<i>teilte</i>	147.	<i>forderte</i>
130.	<i>solle</i>	148.	<i>meinte</i>

Sumber: <http://german.about.com/library/weekly/aa041601a.htm>

KORPUS DATA MENTAH

SENARAI FREKUENSI KATA KERJA BAHASA JERMAN (5/6)

No.	Kata Kerja	No.	Kata Kerja
149.	<i>mag</i>	167.	<i>erwarten</i>
150.	<i>verletzt</i>	168.	<i>läuft</i>
151.	<i>mussten</i> ¹²	169.	<i>fordert</i>
152.	<i>braucht</i>	170.	<i>ist</i>
153.	<i>sprechen</i>	171.	<i>wählen</i>
154.	<i>geplant</i>	172.	<i>gewinnen</i>
155.	<i>nahm</i>	173.	<i>bieten</i>
156.	<i>bedeutet</i>	174.	<i>betonte</i>
157.	<i>gesetzt</i>	175.	<i>suchen</i>
158.	<i>ziehen</i>	176.	<i>entscheiden</i>
159.	<i>berichtete</i>	177.	<i>genannt</i>
160.	<i>rechnen</i>	178.	<i>tragen</i>
161.	<i>fällt</i>	179.	<i>übernehmen</i>
162.	<i>wären</i>	180.	<i>zeigte</i>
163.	<i>verlassen</i>	181.	<i>geplanten</i> ¹³
164.	<i>ändern</i>	182.	<i>verhindern</i>
165.	<i>entschieden</i>	183.	<i>begann</i>
166.	<i>gelten</i>	184.	<i>verkauft</i>

Sumber: <http://german.about.com/library/weekly/aa041601a.htm>

¹² Kata kerja *mussten* dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman menggunakan ejaan lama, iaitu *mußten*. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggantikannya dengan sistem ejaan bahasa Jerman baharu.

¹³ *Partizip II* bagi *planen* ialah *geplant* (no. 154). Kata kerja *geplanten* juga berasal daripada kata infinitif *planen*. Contohnya *geplanten* digunakan dalam ayat 'Er hat den geplanten Auftrag nicht erledigt'. *Geplanten* dalam ayat ini berfungsi sebagai adjektif.

KORPUS DATA MENTAH

SENARAI FREKUENSI KATA KERJA BAHASA JERMAN (6/6)

No.	Kata Kerja	No.	Kata Kerja
185.	<i>sah</i>		
186.	<i>verwendet</i>		
187.	<i>helfen</i>		
188.	<i>bezeichnet</i>		

Sumber: <http://german.about.com/library/weekly/aa041601a.htm>

SENARAI KATA KERJA FUNGSI BAHASA JERMAN (1/2)

No.	Item Leksikal	No.	Item Leksikal
1.	<i>kann, können, könnte, konnte, könne, könnten, konnten</i>	20.	<i>weiß, wissen</i>
2.	<i>soll, sollen, sollte, sollten, solle</i>	21.	<i>gehört, gehören</i>
3.	<i>will, wollen, wollt, wolle, wollten</i>	22.	<i>halt</i>
4.	<i>sagte, sagt, sagen, gesagt</i>	23.	<i>zeigt, zeigen, zeigte</i>
5.	<i>gibt, gab, geben, gegeben, gebe</i>	24.	<i>darf, dürfen, dürfte</i>
6.	<i>muss, müssen, müsse, musste, mussten, müsst¹⁴</i>	25.	<i>tun</i>
7.	<i>geht, gehen, ging</i>	26.	<i>bringen, gebracht, bringt</i>
8.	<i>machen, macht, gemacht machte</i>	27.	<i>scheint</i>
9.	<i>lassen, lässt, ließ</i>	28.	<i>stellt, stellen, gestellt, stellte</i>
10.	<i>steht, stehen, stand</i>	29.	<i>erwartet, erwarten</i>
11.	<i>kommt, kommen, kam, gekommen, kamen</i>	30.	<i>führen, führt, geführt</i>
12.	<i>heißt, hieß</i>	31.	<i>bekommen</i>
13.	<i>liegt, liegen, lag</i>	32.	<i>meint, meinte</i>
14.	<i>sieht, sehen, gesehen, sah</i>	33.	<i>erreicht, erreichen</i>
15.	<i>bleibt, bleiben, blieb</i>	34.	<i>spielen, spielt</i>
16.	<i>gilt, gelten</i>	35.	<i>besteht</i>
17.	<i>erklärte, erklärt</i>	36.	<i>bietet, bieten</i>
18.	<i>finden, findet, gefunden, fand</i>	37.	<i>setzt, setzen, gesetzt</i>
19.	<i>erhalten</i>	38.	<i>möchte</i>

¹⁴ Kata kerja *muss, musste, müsst¹⁴, mussten* dalam senarai frekuensi kata bahasa Jerman menggunakan ejaan lama, iaitu *muß, mußte, müßten, mußten*. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggantikannya dengan sistem ejaan bahasa Jerman baharu.

SENARAI KATA KERJA FUNGSI BAHASA JERMAN (2/2)

No.	Item Leksikal	No.	Item Leksikal
39.	<i>nimmt, genommen, nahm, nehmen</i>	59.	<i>ziehen</i>
40.	<i>leben</i>	60.	<i>rechnen</i>
41.	<i>versucht</i>	61.	<i>fällt</i>
42.	<i>arbeiten</i>	62.	<i>verlassen</i>
43.	<i>berichtet, berichtete</i>	63.	<i>entschieden, entscheiden</i>
44.	<i>beginnt, begann</i>	64.	<i>läuft</i>
45.	<i>verloren</i>	65.	<i>wählen</i>
46.	<i>spricht, sprach, sprechen</i>	66.	<i>gewinnen</i>
47.	<i>teilte</i>	67.	<i>betonte</i>
48.	<i>schaffen</i>	68.	<i>suchen</i>
49.	<i>gleichen</i>	69.	<i>genannt</i>
50.	<i>handelt</i>	70.	<i>tragen</i>
51.	<i>entwickelt</i>	71.	<i>übernehmen</i>
52.	<i>erzählt</i>	72.	<i>verhindern</i>
53.	<i>forderte</i>	73.	<i>verkauft</i>
54.	<i>mag</i>	74.	<i>verwendet</i>
55.	<i>verletzt</i>	75.	<i>helfen</i>
56.	<i>braucht</i>	76.	<i>bezeichnet</i>
57.	<i>geplant, geplanten</i>		
58.	<i>bedeutet</i>		